

Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal Di Malaysia Fasa 2, 2017 (Zon 1)

Disediakan Untuk

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

19 Januari 2018

Volum 1, 2018

ISBN 978-967-0601-09-0

Perakaunan dan Pelaporan Kewangan
Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat dan
Baitulmal Di Malaysia Fasa 2, 2017
(Zon 1)

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kecekapan dan keberkesanan institusi agama dalam menzahirkan akauntabiliti kepada pihak berkepentingan semakin diberi perhatian (Crofts, 2013). Dalam konteks Malaysia, wujud persoalan terhadap tahap ketelusan dan akauntabiliti di kalangan institusi berlandaskan Islam seperti institusi yang mentadbir dan mengurus wakaf, zakat dan baitulmal (WZB). Kajian lepas menunjukkan tahap ketelusan dan akauntibiliti yang rendah di kalangan institusi ini terutamanya kepada penderma/pemberi amanah (contohnya pembayar zakat dan wakif) (Hasan Basri & Siti Nabiha, 2010; Syawal, 2009; Siti Rokiyah, 2005). Keadaan ini menuntut kepada kajian yang teliti bagi melihat amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan institusi agama yang dimaksudkan untuk disesuaikan dengan keperluan syariah bagi membolehkan institusi ini menzahirkan akauntabilitinya kepada pihak berkepentingan secara optimal.

Di Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) (dan entiti yang diberikuasa oleh MAIN) merupakan institusi yang bertanggungjawab dalam mentadbir dan mengurus aset berkaitan WZB. Bagi memenuhi tuntutan syariah dalam amalan perakaunan dan pelaporan kewangan MAIN (dan entiti yang diberikuasa oleh MAIN), satu kerangka kerja konseptual (KKK) perakaunan dan pelaporan kewangan Islam serta piawaian perakaunan yang khusus bagi Institusi WZB ini perlu dibentuk terlebih dahulu. KKK perakaunan dan pelaporan kewangan Islam merupakan landasan bagi penyediaan piawaian perakaunan bagi Institusi WZB dimana komponen kerangka kerja ini merangkum akauntabiliti pelapor maklumat perakaunan kepada pihak berkepentingan serta akauntabiliti entiti tersebut kepada Allah SWT. Seterusnya, kajian ini juga perlu mengambilkira batasan perundangan yang ada bagi melancarkan urusan pengoperasian MAIN ketika piawaian perakaunan WZB yang seragam digunakan kelak. Justeru itu, dengan wujudnya piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi WZB, adalah diharapkan institusi agama di negara ini dapat menzahirkan akauntabilitinya dengan

cekap dan berkesan kepada pihak berkepentingan dan seterusnya melunaskan akauntabiliti kepada Allah SWT.

Secara keseluruhan, kajian ini terdiri daripada empat fasa. Fasa Pertama menekankan aspek pendedahan dan pelaporan kewangan Institusi WZB yang melibatkan kesemua 14 MAIN di seluruh negara iaitu MAIN bagi negeri-negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Wilayah Persekutuan, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak; juga termasuk kesemua entiti-entiti dibawah MAIN yang bertanggungjawab dalam mentadbir dan mengurus WZB. Kajian yang sedang dijalankan ini merupakan kajian Fasa Kedua iaitu merupakan lanjutan daripada kajian Fasa Pertama.

Kajian Fasa Kedua ini tertumpu kepada aspek perakaunan bagi item-item aset yang berkaitan dengan WZB oleh MAIN dan entiti yang diberikuasa oleh MAIN untuk mentadbir dan mengurus WZB. Item aset yang dimaksudkan termasuklah i) harta tanah, loji dan peralatan; ii) inventori; iii) harta tanah pelaburan; iv) aset tak nyata; v) rosot nilai bagi aset yang menjana tunai; vi) rosot nilai bagi aset yang tidak menjana tunai; vii) pajakan dan viii) aset pertanian. Manakala Fasa Ketiga dan Keempat akan menyentuh aspek perakaunan bagi item-item liabiliti, hasil dan belanja serta lain-lain aspek yang belum disentuh sebelum ini.

Dalam Fasa Kedua ini, piawaian perakaunan yang terlibat sebagai asas rujukan adalah Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (*Malaysian Public Sector Accounting Standards - MPSAS*) seperti berikut:

- MPSAS 12 – Inventori
- MPSAS 13 – Pajakan
- MPSAS 16 – Harta Tanah Pelaburan
- MPSAS 17 – Harta Tanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 21 – Rosot Nilai Aset Yang Menjana Tunai
- MPSAS 26 – Rosot Nilai Aset Yang Tidak Menjana Tunai
- MPSAS 27 – Pertanian
- MPSAS 31 – Aset Tak Ketara

Penyata kewangan setiap MAIN dan entiti-entiti yang diberikuasa oleh MAIN diteliti bagi mengenalpasti isu-isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan yang bersabit dengan MPSAS di atas serta melihat hubungannya dengan keperluan syariah yang perlu dipenuhi dan melihat samada terdapat batasan-batasan perundangan di peringkat pengoperasian piawaian. Batasan-batasan perundangan yang dikenalpasti ini perlu diatasi dengan memberi cadangan-cadangan tertentu kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Dengan melalui proses yang sedemikian adalah diharapkan cadangan-cadangan yang bersesuaian dapat diberikan kepada Jabatan Akauntan Negara (JANM) untuk dijadikan input kepada pembangunan piawaian perakaunan yang seragam bagi institusi yang mentadbir dan mengurus WZB.

Mengenai pembiayaan dan perlaksanaan, kajian ini diberi mandat dan dibiaya oleh JANM dan dilaksanakan melalui Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP) dan Institut Perakaunan Negara (IPN) dengan kerjasama tiga universiti awam. Universiti yang dimaksudkan adalah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Ketiga-tiga universiti ini mewakili zon masing-masing bagi meliputi kajian ke atas kesemua 14 MAIN di seluruh negara serta entiti-entiti di bawah MAIN yang bertanggungjawab mengurus WZB. UKM dipertanggungjawabkan ke atas Zon 1 yang mewakili negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Sabah.

1.2 Objektif Kajian

Untuk mencapai matlamat kajian seperti yang dimaksudkan, berhubung dengan aspek perakaunan dan pelaporan bagi aset MAIN (dan entiti yang diberi kuasa oleh MAIN), empat objektif berikut perlu dipenuhi:

1. Memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh MAIN dan entiti yang diberi kuasa oleh MAIN.
2. Mengenalpasti keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyas) dan mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.

3. Mengenalpasti batas-batas perundangan dalam melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.
4. Mencadangkan maklumat sebagai asas pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal.

1.3 Persoalan Kajian

Untuk mencapai objektif kajian pertama, persoalan kajian yang perlu dijawab adalah apakah amalan perakaunan semasa berdasarkan piawaian perakaunan konvensional bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh MAIN (dan entiti yang diberikan kuasa oleh MAIN). Piawaian Perakaunan konvensional yang digunakan oleh MAIN pada masa ini adalah piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board – MASB*) iaitu PERS (MPERS mulai tahun 2016).

Untuk mencapai objektif kajian kedua, tiga persoalan kajian yang timbul adalah (1) apakah keperluan syariah (berdasarkan Al-Quran, Sunnah, Ijma' Ulama dan Qiyyas) bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh MAIN (dan entiti yang diberi kuasa oleh MAIN)?¹, (2) apakah kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan prinsip pendedahan yang perlu dalam KKK pelaporan kewangan Islam bagi aset berkaitan WZB?, dan (3) apakah jenis dan kualiti maklumat yang perlu didedahkan di dalam pelaporan kewangan Islam bagi Institusi WZB? Kajian pada Fasa Kedua ini akan terlebih dahulu mengenalpasti keperluan syariah bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset. Kriteria pengiktirafan, asas pengukuran serta prinsip pendedahan menurut keperluan syariah ini akan menjadi input kepada pengukuhan KKK yang telah mula dibangunkan pada Fasa Pertama sebelum ini. KKK yang telah diperkuuhkan ini dijadikan asas dalam pembangunan piawaian perakaunan Islam berkaitan aset dalam kajian Fasa Kedua ini. Bagi tujuan pengukuhan KKK tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan Islamisasi iaitu suatu proses adaptasi dan penyesuaian semula disiplin ilmu mengikut acuan Islam (Faruqi, 1982). Dengan

¹ Selepas ini MAIN dan entiti yang diberikuasa oleh MAIN untuk mentadbir dan mengurus wakaf, zakat dan baitulmal dinyatakan sebagai Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal (Institusi WZB).

pendekatan Islamisasi ini, penghayatan konsep tauhid dan konsep khalifah tetap kekal dalam KKK perakaunan dan pelaporan kewangan Islam (penerangan mengenai konsep tauhid dan konsep khalifah akan diperincikan dalam Bab 3). Bagi memenuhi persoalan kajian ini, penglibatan pakar-pakar syariah, muamalat dan perakaunan Islam adalah menjadi satu kemestian.

Seterusnya persoalan kajian bagi objektif ketiga menyentuh mengenai apakah batas-batas perundangan bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset berkaitan Wakaf, Zakat dan Baitulmal oleh Institusi WZB? Bagi tujuan ini, kajian yang mendalam mengenai peruntukan perundangan sedia ada yang berkaitan dilaksanakan. Dengan memahami batasan perundangan tersebut langkah-langkah penyelesaian boleh diambilkira oleh pihak berkuasa bagi memastikan piawaian perakaunan Islam yang bakal digubal dapat digunakan dengan berkesan oleh Institusi WZB kelak.

Manakala persoalan kajian bagi objektif yang terakhir adalah apakah keperluan piawaian perakaunan bagi pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset berkaitan WZB? Bagi menjawab persoalan ini, lapan MPSAS iaitu MPSAS 12, 13, 16, 17, 21, 26, 27 dan 31 telah dijadikan sebagai asas rujukan. Selain MPSAS, keperluan syariah adalah asas utama dalam mengemukakan cadangan kepada pembangunan piawaian perakaunan Islam berkenaan disamping rujukan juga dibuat kepada *Standard of Reporting Practice (SORP)* bagi badan kebajikan di United Kingdom dan *Statement of Principles (Financial Reporting from Islamic Perspective – SOP)* yang diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board – MASB*). Cadangan berhubung dengan piawaian perakaunan ini menyentuh dua aspek iaitu bentuk dan kandungan. Keunikan aktiviti Institusi WZB menyentuh aspek bentuk piawaian iaitu cadangan membina satu set piawaian perakaunan yang khusus bagi institusi berkenaan. Manakala aspek kandungan piawaian lebih mengkhusus kepada peruntukan dalam MPSAS samada peruntukan berkenaan bersesuaian dan boleh dikekalkan atau memerlukan pindaan/penambahan/dikeluarkan. Di sini, hanya peruntukan piawaian semasa berkaitan aspek aset yang tidak bertentangan dengan tuntutan syariah dicadangkan untuk dikekalkan. Manakala cadangan penambahan dibuat ke atas peruntukan piawaian yang memerlukan kesesuaian dengan tuntutan syariah. Seterusnya bahagian piawaian yang bertentangan dengan syariat Islam dan yang tidak berkaitan dengan aktiviti Institusi WZB dicadangkan untuk dikeluarkan dan akhir sekali

penerangan yang lebih terperinci ditambah bagi peruntukan piawaian yang memerlukan penelitian khas khususnya bagi memenuhi ciri-ciri unik Institusi WZB.

1.4 Struktur Laporan

Bab seterusnya iaitu Bab 2 akan menerangkan tentang latar belakang institusi yang dikaji manakala Bab 3 akan membincangkan kajian-kajian lepas yang berkaitan yang dijadikan rujukan dalam kajian ini. Penerangan tentang kaedah penyelidikan akan diterangkan dalam Bab 4. Seterusnya, Bab 5 akan melaporkan amalan semasa perakaunan bagi aset yang dikaji dan Bab 6 akan membincangkan mengenai keperluan syariah dan pengukuhan kerangka kerja konseptual diikuti dengan Bab 7 yang akan membincangkan mengenai batasan perundangan yang ada. Bab 8 pula akan memfokus kepada cadangan pembangunan piawaian dan akhir sekali Bab 9 akan memberi rumusan kajian serta membincangkan tentang limitasi dan hala tuju penyelidikan.

BAB DUA

LATAR BELAKANG INSTITUSI

2.1 Pengenalan

Tujuan bab ini adalah untuk menghuraikan latar belakang institusi yang terlibat dalam kajian ini. Bahagian ini juga membincangkan struktur tadbir urus bagi setiap MAIN khususnya MAIN di Zon 1 kajian iaitu Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Majlis Agama Islam Johor (MAINJ), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS).

2.2 Struktur Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri

Bagi tujuan untuk memahami amalan perakaunan berkaitan WZB di setiap MAIN dan entiti berkaitan di bawahnya, adalah penting untuk memahami terlebih dahulu struktur tadbir urus setiap MAIN berkenaan. Struktur tadbir urus ini akan menunjukkan samada pentadbiran WZB diletakkan kesemuanya di bawah MAIN atau di bawah entiti MAIN yang berkaitan. Dari segi pelaporan kewangan, struktur tadbir urus juga akan menentukan samada dan bagaimana akaun-akaun Kumpulan Wang Wakaf (KWW), Kumpulan Wang Zakat (KWZ) dan Kumpulan Wang Baitulmal (KWB) di satukan dalam akaun MAIN. Bahagian seterusnya akan membincangkan struktur tadbir urus bagi setiap MAIN dalam Zon 1.

2.2.1 Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Selangor


Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) merupakan satu entiti pertubuhan perbadanan (*a body corporate*) menurut Seksyen 5(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. Pada awal penubuhannya, MAIS merupakan satu badan tetap yang dinamakan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor. Ia ditubuhkan dibawah seksyen 5, Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1952 (Enakmen No.

3 Tahun 1952) yang bertujuan untuk menasihati DYMM Sultan dalam hal-hal yang bersabit dengan Agama Islam dan Adat Melayu. Nama dan identiti badan ini kemudiannya ditukar kepada satu pertubuhan perbadanan yang bernama Majlis Agama Islam Selangor berdasarkan kepada seksyen 5 (1), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Pada 1 Mac 2005, Pentadbiran Bahagian Pengurusan Baitulmal (BPB) telah dipindahkan dari Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) kepada MAIS. Pengasingan ini adalah menepati kehendak peruntukan Seksyen 81(3) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang menyatakan bahawa MAIS berkuasa untuk mentadbir dan berhak kepada semua wang dan harta Baitulmal.

Rajah 2.1 memaparkan struktur tadbir urus MAIS. Merujuk kepada Rajah 2.1, pentadbiran Baitulmal adalah di bawah tanggungjawab MAIS, manakala wakaf diletakkan dibawah tanggungjawab Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) dan pentadbiran zakat iaitu kutipan dan agihan adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Zakat Selangor (LZS). Selain PWS dan LZS, MAIS mempunyai anak syarikat dan Syarikat Bersekutu. MAIS mempunyai tiga anak syarikat dengan 100% pegangan, lima anak syarikat tahap 2 (*sub-subsidiary*) dan satu anak syarikat tahap 3 (*sub-subsubsidiary*). Syarikat Bersekutu pula adalah terdiri daripada dua entiti, masing-masing dengan pegangan 49% dan 48%.

Rajah 2.1: Majlis Agama Islam Selangor



2.2.2 Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Negeri Sembilan


Usaha penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) bermula sejak tahun 1947 apabila pihak British memperkenalkan sistem pentadbiran moden dan mula mengambil tindakan melantik pentadbir dari golongan orang Melayu dalam usaha ke arah persediaan untuk kemerdekaan. Arahan penubuhan Majlis Agama Islam atau *Council of Muslim Religion* telah ada dalam peruntukan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1948. Walau bagaimanapun hanya pada tahun 1949, MAINS ditubuhkan dengan rasminya melalui Enakmen Majlis Agama 1949 (Enakmen No.5/1949).

Kuasa-kuasa tertentu MAINS adalah sebagaimana yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan tahun 2003. Selain menolong dan menasihati DYMM Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, MAINS juga merupakan badan Induk Agama Islam yang tertinggi yang mengawal hal ehwal agama Islam negeri. Antara bidang kuasa MAINS ialah sebagai penguasa wasiat,

pentadbir pusaka orang Islam dan pemegang amanah; menjalankan urusan kontrak atas harta alih dan tak alih menurut syarat-syarat tertentu mengenainya dan mengikut hukum Syarak; hal mengenai fatwa rasmi Negeri Sembilan; pentadbir urusan baitulmal, zakat, dan khairat; pentadbir urusan wakaf, wasiat dan nazar serta pemegang amanah bagi semua masjid dan hartanya yang tak alih, termasuk urusan perlantikan pegawai-pegawai masjid, urusan berhubung dengan saudara-saudara baru, urusan tauliah mengajar agama dan urusan perbelanjaan wang zakat mengikut Asnaf.

Rajah 2.2 memaparkan struktur tadbir urus MAINS. Merujuk kepada Rajah 2.2, pentadbiran baitulmal dan agihan zakat adalah di bawah tanggungjawab MAINS, manakala fungsi kutipan zakat dilaksanakan oleh anak syarikat yang ditubuhkan iaitu MAINS Zakat Sdn. Bhd. Fungsi wakaf pula diletakkan dibawah tanggungjawab anak syarikat MAINS Holdings Sdn Bhd iaitu Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (PWNS). Selain itu, MAINS Holdings Sdn Bhd mempunyai dua lagi anak syarikat lain dengan pemilikan 100%.

Rajah 2.2: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan




2.2.3 Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Melaka

Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah ditubuhkan pada 28 September 1960. Sebagai badan induk kepada semua agensi dan institusi Islam di negeri Melaka, MAIM bertanggungjawab untuk mengurus hal ehwal Agama Islam Negeri Melaka di samping membantu dan menasihati Seri Paduka Baginda Yang di- Pertuan Agong.

MAIM berperanan dalam penggubalan dasar dan polisi berkaitan pentadbiran Hal Ehwal Islam di peringkat negeri dan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) adalah badan pelaksana kepada dasar dan polisi tersebut; di samping bertanggungjawab dalam pengawalan sekolah-sekolah agama Islam, kesalahan-kesalahan jenayah syariah, pelaksanaan pendakwaan di mahkamah syariah, mengurus tadbir pembinaan, penyelenggaraan dan pengimaranhan masjid dan surau.

Rajah 2.3 memaparkan struktur tadbir urus MAIM. Berdasarkan Rajah 2.3, pentadbiran baitulmal, wakaf dan agihan zakat adalah di bawah tanggungjawab MAIM, manakala kutipan zakat adalah di bawah tanggungjawab anak syarikat MAIM iaitu Pusat Zakat Melaka Sdn. Bhd. (PZM). Selain PWM, MAIM juga mempunyai dua anak syarikat lain dengan pegangan 100% dan tiga anak syarikat tahap 2 (*sub-subsidiary*).

Rajah 2.3: Majlis Agama Islam Melaka




2.2.4 Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Negeri Johor

Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) ditubuhkan pada tahun 1925 di bawah kuatkuasa Bahagian IV, Bab XV, Lembaga Aturan Bagi Pemerintahan Raja. MAINJ berperanan menguruskan dan mentadbir Kumpulan Wang Zakat & Fitrah dan mengagihkan mengikut asnaf, mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang/Harta Baitulmal dan mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang Wakaf sebagai Pemegang Amanah Wakaf di bawah Seksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Johor Tahun 2003.

Rajah 2.4 memaparkan struktur tadbir urus MAINJ. Berdasarkan Rajah 2.4, pentadbiran bagi semua fungsi baitulmal, wakaf, kutipan dan agihan zakat adalah di bawah tanggungjawab MAINJ. Selain itu, MAINJ juga mempunyai dua anak syarikat dengan 100% pegangan.

Rajah 2.4: Majlis Agama Islam Negeri Johor




2.2.5 Struktur Tadbir Urus Majlis Agama Islam Sabah

Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) merupakan sebuah pertubuhan yang berganding bahu dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dalam usaha menangani arus perkembangan dan kemajuan agama Islam di Sabah. MUIS bertanggungjawab dalam hal-hal menyampaikan ajaran Islam, memberikan pendidikan dan pengetahuan agama Islam, membina dan mentadbir bangunan masjid dan surau, perkahwinan orang-orang Islam, kemasukan agama Islam di seluruh Sabah kepada masyarakat tanpa mengira kaum, agama, jantina dan batas had umur di bawah Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004.

Rajah 2.5 memaparkan struktur tadbir urus MUIS. Berdasarkan Rajah 2.5, pentadbiran wakaf dan baitulmal (namun terhad kepada hasil seperti *luqatah* dan *fidyah*) dan fungsi kutipan dan agihan zakat yang dijalankan oleh Pusat Zakat Sabah adalah terletak di bawah tanggungjawab MUIS. Manakala pengurusan hasil baitulmal yang utama seperti hasil mahkamah syariah dan hasil operasi diletakkan dibawah tanggungjawab Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS) iaitu sebuah entiti berasingan namun masih melapor kepada MUIS. Selain itu, MUIS mempunyai anak syarikat dan juga syarikat bersekutu. Anak syarikat MUIS adalah terdiri daripada dua entiti di mana MUIS

mempunyai 100% pegangan. Syarikat Bersekutu pula adalah terdiri daripada satu entiti di mana MUIS mempunyai 30% pegangan.

Rajah 2.5: Majlis Ugama Islam Sabah



2.3 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas terdapat kepelbagaiannya dari segi struktur tadbir WZB. Terdapat MAIN yang meletakkan fungsi WZB dibawah pengurusan MAIN seperti di Johor, dan terdapat juga MAIN yang menubuhkan badan-badan korporat khusus untuk melaksanakan fungsi WZB secara berasingan seperti di Negeri Sembilan, Selangor, Melaka dan Sabah. Dari aspek pentabiran dan pengurusan wakaf, MAIS dan MAINS meletakkan fungsi pengurusan dan pentadbiran wakaf di bawah anak syarikat milik penuh MAIN. Manakala, bagi MAINJ, MAIM dan MUIS, fungsi wakaf masih terletak dibawah pentadbiran dan pengurusan MAIN. Seterusnya, dari aspek pengurusan zakat, terdapat MAIN yang meletakkan fungsi kutipan dan agihan zakat dibawah satu entiti dan terdapat juga MAIN yang mengasingkan fungsi kutipan dan agihan dibawah entiti yang berlainan. Contohnya di Selangor, fungsi kutipan dan agihan zakat diletakkan di bawah

anak syarikat milik penuh yang ditubuhkan dibawah MAIS. Manakala MUIS dan MAINJ meletakkan fungsi kutipan dan agihan zakat dibawah pentadbiran MAIN sendiri. Bagi MAINS dan MAIM, urusan kutipan zakat diletakkan dibawah pengurusan entiti khas iaitu anak syarikat milik penuh majlis, manakala fungsi agihan zakat dilaksanakan oleh MAIN. Seterusnya, bagi aspek pentadbiran dan pengurusan baitulmal, kesemua MAIN yang dikaji meletakkan fungsi tersebut dibawah majlis kecuali di Sabah dimana wujud dua entiti berbeza yang melaksanakan fungsi baitulmal iaitu pihak MUIS dan juga Perbadanan Baitulmal Sabah. Walau bagaimanapun, fungsi baitulmal yang dijalankan oleh MUIS adalah terhad kepada hasil *luqatah* dan *fidyah* manakala kebanyakkan hasil baitulmal yang lain diurus dan ditadbir oleh Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah yang merupakan entiti berasingan tetapi masih melapor kepada MUIS.

BAB TIGA

KAJIAN LITERATUR

3.1 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan kajian literatur yang dikupas berdasarkan lima isu utama. Pertama, perbincangan dimulakan dengan kupasan ringkas berkenaan sumber hukum syariah atau perundangan Islam yang relevan untuk dijadikan asas yang perlu dirujuk dalam pembentukan polisi dan piawaian perakaunan Islam. Kedua, kupasan tentang perakaunan dari perspektif Islam berdasarkan kajian-kajian lepas akan diketengahkan. Kupasan ini juga dilengkapkan dengan perbincangan ringkas tentang konsep Islamisasi ilmu pengetahuan, yang merupakan suatu pendekatan yang boleh digunakan dalam pembentukan piawaian bagi institusi yang mentadbir WZB. Ketiga, konsep umum bagi harta atau aset dari perspektif syariah dibincangkan dengan merujuk kepada dalil-dalil dan kajian lepas, serta perbandingan ringkas dibuat antara definisi aset mengikut perspektif Islam dengan definisi aset perakaunan konvensional. Seterusnya, konsep harta atau aset khusus seperti aset WZB diperincikan disamping kupasan amalan perakaunan bagi aset-aset tersebut dibuat dengan merujuk kepada kajian-kajian empirikal lepas. Akhir sekali, perbincangan isu-isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset dari perspektif Islam dipersembahkan secara ringkas dan diakhiri dengan kesimpulan.

3.2 Sumber hukum syariah atau perundangan Islam

Islam adalah agama yang lengkap (*syumul*) dan mengatur manusia dalam semua aspek kehidupan. Urusan keduniaan tidak dianggap terpisah dengan urusan akhirat, malahan setiap apa yang diperbuat akan dipertanggungjawabkan di hari pengadilan. Justeru, sesuai dengan sifat agama Islam itu sendiri yang lengkap dan sesuai untuk semua zaman, Islam menyediakan garis panduan dalam aspek menentukan hukum dan perundangan. Oleh itu, perbahasan ilmu perakaunan yang merupakan salah satu cabang ilmu keduniaan yang mengatur kehidupan manusia terutamanya dalam aspek

muamalat perlu disandarkan kepada sumber-sumber hukum Islam. Perbincangan sumber-sumber hukum Islam adalah penting untuk disentuh dalam kajian ini kerana dalam usaha mewujudkan tatacara dan piawaian perakaunan yang menepati syarak, sumber-sumber hukum Islam yang telah digunakan oleh para ulama mujtahid harus dirujuk.

Dalam menentukan hukum, terdapat dua jenis sumber hukum yang dirujuk oleh para ulama. Pertama, dalil *qat’ie* atau sumber yang disepakati oleh para ulama dan kedua, dalil *zanni* iaitu sumber yang tidak disepakati. Sumber hukum yang disepakati terdiri dari empat iaitu Al-quran, As-sunnah, ijmak ulama’ dan Qias. Al-quran merupakan sumber utama bagi perundangan Islam dan ia membawa dalil-dalil yang berbentuk umum. Hukum yang terkandung dalam Al-quran ditaksir oleh Nabi Muhammad S.A.W melalui hadis dan kemudiannya ditaksir oleh para ulama. Seterusnya, sumber perundangan kedua iaitu As-sunnah. As-sunnah adalah segala perkataan, perbuatan, sifat, perjalanan hidup, persetujuan dan *takrir* (tidak melarang) yang disandarkan kepada Rasulullah S.A.W. Kehujahan As-sunnah dijadikan sumber hukum yang disepakati ulama adalah berdasarkan dalil-dalil seperti berikut:

“Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya.” (Al-Hasyar: 7)

“Wahai orang-orang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada ‘ulil-Amri’ (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian, jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya – jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.” (An-Nisa: 59)

Ijmak ulama’ pula bermaksud kesepakatan para ulama’ mujtahid daripada umat Rasulullah S.A.W dalam perkara berhubung hukum syarak. Penggunaan Ijmak Ulama dalam penetapan hukum syarak disandarkan kepada dalil Al-quran:

“... dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah).”
(Al-Baqarah: 143)

Akhir sekali Qias yang membawa maksud Ijtihad para ulama' pada perkara baru yang disandarkan pada perkara yang telah wujud hukumnya. Contoh: pengharaman arak (telah jelas disebut di dalam Quran) kerana memabukkan menjadi sandaran ulama' berpendapat semua minuman yang memabukkan itu adalah haram. Sumber pengharusan qias ialah berdasarkan Hadis:

Nabi S.A.W mengutus Muaz ke Yaman. Maka Nabi S.A.W bertanya kepadanya: “Bagaimana kamu akan memutuskan hukum apabila dibawa kepada kamu sesuatu permasalahan?” Muaz menjawab: “Saya akan memutuskan hukum berdasarkan kitab Allah”. Nabi S.A.W bertanya lagi: “Sekiranya kamu tidak mendapati didalam kitab Allah?” Jawab Muaz: “Saya akan memutuskan berdasarkan Sunnah.” Tanya Nabi lagi: “Sekiranya kamu tidak menemui di dalam Sunnah?” Muaz menjawab, “Saya akan berijtihad dengan pandanganku”. Nabi pun bersabda: “Segala puji bagi Allah yang telah member taufiq kepada utusan Rasulullah.” (Hadis Riwayat Ahmad)

Selain dari empat sumber hukum yang disepakati yang telah dibincangkan di atas, terdapat pelbagai sumber hukum yang tidak disepakati yang boleh dirujuk iaitu *Ihtisan*, *Masalah Mursalah*, *Ihtisab*, *Saddu Zara'i*, *Syar'u min koblana*, *Kaulu Sohabi*, *Amalul Ahli Madinah*, dan *Uruf Wa Adat* (Ariffin, Yahya, dan Sahi, 2015). Perbincangan sumber hukum yang tidak disepakati ini juga sewajarnya disentuh kerana sumber-sumber ini juga boleh dijadikan rujukan dalam menyelesaikan isu-isu baru seperti pembentukan piawaian perakaunan Islam. Oleh hal yang demikian, perbincangan bagi setiap jenis hukum dipersembahkan secara ringkas seperti berikut:

1. *Istihsan*

Istihsan bermaksud menggunakan qias yang tidak nyata dengan meninggalkan qias yang nyata atau mengecualikan sesuatu perkara dari dalil atau kaedah yang umum

berdasarkan dalil-dalil yang tertentu. Contohnya, sisa minuman burung helang dianggap suci dengan mengkiaskan kepada lebihan minuman manusia kerana persamaan kedua-duanya dari segi dagingnya yang tidak halal di makan. *Istihsan* mengambil qias yang tidak nyata iaitu tidak nyata persamaan antara kedua-duanya. Jika digunakan qias yang nyata iaitu dengan menqiaskan kepada sisa minuman binatang buas seperti harimau ataupun singa hukumnya tidak suci dan sudah pasti tidak boleh diminum (Ariffin, et. al, 2015).

2. *Masalih Mursalah*

Masalih mursalah bererti menentukan hukum sesuatu berdasarkan kepada kemaslahatan tertentu yang tiada ketentuan nas mahupun ijmak yang menerima atau menolaknya. *Masalih mursalah* dapat dibahagikan kepada tiga tahap iaitu keperluan yang mendesak (*dharurriyah*) iaitu keperluan-keperluan utama yang manusia bergantung kepadanya. Tahap yang kedua dipanggil keperluan biasa (*hajiyah*) iaitu keperluan yang diperlukan oleh manusia untuk mengelakkan diri daripada kesukaran. Tahap yang terakhir ialah keperluan kesempurnaan (*tahsiniyyah*) yang mana ianya diperlukan untuk keselesaan hidup manusia. Tiga tahap atau darjah keperluan ini boleh diaplikasikan dalam pelbagai konteks. Sebagai contoh, konteks pelaporan maklumat perakaunan (Salleh et. al, 2016). Tahap *dharurriyah* merujuk kepada pelaporan maklumat asas yang wajib dilaporkan dan boleh menyebabkan matlamat pelaporan tidak dapat dicapai jika tidak didedahkan. Seterusnya tahap *hajiyah* iaitu pelaporan maklumat yang perlu untuk tujuan menambah kefahaman yang akan memudahkan pengguna maklumat memahami maklumat yang dilaporkan dan jika tidak dilaporkan mungkin boleh menimbulkan kekeliruan. Tahap ketiga iaitu *tahsiniyyah* adalah berkaitan dengan pendedahan maklumat yang bertujuan mengukuhkan pendedahan sedia ada, tetapi jika tidak didedahkan tidak menjaskankan tujuan pelaporan.

3. *Istishab*

Istishab adalah dalil yang menilai tetapnya sesuatu perkara selagi tidak ada yang mengubahnya. *Istishab* ini sangat berkait rapat dengan satu kaedah fiqh, **ما ب قاء الا صل**, **کان ما ع لى کان** yang bermaksud sesuatu perkara itu kekal seperti asalnya.

4. *Saddu zara'i*

Saddu zara'i dari segi bahasa bermaksud menutup jalan-jalan kejahatan. Menurut istilah syarak, ia bermaksud menghalang perkara-perkara harus yang boleh membawa kepada perkara-perkara yang haram. Terdapat empat jenis *saddu zara'i*, iaitu sesuatu yang pasti membawa kepada keburukan seperti membuang bahan lebihan proses kilang ke sungai. Kedua, sesuatu yang besar kemungkinan membawa kepada keburukan seperti menjual anggur kepada pembuat arak. Ketiga, sesuatu yang berkemungkinan membawa kepada keburukan seperti menjual barang secara bertangguh kerana boleh membawa kepada riba. Keempat, sesuatu yang jarang membawa kepada keburukan seperti menggali lubang di tempat-tempat yang jarang dilalui oleh manusia (Ariffin, et. al, 2015).

5. *Syar'u min koblana*

Syar'u min koblana bermaksud syariat yang wujud sebelum Rasulullah S.A.W. diutuskan sebagai petunjuk jalan. Maksud menurut istilah ialah syariat-syariat rasul terdahulu yang terdapat dalam Al-Quran atau sunnah tetapi tiada arahan supaya kita mengikutinya. Sebagai contoh ialah syariat Nabi Musa A.S dan Nabi Adam A.S.

6. *Kauli sohabi*

Kauli sohabi bererti kata-kata atau perbuatan orang yang pernah bertemu dengan Rasulullah S.A.W yakni para sahabat baginda dalam keadaan beriman serta berdamping dengannya untuk jangka masa yang lama, contohnya Khulafa Al-Rasyidin, Ibnu Abbas, Saidatina Aisyah dan lain-lain (Ismail, 2014). Dalam ayat Al-Quran juga ada menerangkan keredhaanNya dan menjanjikan syurga kepada para sahabat serta orang yang mengikut jejak dan tingkah laku sahabat. Dalilnya:

“Dan orang-orang terdahulu – yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang ‘Muhajirin’ dan ‘Ansar’, dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia, serta Ia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.” (Surah At-Taubah: 100)

Serta dalam sebuah hadis berikut:

“Kami pernah dinasihati oleh Rasulullah shalallahu ‘alaihi wasallam dengan sebuah nasihat yang amat mendalam, yang menyebabkan air mata kami berlinang dan hati kami bergetar, lalu seorang Sahabat bertanya: ‘Ya Rasulullah, seakan-akan ini sebagai nasihat seseorang yang akan pergi, maka apa pesanmu kepada kami?’ Beliaupun bersabda: ‘Aku wasiatkan kepadamu agar bertakwa kepada Allah, mendengar dan patuh (kepada pimpinan), meskipun ia seorang budak dari Habasyah (Ethiopia), kerana sesungguhnya orang yang hidup di antara kamu sesudahku akan melihat perselisihan yang banyak, maka berpegang teguhlah kamu kepada sunnahku dan sunnah para Khulafa’ (pengikutku) yang mendapat petunjuk, berpegang teguhlah kamu padanya dan gigitlah dengan geraham-geraham (mu), dan jauhilah hal-hal yang diada-adakan (dalam agama) karena setiap yang baru itu adalah bid’ah dan setiap bid’ah adalah kesesatan.” (HR. Abu Dawud dan yang lainnya, dishahihkan oleh Ibnu Majah, demikian pula Syaikh Albani telah meneliti).

7. *Amalul Ahli Madinah*

Amalul Ahli Madinah bermaksud perkataan atau perbuatan yang disepakati oleh penduduk Madinah dalam lingkungan kurun hijrah yang pertama. Sebagai contoh, Imam Malik telah menyatakan dalam kitab Al-Muwatta’ bahawa maknum tidak perlu membaca Al-Fatihah dalam solat yang nyaring. Kenyataan Imam Malik ini adalah berdasarkan amalan penduduk Madinah. Sementara itu, Imam Syafi’e menyatakan maknum perlu membaca surah Al-Fatihah walaupun dalam solat yang nyaring berdasarkan hadis yang lain. Tetapi Imam Malik tidak bersandarkan kepada hadis tersebut kerana beliau berpendapat bahawa *Amalul Ahli Madinah* lebih kuat berbanding hadis ini yang bertaraf hadis ahad.

8. *Uruf wa adat*

Uruf wa adat bererti perkataan atau perbuatan yang menjadi kebiasaan sekumpulan manusia dan diterima oleh akal yang sejahtera. Sebagai contoh, perbuatan memakai kasut di dalam rumah dalam kalangan masyarakat melayu dianggap kurang sopan. Oleh itu, setiap tetamu hendaklah menanggalkan kasut mereka sebelum memasuki rumah masyarakat melayu.

Selain dari sumber yang disepakati dan tidak disepakati yang telah dibincangkan dalam perenggan di atas, kaedah fiqh atau dikenali sebagai *Qawaid Fiqhiyah Kubra* yang merupakan satu cabang ilmu yang menjelaskan hukum yang bersifat umum, yang boleh digunakan untuk menyelesaikan permasalahan yang baru dan bersifat praktikal. Walaupun kaedah fiqh tidak dianggap sebagai dalil syarak yang akan menentukan hukum, kaedah fiqh boleh dirujuk untuk memudahkan proses merujuk suatu permasalahan fiqh kepada prinsip syarak (Ismail, 2005). Terdapat lima kaedah fiqh asas yang masyur yang akan dibincangkan dengan menerangkan contoh secara ringkas seperti berikut:

i. Segala urusan berdasarkan niatnya

Kaedah ini menjelaskan bahawa niat seseorang *mukallaf* diambil kira dalam menentukan hala tuju perbuatannya. Niat akan menentukan sama ada sesuatu perkara itu halal atau haram, sah atau batal. Dalil berdasarkan hadis:

"Sesungguhnya setiap amalan itu berdasarkan niat masing-masing".
(Hadis Riwayat Bukhari).

Contoh aplikasi kaedah ini yang menarik untuk disertakan berdasarkan Ismail (2005) adalah jika seseorang mengambil suatu harta *luqatah* (barang dijumpai) dengan niat untuk memilikinya, maka ia dianggap perampas yang perlu memberi ganti rugi jika barang tersebut rosak. Tetapi jika seseorang itu berniat untuk menyimpan, menghebahkan dan memulangkan kembali kepada pemilik asal, dia dianggap sebagai pemegang amanah yang tidak perlu memberi ganti rugi jika barang tersebut rosak (al-Burnu, 1998, dalam Ismail, 2005).

ii. Keyakinan tidak dihapuskan dengan keraguan

Maksud kaedah ini ialah perasaan syak dan was-was tidak dapat menghapuskan keyakinan seseorang. Dalil dari hadis bagi kaedah ini:

"Nabi S.A.W bersabda, Apabila kamu syak dalam solat, lantas tidak mengetahui bilangan rakaat, 3 atau 4? Kamu hendaklah membuang syak tersebut dan meneruskan solat berdasarkan apa yang diyakininya"
(Hadis Riwayat Muslim).

Contoh aplikasi kaedah ini adalah jika diketahui terdapat harta haram atau harta dirampas atau harta dicuri di sebuah kedai, namun demikian tidak dikenalpasti di bahagian mana, kita diharuskan untuk menjalankan urusan jual beli di kedai tersebut kerana barang yang hendak diurusniaga hanya disyaki haram dan keyakinan asal iaitu ia adalah halal tidak terhapus dengan keraguan tersebut (Ismail, 2005).

iii. Kesukaran membawa kepada keringanan

Kaedah ini secara umumnya bermaksud hukum hakam yang mendatangkan kesukaran untuk dilaksanakan oleh mukallafakan diringankan cara pelaksanaannya oleh syarak. Namun demikian, bukan bermaksud semua kesukaran diberikan keringanan. Contohnya kesukaran melaksanakan ibadah yang tidak dapat dielakkan seperti perlu bermusafir jauh untuk menunaikan haji tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak menunaikan haji. Namun, jika kesukaran melibatkan kehilangan nyawa, maruah dan harta maka dibenarkan keringanan oleh syarak. Contohnya, jika perjalanan menuju ke Mekah tidak selamat, ibadah haji tidak wajib. Tujuh sebab bagi keringanan yang dibenarkan syarak dalam ibadat adalah sebab musafir, sakit, paksaan (seperti dipaksa melafazkan perkataan kufur), lupa (sehingga ia ingat), kejahilan, kepayahan, dan kekurangan (contoh orang gila yang kurang akal tidak dipertanggungjawabkan). Dalil berkaitan kaedah ini adalah:

"Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran." (Al-Baqarah: 185)

"Kami (Allah) tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan sekadar kesanggupannya." (Al-An'am:152)

"Nabi S.A.W bersabda, permudahkanlah dan jangan menyusahkan."
(Hadis Riwayat Bukhari)

Contoh aplikasi kaedah ini adalah syarak mengharuskan *gharar* yang ringan apabila wujud keperluan, seperti takaful dibenarkan walaupun terdapat *gharar* ringan kerana wujudnya keperluan terhadapnya (Majd Ahmad, 2001, dalam Ismail, 2005).

iv. Kemudaratatan wajib dihilangkan

Kaedah ini dikaitkan dengan menjaga kepentingan agama, jiwa, keturunan, harta dan maruah. Kaedah ini menjelaskan bahawa segala kemudaratatan perlu ditegah dan

diharamkan, termasuk mudarat yang umum dan khusus. Selain itu, pencegahan awal juga perlu dibuat untuk mengelakkan daripada kemudaratan sebagaimana kita menghapuskan kemudaratan yang telah berlaku dan mengawal daripada kemudaratan yang berulang-ulang (al-Burnu,1998 dalam Ismail, 2005). Contoh dalil dari hadis:

"Tidak ada mudarat dan tidak ada yang memudaratkan." (Hadis Riwayat Imam Malik, Baihaqi & Hakim)

Contoh aplikasi kaedah ini ialah penjualan harta *al-ihtikar* (kegiatan memonopoli suatu barang untuk dijual semula dengan harga yang lebih tinggi) dengan harga semasa oleh pemerintah demi mengelakkan kemudaratan dan menjaga kemaslahatan masyarakat (Ibn Qudamah t.th: 308).

v. Adat kebiasaan dapat dijadikan landasan mengeluarkan hukum

Kaedah ini bermaksud bahawa adat sesuatu masyarakat yang tidak bertentangan dengan nas syarak diambil kira dalam penentuan hukum syarak (al-Burnu,1998 dalam Ismail, 2005). Tetapi perlu memenuhi syarat iaitu adat tersebut perlu konsisten dan diterima majoriti masyarakat, tidak bertentangan dengan syarak, adat diterima pakai selagi tidak dipersetujui sebaliknya (Contohnya, adat masyarakat setempat adalah si pembeli yang harus menanggung kos penghantaran barang ke tempatnya. Namun, jika si pembeli dan si penjual telah bersetuju bahawa si penjual yang perlu menanggung kos tersebut, dalam situasi ini adat tidak diambil kira, sebaliknya persetujuan mereka yang menjadi penentu). Antara dalil bagi kaedah ini:

"... dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada para ibu menurut cara yang sepatutnya". (Al-Baqarah: 233).

Berdasarkan ayat tersebut, kadar makanan dan pakaian yang diwajibkan kepada seorang suami terhadap isterinya tidak diperincikan, tetapi diserahkan kepada adat yang patut untuk menentukannya (Ismail, 2005). Contoh aplikasi kaedah ini adalah, *sighah (ijab dan qabul)* merupakan salah satu rukun jual beli, namun demikian *fugaha* antaranya al-Nawawiyy mengharuskan urusniaga yang dijalankan tanpa *sighah* jika ia menjadi adat sesuatu masyarakat (al-Khin,1989 dalam Ismail, 2005).

Oleh hal yang demikian, dalam usaha pembentukan piawai dan polisi perakaunan yang menepati hukum syarak, sumber-sumber hukum sama ada yang disepakati atau

tidak disepakati perlu dirujuk untuk memberi ruang keluwesan selagi tidak bertentangan dengan syarak dan kaedah-kaedah fiqh yang wujud. Kaedah-kaedah fiqh yang masyur seperti yang dijelaskan di atas juga boleh dijadikan asas dan panduan dalam membentuk piawaian yang selari dengan hukum syarak.

3.3 Konsep Perakaunan Islam dan Islamisasi

Konsep perakaunan dari perspektif Islam ataupun disebut sebagai ‘perakaunan Islam’ adalah suatu konsep yang berbeza dari konsep perakaunan konvensional. Walaupun masih belum wujud suatu konsep atau teori yang jelas yang membentuk ‘teori perakaunan Islam’ (Mustaffha & Zainal, 2016), namun sorotan karya dari pelbagai sarjana perakaunan yang membincangkan asas perakaunan Islam penting untuk dibincangkan bagi memberi kefahaman tentang kerangka kerja yang mendasari polisi perakaunan yang patuh syariah.

Abdul Rahman (2010) mendefinisikan perakaunan Islam berasaskan konsep tauhid dan konsep khalifah. Konsep tauhid secara ringkasnya adalah konsep mengesakan Allah S.W.T dan mengakui Allah S.W.T Tuhan sekalian alam. Konsep khalifah pula menerangkan tentang tujuan penciptaan manusia iaitu sebagai khalifah yang mentadbir urusan di muka bumi mengikut aturan Penciptanya. Konsep khalifah yang menjadi asas kepada perakaunan Islam seterusnya membawa kepada pendefinisan konsep akauntabiliti dari perspektif Islam. Konsep akauntabiliti dari perspektif konvensional menerangkan tentang tanggungjawab dan kebertanggungjawaban iaitu kesediaan untuk menjawab atas segala tindakan dan keputusan yang diambil (Gray et. al, 1987). Namun, konsep akauntabiliti dalam Islam meliputi kebertanggungjawaban yang lebih luas dan kritikal iaitu setiap tindakan atau perbuatan manusia yang merupakan khalifah Allah S.W.T akan dipertanggungjawabkan di akhirat dan akan dihisab dengan seadil-adilnya pada hari pengadilan. Dalil dari Al-Quran berikut boleh dirujuk:

“Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk pada) hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun; dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi (sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya

(untuk ditimbang dan dihitung); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung". (Surah Al-Anbiya: 47)

Oleh itu, urusan keduniaan adalah tidak dipisahkan dengan urusan akhirat, malah setiap urusan keduniaan mestilah bertujuan mencapai *mardhatilah* (keredaan Allah S.W.T) dan *al-falah* (kejayaan dunia dan akhirat). Seterusnya, beberapa sarjana yang lain membincangkan konsep akauntabiliti dari perspektif Islam yang menjadi asas dan matlamat perakaunan Islam dengan konsep akauntabiliti dua lapisan iaitu manusia perlu memenuhi tuntutan akauntabiliti kepada Allah S.W.T dan juga akauntabiliti sesama umat manusia (Haniffa, Hudaib, & Mirza 2004; Mirza, 2012; Shahul, 2000).

Konsep perakaunan Islam juga lebih meluas dan tidak terhad kepada penyediaan maklumat kewangan kepada pengguna atau pihak berkepentingan, malah perakaunan harus berfungsi sebagai medium penzahiran akauntabiliti mengikut kehendak syariah (Abdul Rahim, 2010). Mirza (2012) pula menerangkan aspek etika yang mendasari perakaunan Islam adalah etika yang konsisten dengan syariah untuk membolehkan tujuan akauntabiliti terlaksana. Oleh itu, objektif utama perakaunan Islam adalah untuk mencapai maksud akauntabiliti Islam. Selain itu, Sulaiman (2005) memberi penekanan kepada beberapa aspek dalam perakaunan Islam iaitu kebenaran dan integriti, penyediaan maklumat yang telus tanpa unsur pemalsuan, dan juga konsep keadilan sosial iaitu peraturan atau konvensyen perakaunan Islam haruslah tidak memihak kepada satu kelompok khusus, sebaliknya perlu mengambil kira keperluan umat sejagat.

Abdul Rahman (2017) memberikan objektif perakaunan dan pelaporan kewangan dalam konteks Majlis Agama Islam adalah untuk memenuhi keperluan syariah dan memenuhi tiga tujuan. Pertama, perakaunan dan pelaporan membantu pengguna maklumat membuat pertimbangan dan keputusan yang berkaitan. Kedua, memenuhi tuntutan akauntabiliti kepada semua pihak berkepentingan, dan ketiga, tujuan terunggulnya adalah untuk mencapai keredaan Allah S.W.T (*mardhatillah*). Konsep tuntutan akauntabiliti yang digarap dalam mendefinisikan objektif perakaunan tersebut adalah merujuk kepada dalil:

"Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang

ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan". (Surah At-Taubah: 105)

Dalam konteks MAIN juga, pihak berkepentingan adalah dari kalangan pelbagai kelompok (contohnya pembayar zakat, penerima zakat, pewakaf, Sultan, Kerajaan Negeri, dan lain-lain) yang mempunyai keperluan dan kehendak maklumat yang pelbagai. Oleh itu, dimensi akauntabiliti kepada Allah S.W.T dan kepada pihak berkepentingan (akauntabiliti sesama manusia) yang kritikal bagi institusi seperti MAIN menjadi faktor penting terhadap perlunya perakaunan Islam yang dapat memenuhi keperluan perakaunan dan pelaporan yang berlandaskan syariah (Shahul Hameed, 2000).

Walau bagaimanapun, seperti yang telah ditekankan pada awal perenggan yang membincangkan konsep perakaunan Islam ini, perakaunan Islam masih belum wujud sebagai satu konsep yang jelas dan tersendiri walaupun telah dibuktikan keperluan perakaunan yang berteraskan syariah yang berbeza dengan konsep perakaunan konvensional (Shahul Hameed, 2000; Sulaiman, 2005). Perbahasan pembentukan perakaunan Islam boleh dilihat dari konteks 'Islamisasi ilmu pengetahuan kontemporari' yang dibawa oleh sarjana Islam seperti Al-Attas (1978) dan Faruqi (1982). Menurut Hashim dan Rossidy (2000), konsep Islamisasi ilmu pengetahuan kontemporari seperti yang didefinisikan oleh Al-Attas adalah merujuk kepada proses pembebasan manusia dari taksiran ilmu pengetahuan berdasarkan ideologi sekular. Manakala, konsep Islamisasi yang dibawa oleh Faruqi adalah merujuk kepada proses adaptasi dan penyesuaian semula disiplin ilmu mengikut acuan Islam.

Majid dan Haliding (2014) membahaskan tentang keperluan Islamisasi disiplin ilmu perakaunan disebabkan beberapa faktor. Antaranya adalah percanggahan objektif perakaunan konvensional dan perakaunan Islam dan ketidaksesuaian prinsip dan konvensyen perakaunan dalam mengakaunkan transaksi yang bertepatan dengan syariah. Justeru, disiplin ilmu perakaunan konvensional sedia ada wajar dilihat semula dari perspektif syariah. Prinsip dan konvensyen perakaunan yang tidak bertentangan dengan keperluan syarak boleh diterima pakai, manakala prinsip yang bertentangan dengan syarak harus ditolak. Bagi perkara yang tiada nas atau dalil yang jelas seperti disiplin ilmu perakaunan, kedah fiqh boleh digunakan sebagai garis panduan dalam merangka sesuatu polisi atau undang-undang. Hal ini kerana dalam perkara muamalat,

satu kaedah fiqh yang diguna pakai ialah **الْمُحَاجَةُ إِلَيْهِ شَيْءٌ فَإِنْ لَمْ يَأْتِ بِهِ** yang bermaksud asal sesuatu perkara adalah harus sehingga wujud dalil yang mengharamkannya (Al-Bakri, 2010).

Pembentukan perakaunan Islam melalui pendekatan Islamisasi ini dilihat sebagai satu kaedah yang bersifat praktikal bagi menyelesaikan isu-isu kontemporari seperti keperluan kepada konsep perakaunan yang patuh syarak (Abdul Rahman, 2010; Majid dan Haliding, 2014). Hal ini diperkuatkan lagi dengan fakta bahawa institusi-institusi Islam seperti MAIN perlu memenuhi tuntutan akauntabiliti kepada pihak berkepentingan yang pelbagai dan juga perlu menjalankan fungsi sebagai pemegang amanah selari dengan keperluan syarak. Walaupun terdapat kritikan terhadap kaedah Islamisasi ilmu pengetahuan dalam membina disiplin ilmu kontemporari seperti perakaunan Islam, kelebihan kaedah ini dilihat boleh menyumbang sebagai satu pendekatan yang praktikal dan sesuai digunakan sebagai langkah awal pembangunan disiplin ilmu (Ahmed, 2012). Pembentukan perakaunan Islam akan sentiasa menjalani proses penambahbaikan dan dikembangkan dari semasa ke semasa sehingga suatu konsep yang benar-benar kukuh dapat ditegakkan.

3.4 Konsep harta (aset) dari perspektif syarak dan perakaunan konvensional

Pembangunan perakaunan Islam yang menggunakan pendekatan Islamisasi perlu mengambil kira penilaian prinsip dan tafsiran perakaunan konvensional dari perspektif syarak. Contohnya, definisi aset yang digunakan dalam perakaunan konvensional perlu dikaji semula bagi memastikan konsep aset yang digunakan tidak menyalahi syarak malahan perlu memenuhi kehendak syarak. Terminologi ‘aset’ yang digunakan dalam perakaunan mungkin tidak dibincangkan secara jelas dari perspektif syariah, sebaliknya konsep aset yang paling hampir yang boleh dirujuk adalah konsep harta dari sudut syariah.

Dari segi bahasa, ‘harta’ ditakrifkan sama dengan perkataan ‘*mal*’ dalam bahasa Arab. Dari sudut istilah, para ulama telah memberikan pelbagai takrifan yang boleh dikaitkan sebagai takrifan harta (Ahmad & Ibrahim, 2006). Antaranya menurut takrifan seperti yang dipetik dalam Ahmad dan Ibrahim (2006), sesetengah ulama Mazhab Hanafi mentakrifkan bahawa harta adalah sesuatu yang manusia cenderung kepadanya secara

semulajadi, boleh disimpan dan boleh digunakan ketika waktu yang dikehendaki. Sebahagian ulama lain pula menyatakan bahawa harta adalah sesuatu yang pada umumnya boleh diambil manfaat atau sesuatu yang boleh dimiliki dan dikawal walaupun tanpa keperluan. Selain itu, menurut Imam Shafi'e seperti yang dinyatakan oleh Al-Suyuti, harta adalah sesuatu yang bernilai dan mesti dibayar ganti rugi jika berlaku kerosakan.

Perbahasan tentang takrifan harta yang menimbulkan perselisihan antara ulama adalah berhubung isu 'manfaat dan hak'. Sebahagian ulama Mazhab Hanafi berpegang kepada prinsip bahawa harta adalah terhad kepada sesuatu yang mempunyai fizikal dan jirim yang dapat dikesan oleh pancaindera. Oleh itu, manfaat dan hak tidak dianggap sebagai harta kerana manfaat dan hak dikaitkan sebagai pemilikan. Walaubagaimapun, majoriti ulama lain menganggap manfaat dan hak juga adalah harta kerana maksud atau tujuan sesuatu itu adalah pada manfaatnya bukan pada fizikalnya. Tambahan pula, berlaku kawalan dan pemilikan ke atas hak dan manfaat tersebut. Pendapat kedua ini adalah pendapat sahih yang diterima undang-undang dan ramai pihak dalam banyak urusan (Ahmad & Ibrahim, 2006). Oleh hal yang demikian, berdasarkan pendapat majoriti para ulama, takrifan harta disisi syarak yang boleh disimpulkan adalah 'setiap sesuatu yang boleh dikawal, dimanfaatkan, mempunyai nilai, dikehendaki dan mestilah halal menurut ketetapan syarak (Ahmad & Ibrahim, 2006; MASB SOPi; Muji Tahir & Ahmad, 2009).

Selain itu, definisi harta juga dikaitkan dengan teori pemilikan harta dari perspektif syarak. Hal ini kerana, asas kepada pemilikan yang dilihat dari perspektif konvensional adalah sesuatu yang bercanggah dengan prinsip syarak. Menurut perspektif konvensional, harta adalah pada asalnya tidak dimiliki oleh sesiapa, dan kemudian manusia menjadikannya sebagai pemiliknya yang mutlak (Ahmad & Ibrahim, 2006). Konsep ini adalah bertentangan dengan teori pemilikan harta disisi syarak yang menyatakan pemilik mutlak dan hakiki bagi segala harta di alam semester adalah Allah S.W.T. Antara dalilnya adalah:

"Dialah jua yang memiliki segala yang ada di langit dan yang ada di bumi serta yang ada di antara keduanya dan juga yang ada di bawah tanah basah di perut bumi." (Surah Taha: 6)

Seterusnya, pemilikan harta dari pandangan syariah dikaitkan dengan konsep khalifah yang bermaksud manusia dijadikan oleh Allah S.W.T sebagai khalifah di muka bumi untuk mentadbir dan menjalankan amanah yang diperintahkan mengikut ketetapanNya.

“Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjah, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu.” (Surah Al-An’am: 165)

Justeru, sebagaimana maksud pemilikan harta itu termasuk manusia adalah secara keseluruhannya adalah milik Allah S.W.T secara mutlak, manusia pula diberi amanah oleh Allah S.W.T sebagai khalifah yang perlu mentadbir isi bumi mengikut landasan yang ditetapkan olehNya.

“Dialah menjadikan kamu dari bahan-bahan bumi, serta menghendaki kamu memakmurkannya.” (Surah Hud: 61)

Konsep kekhalifahan yang ditekankan adalah merujuk kepada amanah yang diberikan Allah S.W.T kepada manusia melalui kawalan ke atas harta (tanpa hak milik mutlak) tetapi manusia bertanggungjawab mengurus dan memanfaatkan harta untuk diri sendiri, masyarakat dan agama untuk mencapai keredhaanNya (*mardhatillah*) (Ahmad & Ibrahim, 2006). Justeru, aspek pengurusan harta adalah penting termasuklah tatacara rekod atau sistem perakaunan yang lengkap yang bertujuan menjaga harta dan membolehkan individu atau pihak yang telah diamanahkan menzahirkan akauntabilitinya dalam pengurusan harta lebih-lebih lagi dalam konteks pengurusan harta umat Islam (Naim, 2008).

Jika dilihat dari perspektif konvensional pula, takrifan aset merujuk kepada ‘sumber yang dikawal oleh entiti hasil dari peristiwa lampau dan mempunyai manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti’ (IPSASB, 2014). Berdasarkan penilaian umum, takrifan aset dalam konteks konvensional mempunyai ciri-ciri yang bersamaan dengan konsep harta dalam Islam seperti ciri ‘kawalan’ dan ‘mempunyai manfaat’. Namun, takrifan aset tersebut mungkin bersifat sempit dan perlu disesuaikan supaya selari dengan keperluan syariah.

3.5 Konsep dan amalan perakaunan harta (aset) wakaf, zakat dan baitulmal

Definisi harta unik dan spesifik yang wujud dalam Islam iaitu seperti harta WZB perlu dikupas bagi memberi kefahaman dan gambaran yang bersesuaian dengan perkaitan isu perakaunan dan pelaporan asset-asset tersebut. Justeru, sub-topik ini akan mengemukakan perbincangan ringkas tentang konsep atau definisi harta atau asset WZB serta amalan perakaunan dan pelaporan asset-asset tersebut berdasarkan kajian lepas.

Wakaf dari sudut bahasa bermaksud ‘menahan, menegah dan membeku’. Harta wakaf tidak boleh dijual beli, tidak boleh diwarisi, tidak boleh dihibahkan atau diberi, tidak boleh dimusnahkan sumber dan tujuan perwakafan harta adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T (Asmak, 2009). Beberapa definisi wakaf yang lain boleh dipetik dari pelbagai ulama adalah seperti berikut:

“Menahan harta yang dapat diambil manfaatnya tetapi bukan untuk dirinya sementara benda itu tetap ada padanya dan digunakan manfaatnya untuk kebaikan dan mendekatkan diri kepada Allah”. (Imam Nawawi)

“Menahan harta yang boleh dimanfaatkan dengan menjaga keutuhan harta tersebut, dengan memutuskan kepemilikan barang tersebut dari pemiliknya untuk hal yang dibolehkan”. (Syaikh Umairah dan Ibnu Hajar al-Haitami)

“Menahan harta dari jangkauan kepemilikan orang lain”. (Imam Zarkhasi)

“Menahan harta di bawah tangan pemiliknya, disertai pemberian manfaat sebagai sedekah”. (Al-Mughni)

Selain itu, wakaf juga didefinisikan sebagai penjagaan harta atau barang dari dipindah milikan kepada orang lain dan penyaluran manfaatnya kepada penerima yang dimaksudkan (Wahbah Al-Zuhaili, 2011). Berdasarkan takrifan wakaf yang dinyatakan di atas, dapat digambarkan bahawa asset wakaf adalah suatu asset yang unik yang tertakluk kepada sekatan atau syarat tertentu yang perlu dipenuhi. Aset wakaf juga menjadi suatu rukun perwakafan iaitu disebut ‘maukuf’ yang mana antara syarat asset atau harta yang

boleh diwakafkan mestilah harta yang halal, milik sah pewakaf, boleh memberi manfaat dan boleh dipindah milik (Enakmen Wakaf Negeri Selangor, 2015). Berdasarkan sejarah, semasa pemerintahan kerajaan Uthmani dan Sultan Muhammad ‘Ali Basya, majoriti aset wakaf adalah aset wakaf pertanian dan aset wakaf bangunan bagi tujuan sosial seperti perpustakaan, masjid dan sekolah (Omar, Abu Bakar, Shuib & Jusoh, 2016). Namun, seiring dengan perkembangan wakaf masa kini, pelbagai pembangunan aset wakaf telah dilaksanakan. Hal ini memberi implikasi kepada keperluan sistem pengurusan dan perakaunan aset wakaf yang lebih komprehensif untuk membolehkan perekodan dan pelaporan aset tersebut dilaksanakan dengan sistematik dan bertepatan dengan konsep wakaf yang sebenar.

Sorotan karya yang memfokuskan perakaunan wakaf menunjukkan terdapat pelbagai isu-isu perakaunan yang kritikal dalam pengurusan dan pelaporan aset wakaf. Contohnya Abdul Rahman et al. (1999) yang mengkaji amalan perakaunan dan pengurusan di Majlis Agama Islam di Malaysia mendapati tiada sistem perakaunan yang sistematik yang digunakan dalam mengakaunkan aset MAIN terutamanya aset wakaf. Terdapat isu pelaporan dan pendedahan yang tidak seragam serta kajian juga menunjukkan tahap pendedahan maklumat aset wakaf adalah rendah (Siti Rokyah, 2005) disebabkan ketiadaan manual khusus dalam mengakaunkan aset wakaf. Aset wakaf juga tidak dilaporkan secara berasingan serta ketiadaan maklumat terperinci yang membezakan aset wakaf am dan wakaf khas. Jika dilihat dari konsep wakaf, aset bagi tujuan wakaf am dan wakaf khas mempunyai ciri dan sifat yang berbeza. Justeru, pelaporan wakaf perlu jelas dan terperinci dengan mengasingkan pelaporan mengikut jenis bagi menunjukkan akauntabiliti yang tepat bersesuaian dengan konsep syarak (Hisyam, 2006).

Melihat dari sudut praktis perakaunan wakaf, Ihsan dan Ibrahim (2011) mengkaji amalan perakaunan dan pengurusan wakaf di dua yayasan wakaf di Indonesia. Beliau mendapati wujud perbezaan amalan sistem perakaunan, perekodan, dokumentasi dan pendaftaran aset wakaf di kedua institusi yang dikaji. Dengan membanding kedua yayasan tersebut, terdapat jurang amalan yang mana pengkaji berpendapat bahawa institusi yang berpegang kepada konsep akauntabiliti dan ketelusan, menggunakan prosedur perakaunan dan melapor aset wakaf dengan lebih baik. Contohnya, institusi tersebut melaporkan penyata wakaf berasingan dengan tahap pendedahan yang tinggi dan

mengasingkan perakaunan dan pelaporan wakaf mengikut jenis aset wakaf yang menjana tunai (tujuan pelaburan) dan tidak menjana tunai (tujuan kebajikan).

Selain itu, terdapat juga kajian berkenaan amalan perakaunan dan pelaporan wakaf oleh institusi yang mentadbir wakaf di sebuah negara bukan Islam seperti kajian oleh Yaacob, Petra dan Sumardi (2015). Kajian tersebut menunjukkan regim undang-undang yang komprehensif yang mengawal perakaunan dan pelaporan kewangan di negara tersebut memberi kesan kepada perakaunan dan pelaporan wakaf. Justeru, mereka berpendapat bahawa pelaporan wakaf oleh institusi tersebut adalah komprehensif dan wujudnya sistem daftar aset wakaf yang lengkap. Selain itu, aset wakaf juga dinilai dan disusutnilai serta sebarang peningkatan nilai aset wakaf juga diiktiraf. Aset wakaf dinilai setiap tahun oleh penilai profesional bebas untuk memberi gambaran semasa nilai aset wakaf yang dilaporkan dalam penyata kewangan. Perakaunan wakaf bagi institusi tersebut tidak menggunakan konsep '*fund accounting*' disebabkan keperluan untuk mengikut piawaian perakaunan yang seragam. Walau bagaimanapun, institusi tersebut ada menyediakan penyata berasingan untuk melaporkan aset wakaf dalam nota akaun.

Malaysian Accounting Standard Board (MASB) pada 2014 telah mengeluarkan kertas penyelidikan yang membincangkan perakaunan untuk wakaf sebagai satu inisiatif menggerakkan kajian dan perbincangan lanjutan khusus berkaitan perakaunan wakaf. Melalui kertas penyelidikan ini, MASB membincangkan beberapa dapatan kajian yang penting seperti isu pendedahan maklumat aset wakaf dalam penyata kewangan. Antaranya, terdapat keperluan untuk menyediakan pelaporan khusus berkaitan aset wakaf. MASB melalui kertas penyelidikan tersebut mencadangkan pendedahan dan penyatuan maklumat wakaf dalam penyata kewangan *mutawalli* adalah perlu bagi *mutawalli* yang mempunyai kawalan ke atas aset wakaf tersebut. Dalam situasi di mana *mutawalli* tidak mempunyai kawalan, pendedahan maklumat yang bersesuaian masih diperlukan selagi mana maklumat tersebut penting kepada pihak berkepentingan (MASB *Research Paper on Waqf*, 2014).

Seterusnya, perenggan ini akan memberikan perbincangan ringkas mengenai harta atau aset yang dibeli atau dibina dengan menggunakan dana zakat dan juga konsep perakaunan aset baitulmal. Hal ini disebabkan kedua isu tersebut mungkin belum diterokai dan dikaji dengan meluas. Bunasir dan Wahid (2017) dalam kajian mereka tentang pembangunan harta yang menggunakan dana zakat di Johor mendapati amalan

tersebut sememangnya mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi umat Islam, namun prosedur yang lengkap dan seragam untuk pengurusan harta yang dibeli melalui dana zakat perlu diwujudkan. Hal ini bermakna, sistem perakaunan yang termasuk dalam konteks pengurusan aset bagi jenis aset ini perlu dikaji dan diwujudkan agar dapat memelihara aspek penjagaan aset dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti pihak MAIN yang mengurus aset tersebut. Begitu juga berkaitan perakaunan aset baitulmal. Menurut Muji Tahir (2007), adalah menjadi keperluan mewujudkan suatu sistem pengurusan harta baitulmal yang sistematik dan pendedahan laporan yang meluas kepada umum. Hal ini kerana, kewujudan sistem pengurusan harta dan kaedah perakaunan dan pelaporan yang sistematik, akan membolehkan pengurusan harta dan pendedahan aset baitulmal dibuat selari dengan roh dan tujuan sebenar baitulmal menurut pandangan Islam (Muji Tahir & Ahmad, 2009).

Oleh hal yang demikian, berpandukan kajian lepas berhubung perakaunan WZB yang dibincangkan di atas, dapat disimpulkan secara ringkas bahawa wujudnya keperluan yang mendesak akan suatu sistem perakaunan yang mampu mengakaunkan dan melaporkan aset-aset tersebut selaras dengan ketetapan syarak. Hal ini kerana, berdasarkan dapatan kajian yang menunjukkan amalan perakaunan yang tidak sistematik, keadaan ini mungkin mewujudkan risiko ketidakpatuhan terhadap konsep sebenar WZB. Prinsip dan konvensyen yang mengkehendaki harta wakaf disusutnilai dan diiktiraf peningkatan nilainya harus diperhalusi dengan merujuk kepada keperluan syarak bagi tujuan memelihara maqasid syariah berhubung aset wakaf tersebut. Begitu juga dengan isu perakaunan bagi aset yang dibeli menggunakan dana zakat serta aset baitulmal yang masih kekurangan prosedur perakaunan yang khusus. Kajian yang memperincikan perlakuan perakaunan yang bersesuaian dengan kehendak syariah perlu dilaksanakan.

3.6 Pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset wakaf, zakat dan baitulmal

Sorotan karya kajian lepas telah menemukan beberapa perbahasan penting yang perlu diketengahkan berkaitan aspek pengiktirafan dan pengukuran aset WZB serta aspek pendedahannya. Walau bagaimanapun, aspek pengiktirafan tidak banyak diperincikan kecuali tentang persoalan pengiktirafan aset yang bukan milik entiti (MASB SOP).

Secara ringkasnya berdasarkan MASB SOP*i*, pengiktirafan aset harus dibuat berdasarkan aspek kawalan ke atas aset tersebut berbanding aspek pemilikan. Namun apabila entiti mengiktiraf aset yang dimiliki melalui kawalan tanpa pemilikan yang sah, pendedahan yang mencukupi adalah diperlukan untuk memastikan ketelusan.

Seterusnya, perbahasan tentang pengukuran aset WZB berdasarkan kajian lepas mendapati kaedah ukuran semasa adalah lebih menepati kehendak syariah (Sulaiman, 2003; Mustaffha & Zainal, 2016) dan lebih menjamin keadilan berbanding asas kos sejarah yang tidak menggambarkan nilai sebenar serta boleh mengelirukan (Shahul Hameed, 2000). Walau bagaimanapun, amalan ukuran kos sejarah masih digunakan oleh kebanyakan institusi Islam (Nahar, 2011; Mustaffha & Zainal, 2016). Salah satu sebab penggunaan ukuran kos sejarah masih diamalkan walaupun jelas majoriti sarjana perakaunan Islam lebih memberi penekanan kepada asas kos semasa yang bertepatan dengan kehendak syariah adalah faktor kos penilaian yang tinggi (Yaacob et al., 2015). Oleh itu, dalam situasi institusi yang mentadbir WZB yang mana sesetengah aset yang dikawal lebih kepada fungsi kebajikan yang tidak menjanakan hasil, maka isu kos penilaian menjadi satu isu yang kritikal jika mahu melaksanakan ukuran kos semasa.

Perbincangan aspek pendedahan aset WZB sedikit sebanyak telah disentuh semasa menghuraikan definisi dan amalan perakaunan aset tersebut dalam sub-topik yang sebelumnya. Namun sebagai tambahan, kajian lepas yang mengkhusus kepada aspek pendedahan dibincangkan dalam perenggan ini sebagai tambahan kepada perbincangan sebelumnya. Mustaffha dan Zainal (2016) dalam kajiannya yang menggunakan kaedah analisis kandungan penyata kewangan satu MAIN di Malaysia mendapati pelaporan aset dibuat tanpa pengasingan antara wakaf am dan khas, dan maklumat nota kepada akaun yang menjelaskan transaksi wakaf yang dipamerkan adalah terlalu umum dan terhad. Seterusnya, mereka mencadangkan pendedahan berasingan aset wakaf adalah sesuai menggunakan olahan perakaunan mengikut SORP 2005. Pendedahan maklumat terperinci berkaitan wakaf adalah penting bagi tujuan meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti institusi mentadbir wakaf.

Azmi dan Hanifa (2015) pula mengkaji dan membandingkan amalan pelaporan perakaunan institusi mentadbir wakaf di Malaysia dan di Singapura. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan, mereka menilai penyata kewangan dua Majlis Agama Islam dan membanding dengan tujuh aspek dalam piawaian syariah no.

33 berkenaan waqf yang dikeluarkan oleh *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI). Tujuh elemen tersebut adalah elemen asas wakaf (seperti maklumat jenis wakaf, pewakif, penerima, aset wakaf), maklumat tentang syarat wakaf (iaitu pendedahan syarat yang dikehendaki pewakif), pengurusan dan penyeliaan aset wakaf, kawalan ke atas aset wakaf yang dipajak, kaedah pelaburan bagi pembangunan aset dan hasil wakaf, penyelenggaraan, ubahsuai dan penggantian aset wakaf, dan juga polisi *istibdal*. Kesimpulan daripada kajian tersebut mendapati wujud kelompongan amalan pelaporan wakaf kedua-dua institutisasi disebabkan penggunaan piawaian perakaunan konvensional yang berasaskan organisasi bermotifkan untung (seperti PERS dalam kes institusi wakaf di Malaysia). Oleh hal yang demikian, masih terdapat ketidakcukupan dari segi pendedahan terutama dari aspek pendedahan isu-isu unik berhubung wakaf.

Sebagaimana telah dibincangkan sebelum ini, tujuan utama pendedahan dalam konteks perakaunan Islam adalah untuk menzahirkan akauntabiliti kepada Allah S.W.T dan juga kepada pihak berkepentingan dari pelbagai golongan (Shahul Hameed, 2000) dan juga bagi tujuan mencapai keredhaan Allah S.W.T (Abdul Rahman, 2017). Justeru, bagi mencapai objektif atau tujuan pendedahan, kriteria kualiti maklumat juga penting untuk dibincangkan dari perspektif syariah. Menurut Haniffa et. al (2004), antara prinsip-prinsip pendedahan mengikut konsep perakaunan Islam adalah termasuk kriteria kualiti seperti (1) relevan iaitu maklumat yang didedahkan mestilah tepat dan mampu memberi gambaran bahawa pihak yang terlibat telah memenuhi amanah dan tanggungjawabnya, (2) objektif iaitu bermaksud kaedah ukuran yang digunakan mestilah patuh syariah dan adil serta (3) material iaitu maklumat yang mempamerkan keadilan dalam penilaian dan memenuhi hak-hak Allah S.W.T dan ummah.

Selain itu, Salleh et al. (2016) dalam kajian mereka berhubung aspek pendedahan bagi institusi mentadbir WZB telah mencadangkan senarai item pendedahan berdasarkan kerangka konseptual akauntabiliti Islam dan memenuhi maqasid syariah. Cadangan item pendedahan yang dibangunkan adalah mengikut enam aspek iaitu pendedahan maklumat institusi, maklumat zakat, maklumat wakaf, maklumat baitulmal, penyata kewangan, dan maklumat belanjawan.

3.7 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, kupasan dalam bab kajian literatur ini telah menemukan beberapa isu perakaunan dan pelaporan aset bagi institusi yang mentadbir WZB. Kupasan dari sudut sumber hukum syariah iaitu sumber hukum utama dan beberapa sumber hukum yang lain serta kaedah-kaedah fiqh yang relevan, telah memberikan ruang panduan untuk dijadikan rujukan dalam membentuk piawaian perakaunan Islam. Seterusnya, sedikit perbincangan konsep perakaunan Islam dan kaedah Islamisasi juga boleh menjadi pemandu kepada pembentukan polisi dan piawaian agar piawaian yang dibangunkan dapat mencapai tujuan seperti yang dikehendaki syarak. Akhir sekali, kupasan konsep aset-aset khusus seperti WZB dan amalan perakaunan berdasarkan kajian yang lepas menunjukkan wujudnya keperluan yang mendesak untuk membina suatu piawaian yang boleh mengakaunkan dan melaporkan aset-aset unik tersebut selaras dengan roh syariah Islamiah dan seterusnya membantu MAIN meningkatkan akauntabilitinya.

BAB EMPAT

KAEDAH PENYELIDIKAN

4.1 Pengenalan

Tujuan bab ini adalah untuk menghuraikan kaedah kajian, kaedah pengumpulan dan analisis data dalam proses menjawab objektif kajian pertama hingga ke empat. Perbincangan bermula dengan penerangan tentang kaedah penyediaan, diikuti dengan penerangan pendekatan kualitatif yang digunakan. Seterusnya penerangan kaedah pengumpulan data yang disertakan dengan perbincangan mengenai proses pengumpulan data. Akhir sekali, kaedah analisis yang digunakan dibincangkan dan disudahi dengan kesimpulan.

4.2 Pelaksanaan Kajian

Kajian ini dibiayai oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Pelaksanaan kajian Fasa Kedua ini adalah merupakan kesinambungan kajian dari Fasa Pertama berhubung usaha pembangunan piawaian perakaunan Islam dan kerangkakerja konseptual bagi Institusi WZB. Justeru, kerjasama dari pihak MAIN dan entiti berkaitan di bawahnya diteruskan bagi fasa ini.

Kajian ini melibatkan lima (5) MAIN dan entiti berkaitan di bawahnya yang telah diamanahkan kepada kumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu Majlis Agama Islam Johor (MAINJ), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Kesemua MAIN ini juga disebut sebagai MAIN Zon 1 dan terma ‘MAIN Zon 1’ akan digunakan bagi merujuk kesemua MAIN yang dikaji untuk tujuan perbincangan selanjutnya.

Kajian ini mengambil pendekatan kualitatif bagi menjawab kesemua persoalan kajian. Seperti mana fasa pertama, pendekatan kualitatif masih digunakan dalam fasa ini untuk

mengungkap dan memahami fenomena yang ingin dikaji dengan memfokus kepada satu isu iaitu perakaunan dan pelaporan aset. Perenggan seterusnya akan menjelaskan pendekatan kualitatif yang digunakan.

4.3 Pendekatan Kualitatif

Menurut Creswell (2007), kajian kualitatif merupakan satu pendekatan kajian yang bertujuan mengungkap fakta untuk memahami sesuatu fenomena secara induktif. Pendekatan ini sesuai digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang bersifat subjektif seperti apa, bagaimana, dan kenapa yang mana ia cuba difahami dalam fenomena asalnya (*natural setting*) dan penelitian yang bersifat induktif. Oleh itu, bersesuaian dengan permasalah kajian yang ingin diselesaikan serta persoalan kajian yang ingin dijawab, tafsiran dan olahan data menggunakan kaedah induktif dilihat mampu memberi kekayaan maklumat yang diperlukan.

Selain itu, kajian yang dijalankan juga menjurus kepada penelitian eksploratori (*exploratory research*) memandangkan pemasalahan kajian ini merupakan pemasalahan baru yang perlu diselesaikan serta kekurangan maklumat yang lengkap yang boleh digunakan untuk membuat sebarang andaian awal. Justeru, para penyelidik perlu menjalankan penyelidikan secara interaktif, membuat penelitian yang lentur dan terbuka untuk memperolehi dapatan induktif. Pendekatan kualitatif juga menitik beratkan perincian kontekstual dan mementingkan pandangan responden untuk dikembangkan. Oleh itu, pendekatan kualitatif seperti yang telah diterangkan jelas sesuai digunakan bagi tujuan kajian ini.

4.3.1 Pendekatan Islamisasi Ilmu Pengetahuan

Bagi mencapai objektif kajian kedua iaitu berkaitan keperluan syariah dan pengukuhan kerangka kerja pelaporan kewangan Islam bagi Institusi WZB dan objektif keempat berkaitan cadangan maklumat sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi WZB, penyelidik menggunakan pendekatan Islamisasi ilmu pengetahuan perakaunan sebagai asas dalam membuat analisis dan memberikan cadangan untuk

mencapai objektif kajian yang berkenaan. Pendekatan Islamisasi ilmu pengetahuan telah dibincangkan secara ringkas dalam bab kajian literatur (rujuk bab 3 sub-topik 3.3) dan pendekatan ini dipilih oleh penyelidik atas faktor praktikaliti dalam membangunkan piawaian perakaunan Islam untuk institusi berciri unik seperti MAIN yang masih belum wujud sehingga kini (Majid & Haliding, 2014).

Penyelidik mengambil pendekatan mengadaptasi Kerangka Kerja Konseptual untuk sektor awam (yang dikeluarkan oleh IPSASB pada 2014) dan piawaian perakaunan sedia ada yang berdasarkan konvensional (seperti MPSAS, MPERS, PERS, SORP), dan juga konvensyen atau piawaian yang patuh syariah (seperti MASB SOP*i*, AAOIFI, manual-manual pengurusan perakaunan wakaf yang dikeluarkan oleh JAWHAR, amalan terbaik pengurusan kewangan MAIN) sebagai asas kajian, dan seterusnya disesuaikan dengan keperluan syariah dan kaedah fiqh yang bersesuaian. Prinsip, konvensyen, atau kaedah tersebut dikaji dan diperhalusi dan mana-mana item yang bertentangan dengan hukum syarak atau kaedah fiqh serta yang tidak relevan dengan Institusi WZB akan dicadangkan untuk dikeluarkan. Manakala, jika item yang terdapat dalam sistem perakaunan sedia ada tidak bercanggah dengan keperluan syarak akan dicadangkan untuk dikekalkan. Seterusnya, item-item yang menjadi tuntutan syarak yang tidak terdapat dalam perakaunan sedia ada akan dicadangkan untuk ditambah.

4.4 Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah pengumpulan data kajian ini dirangka dan dilaksanakan agar bersesuaian dengan keperluan setiap objektif kajian. Justeru, perbincangan kaedah pengumpulan data akan dibuat mengikut objektif kajian. Maklumat perincian kerja lapangan yang dijalankan seperti tarikh kutipan data, tempoh masa kutipan data dilaksanakan, dan lokasi-lokasi yang berkenaan dilampirkan dalam Lampiran 1.

4.4.1 Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Pertama

Objektif kajian pertama adalah untuk memahami amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan WZB oleh MAIN dan entiti yang diberi kuasa oleh MAIN.

Bagi mencapai objektif ini, kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah kaedah perbincangan kumpulan fokus (*focus group discussion*). Menurut Jasmi (2012), kaedah perbincangan kumpulan fokus dijalankan dengan memilih sekumpulan responden yang mempunyai ciri-ciri tertentu untuk berbincang dan berkongsi dengan mendalam tentang sesuatu isu atau topik. Segala respon dari individu yang terlibat dalam kaedah ini merupakan input penting dan kaedah ini sesuai dilaksanakan bagi penyelidikan yang memerlukan kefahaman mendalam tentang sesuatu fenomena. Melalui kaedah ini, permasalahan yang ingin dikaji perlu dikenalpasti dan didefinisikan, iaitu amalan semasa perakaunan dan pelaporan aset bagi Institusi WZB.

Penyelidik diamanahkan dalam fasa kajian yang kedua ini untuk mengkaji lapan (8) jenis aset iaitu aset (1) Inventori, (2) Aset Pajakan, (3) Hartanah Pelaburan, (4) Hartanah, Loji dan Peralatan, (5) Rosot Nilai bagi Aset yang Tidak Menjana Tunai, (6) Rosot Nilai bagi Aset yang Menjana Tunai, (7) Aset Pertanian dan (8) Aset Tak Ketara. Bagi kesemua lapan jenis aset yang dikaji, penyelidik menggali maklumat secara mendalam tentang amalan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan yang dilaksanakan bagi setiap aset tersebut oleh pihak MAIN di Zon 1. Peserta dalam perbincangan kumpulan fokus terdiri daripada semua pegawai perakaunan utama MAIN, pegawai perakaunan yang menguruskan hal-ehwal wakaf, zakat, dan baitulmal, pegawai perakaunan entiti berkenaan di bawah MAIN, wakil dari bendahari negeri, pegawai perundungan MAIN dan negeri, Mufti atau wakil dari pejabat Mufti dan juga ahli jawatan kuasa fatwa MAIN.

Sebelum memulakan sesi perbincangan kumpulan fokus, kumpulan penyelidik membuat analisa kandungan ke atas pernyataan kewangan MAIN yang terlibat bagi tahun kewangan berakhir 2015 (tahun kewangan terakhir yang boleh didapati semasa tarikh kutipan data) dan mengkaji piawaian MPSAS (MPSAS 17, 12, 13, 16, 17, 26, 27, 31), PERS dan MPERS yang berkaitan dengan lapan jenis aset yang dinyatakan di atas. Seterusnya, berdasarkan analisis kandungan laporan kewangan berkenaan dan piawaian perakaunan, kumpulan penyelidik mengadakan beberapa sesi perbincangan untuk memahami amalan perakaunan dan pelaporan kewangan khususnya berkaitan aset yang dikaji. Kemudian, kumpulan penyelidik menyediakan suatu panduan pertanyaan yang tidaklah bersifat terstruktur tetapi lebih kepada ringkasan aspek-aspek yang hendak digali dari responden semasa sesi perbincangan. Setiap sesi perbincangan kumpulan fokus yang dijalankan dimulai dengan mukadimah dan kata-kata aluan ketua penyelidik

yang bertujuan menerangkan objektif dan hala tuju perbincangan tersebut. Semasa sesi perbincangan kumpulan fokus dijalankan, pertanyaan yang dilontarkan oleh kumpulan penyelidik adalah bersifat bebas dan interaktif dan tidak terhad kepada panduan pertanyaan yang disediakan tersebut. Sebaliknya, penyelidik menggali maklumat dengan mendalam bagi mendapatkan kejelasan bagi setiap respon yang diberikan. Semua maklumat yang diperoleh dicatat oleh semua penyelidik dan pada akhir sesi perbincangan, wakil penyelidik akan membentangkan dapatan yang digarap dari sesi perbincangan untuk disahkan oleh semua peserta. Sebarang ketidakstesenian maklumat terus diperbetulkan dalam sesi rumusan tersebut.

4.4.2 Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Kedua

Objektif kajian kedua adalah untuk mengenalpasti keperluan syariah berkaitan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset dan mengukuhkan kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan Islam bagi Institusi WZB iaitu pada peringkat pengoperasian (pengiktirafan, pengukuran, dan pendedahan aset). Bagi mencapai objektif ini, kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah kaedah temubual mendalam disamping analisis kandungan artikel atau kitab yang membahaskan aspek syariah dan kaedah fiqh. Pendekatan temubual mendalam yang dilaksanakan adalah bersifat luas, terbuka, dan tidak berstruktur antara kumpulan penyelidik dengan panel pakar syariah yang telah dikenalpasti. Setiap pakar yang dikenalpasti, ditemubual dalam sesi berasingan bagi membolehkan penyelidik mendapatkan keterangan yang terperinci dan berbincang tentang isu-isu syariah yang dibahaskan oleh pakar tersebut. Profil pakar-pakar yang ditemubual disertakan dalam Lampiran 2.

Sebelum sesi temubual mendalam dijalankan, penyelidik terlebih dahulu mengenalpasti isu-isu syariah yang ingin ditanya kepada panel pakar syariah. Isu-isu syariah yang dikumpul ini digarap melalui pembacaan artikel, kitab fiqh, dan piawaian perakaunan yang relevan. Penyelidik juga merangka panduan temubual berdasarkan prinsip pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan seperti dalam Kerangka Kerja Konseptual bagi tujuan umum untuk sektor awam yang dikeluarkan oleh IPSASB pada tahun 2014. Hal ini bertujuan untuk mengenalpasti dan mendapatkan pandangan pakar berhubung kesesuaian, percanggahan, atau ketidakcukupan prinsip-prinsip perakaunan yang

terdapat dalam IPSASB (2014) tersebut. Walau bagaimanapun, panduan temubual yang disediakan tersebut bukanlah menjadi suatu rangka yang terstruktur dan terhad kepada isu yang dirangka semata-mata. Seperti yang dinyatakan dalam kaedah perbincangan kumpulan fokus di atas, temubual mendalam bersama pakar syariah juga adalah bersifat bebas, luwes dan terbuka bagi menggali sebanyak mungkin maklumat.

4.4.3 Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Ketiga

Objektif kajian ketiga adalah untuk mengenalpasti batas-batas perundangan yang ada bagi melaksanakan piawaian perakaunan Islam yang seragam bagi Institusi WZB. Pengumpulan data bagi mencapai objektif ini dilaksanakan melalui beberapa kaedah. Pertama, kaedah analisis kandungan terhadap kesemua kerangka perundangan sedia ada yang relevan termasuk perundangan peringkat persekutuan dan juga peringkat negeri, peraturan-peraturan yang berkuatkuasa, serta manual-manual pengurusan yang diterbitkan oleh JAWHAR. Senarai kerangka perundangan yang dirujuk dan dianalisis dilampirkan dalam Lampiran 3. Kedua, kaedah temu bual mendalam dengan pakar undang-undang berkaitan wakaf (rujuk Lampiran 2).

Selain itu, penyelidik juga menyertai dua seminar perundangan berkaitan wakaf yang dianjurkan oleh Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (PERTAMA) iaitu (1) Seminar Akta Wakaf Negara pada 9 Oktober 2017 di Kelab Tasik Putrajaya, dan (2) Bengkel Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171): Potensi Penjanaan Hasil Melalui Endowmen atau Wakaf pada 19 Oktober 2017 di Hotel Dorsett, Putrajaya. Penyertaan seminar dan bengkel perundangan ini membolehkan penyelidik mendapatkan input dari panel seminar yang terdiri daripada pakar bidang perundangan wakaf yang tersohor seperti Prof. Dato Salleh Buang dan Prof Madya Dr Siti Mashitoh Mahamood (rujuk Lampiran 2 untuk profil pakar). Input yang diperoleh digunakan bagi tujuan triangulasi data bagi meningkatkan kesahihan data yang diperolehi melalui kaedah-kaedah lain.

Di samping itu, penyelidik juga mendapatkan khidmat nasihat dari pakar perundangan profesional untuk memberikan input berkenaan batasan perundangan yang wujud berhubung pelaksanaan piawaian perakaunan Islam yang sedang dibangunkan. Penggunaan beberapa kaedah pengumpulan data bagi tujuan mencapai objektif ini

dilihat sebagai satu cara untuk meningkatkan ketepatan dan kesahan maklumat yang diperoleh melalui teknik triangulasi dan semak silangan (Jasmi, 2012).

4.4.4 Kaedah Pengumpulan Data – Objektif Kajian Keempat

Objektif kajian yang keempat adalah untuk mencadangkan maklumat sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan bagi Institusi WZB yang memenuhi keperluan syariah dan perundangan. Kaedah kutipan data bagi tujuan objektif ini adalah kaedah analisis kandungan MPSAS yang berkaitan iaitu lapan MPSAS berkaitan aset yang telah dinyatakan sebelum ini, serta piawaian-piawaian lain yang relevan iaitu MPERS, PERS, SORP, MASB SOP*i*, AAOIFI, manual-manual pengurusan perakaunan wakaf yang dikeluarkan oleh JAWHAR dan amalan terbaik pengurusan kewangan MAIN. Lapan MPSAS tersebut dijadikan asas dalam merangka cadangan maklumat untuk tujuan pembangunan piawaian dan juga disokong oleh sumber yang relevan dari piawaian lain selain MPSAS seperti yang telah dinyatakan. Seterusnya, iaanya disesuaikan dengan menggunakan maklumat yang diperolehi dalam objektif 1, 2, dan 3 serta dapatan kajian Fasa Pertama.

4.5 Kaedah Analisis Data

Kajian ini menggunakan beberapa kaedah analisis data mengikut objektif kajian. Bagi objektif kajian pertama, kaedah analisis data adalah berdasarkan tema dapatan kajian dan juga tempat penyelidikan iaitu lima MAIN dalam Zon 1. Berdasarkan kaedah analisis berdasarkan tema, penyelidik membangunkan pola bagi merumuskan dapatan kajian. Seterusnya, pemetaan tema bagi setiap MAIN dalam Zon 1 juga dibuat bagi membolehkan dapatan kajian dibandingkan dan dikelaskan mengikut ciri tertentu.

Bagi objektif kajian kedua, kaedah analisis data berdasarkan tema juga digunakan. Dapatkan dari temubual pakar-pakar syariah di analisis mengikut tema dan kemudian suatu pola dapatan dibentuk bagi merumuskan dapatan kajian. Seterusnya, dapatan tersebut dipetakan dan dibuat perbandingan dengan prinsip-prinsip perakaunan berdasarkan piawaian sedia ada yang dirujuk. Data bagi objektif kajian ketiga juga turut

dianalisis menggunakan analisis tema dan seterusnya pola dapatan dibentuk bagi merumuskan dapatan kajian bagi objektif tersebut.

Manakala, kaedah analisis data yang digunakan untuk mencapai objektif kajian yang ke empat ialah kaedah analisis tema dan atribut yang merujuk kepada lapan MPSAS berkaitan aset yang telah disebutkan sebelum ini. Mana-mana peruntukan yang bercanggah dengan keperluan syariah digugurkan, peruntukan yang tidak bercanggah dikekalkan, dan keperluan syariah yang tidak terdapat dalam MPSAS yang berkaitan dicadangkan untuk ditambah. Penerangan terperinci dengan contoh-contoh yang sesuai juga dibuat bagi peruntukan-peruntukan MPSAS yang relevan yang memerlukan penjelasan tambahan terutama yang berkaitan isu-isu unik aset WZB.

4.6 Kesimpulan

Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan yang digunakan bagi mencapai kesemua objektif kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai. Kaedah pengumpulan data juga dirangka dan dijalankan mengikut kesesuaian bagi setiap objektif kajian. Antaranya ialah perbincangan kumpulan fokus, temubual mendalam dan analisis kandungan. Seterusnya, data dianalisis berdasarkan tema dan pola dapatan dibentuk bagi merumuskan dapatan kajian. Bagi objektif pertama, dapatan kajian tentang amalan perakaunan dan pelaporan aset dianalisis mengikut tema dan dibuat perbandingan amalan antara MAIN dalam Zon 1 yang dikaji. Manakala, bagi objektif kedua dan ketiga, data yang diperolehi dianalisis juga menggunakan kaedah analisis tema seterusnya dipetakan dan dibuat perbandingan dengan prinsip dan konvensyen perakaunan dan perundangan sedia ada. Akhir sekali, dapatan kajian bagi objektif kajian ke empat dianalisis dengan kaedah analisis berdasarkan tema dan atribut.

BAB LIMA

AMALAN SEMASA PERAKAUNAN DAN PELAPORAN KEWANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan menjelaskan dapatan kajian tentang amalan semasa perakaunan dan pelaporan kewangan berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal oleh MAIN (atau entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) dalam Zon 1 bagi memenuhi objektif pertama kajian. Perbincangan akan menyentuh tentang isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi:

1. Inventori,
2. Hartanah, loji dan peralatan,
3. Hartanah pelaburan,
4. Aset tak ketara
5. Rosot nilai aset yang menjana tunai
6. Rosot nilai aset yang tidak menjana tunai
7. Pajakan
8. Pertanian

Maklumat yang diperlukan untuk memenuhi objektif kajian pertama ini diperoleh melalui semakan dan analisis penyata kewangan MAIN dan entiti berkaitan untuk tahun berakhir 31 Disember 2015 serta perbincangan kumpulan fokus dengan wakil dari MAIN dan entiti berkaitan bagi memahami dan mengesahkan maklumat yang dilaporkan dalam laporan kewangan. Amalan perakaunan dan pelaporan kewangan yang dibincangkan dalam bab ini melibatkan Institusi WZB seperti yang disenaraikan dalam Jadual 5.1.

Jadual 5.1 Institusi WZB Zon 1

| NEGERI | INSTITUSI WZB |
|------------------------|---|
| Selangor | Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) - Kumpulan Wang Baitulmal |
| | Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) - Kumpulan Wang Wakaf |
| | Lembaga Zakat Selangor (LZS) - Kumpulan Wang Zakat |
| Negeri Sembilan | Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) - Kumpulan Wang Zakat & Kumpulan Wang Baitulmal |
| | Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS) - Kumpulan Wang Wakaf |
| Melaka | Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) - Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Zakat & Kumpulan Wang Baitulmal |
| Johor | Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) - Kumpulan Wang Wakaf , Kumpulan Wang Zakat & Kumpulan Wang Baitulmal |
| Sabah | Majlis Agama Islam Sabah (MUIS) - Kumpulan Wang Wakaf, Kumpulan Wang Zakat (Pusat Zakat Sabah - PZS) dan Kumpulan Wang Baitulmal (MUIS) |
| | Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah (PBNS) - Kumpulan Wang Baitulmal |

5.2 Piawaian Perakaunan dan Rujukan

Secara umumnya semua Institusi WZB dalam Zon 1 merujuk kepada piawaian PERS dan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan untuk tujuan penyediaan penyata kewangan masing-masing. Walau bagaimanapun hanya PBNS menyatakan dengan jelas dalam laporan kewangannya bahawa penyata kewangan disediakan berdasarkan PERS manakala semua entiti lain kecuali MAINJ (tidak dinyatakan) hanya menyatakan bahawa piawaian perakaunan yang dirujuk ialah piawaian perakaunan yang diluluskan MASB. Mulai tahun 2016, semua entiti merujuk kepada piawaian MPERS yang telah diterbitkan bagi menggantikan PERS.

Sebab utama Institusi WZB tidak menyatakan dengan jelas piawaian perakaunan yang dijadikan rujukan adalah kerana piawaian perakaunan yang sedia ada tidak dapat menangani sepenuhnya keperluan perakaunan dan pelaporan bagi urus niaga khusus yang melibatkan WZB. Oleh yang demikian di mana tiada panduan daripada piawaian

perakaunan, Institusi WZB merujuk kepada Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan dan di mana tiada panduan dari Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan, maka Institusi WZB berkenaan akan menetapkan kaedah yang dianggap bersesuaian dan kaedah tersebut kemudiannya akan dijadikan amalan di masa depan.

5.3 Penyata Kewangan

Semua penyata kewangan MAIN, kecuali MUIS, menyatukan maklumat tentang Kumpulan Wang Wakaf (KWW), Kumpulan Wang Zakat (KWZ) dan Kumpulan Wang Baitulmal (KWB); tidak kira sama ada semua kumpulan wang tersebut diurus oleh MAIN seperti di Johor dan Melaka atau diuruskan oleh entiti berasingan seperti di Selangor dan Negeri Sembilan.

Di Johor, ketiga-tiga kumpulan wang diuruskan oleh MAINJ. Oleh itu MAINJ menyediakan penyata kewangan bagi setiap kumpulan wang di samping menyediakan penyata kewangan yang menyatukan ketiga-tiga kumpulan wang.

Di Selangor KWW diurus oleh PWS, KWZ diurus oleh LZS manakala KWB diurus oleh MAIS. Setiap entiti yang bertanggungjawab ke atas kumpulan wang berkenaan menyediakan penyata kewangan khusus untuk kumpulan wang tersebut, contohnya PWS menyediakan penyata kewangan untuk KWW dan LZS menyediakan penyata kewangan untuk KWZ. Walau bagaimanapun penyata kewangan MAIS akan menyatukan maklumat tentang KWW, KWZ dan KWB.

Di Sabah, penyata kewangan MUIS hanya menyatukan maklumat tentang KWW, KWZ dan KWB yang terhad kepada urus niaga tertentu yang dilibatkan oleh MUIS sahaja manakala KWB yang dikendalikan oleh PBNS tidak disatukan di dalam penyata kewangan MUIS. Sebaliknya, PBNS menyediakan penyata kewangan berasingan bagi mengambil kira urus niaga berkaitan baitulmal yang di bawah kendaliannya. Jadual 5.2 meringkaskan maklumat tentang penyata kewangan Institusi WZB dalam Zon 1.

Jadual 5.2: Penyata Kewangan Institusi WZB Zon 1

| NEGERI | ENTITI/KUMPULAN WANG | PENYATA KEWANGAN YANG MENYATUKAN KWW, KWZ DAN KWB |
|------------------------|------------------------------------|---|
| Selangor | MAIS - KWB | ✓ |
| | PWS - KWW | |
| | LZS - KWZ | |
| Negeri Sembilan | MAINS - KWZ & KWB | ✓ |
| | PWNS - KWW | |
| Melaka | MAIM - KWW, KWZ & KWB | ✓ |
| Johor | MAINJ - KWW, KWZ & KWB | ✓ |
| Sabah | MUIS - KKW, KWZ (PZS) & KWB (MUIS) | ✓ |
| | PBNS - KWB | x |

5.4 Amalan Perakaunan dan Pelaporan Kewangan bagi Aset Dikaji

Bahagian ini akan membincangkan tentang amalan perakaunan dan pelaporan kewangan setiap Institusi WZB, berkaitan aset yang dikaji. Perbincangan akan menyentuh tentang pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan. Jadual 5.3 memberikan ringkasan tentang pelaporan maklumat berkaitan aset yang dikaji dalam penyata kewangan Institusi WZB bagi tahun 2015.

Merujuk kepada Jadual 5.3, secara umumnya Institusi WZB melaporkan maklumat mengenai harta tanah, loji dan peralatan, inventori dan pajakan. Walau bagaimanapun tiada pelaporan oleh semua Institusi WZB mengenai harta tanah pelaburan, aset tak ketara, rosot nilai atau aset pertanian.

Jadual 5.3: Pelaporan Urus Niaga Aset Dalam Penyata Kewangan 2015

| ASET | SELANGOR | | | NEGERI SEMBILAN | | | MELAKA | | JOHOR | SABAH | | |
|---|---|-----|--------------------|---|------|------|-----------------|-----|--------------|-------|-----|------|
| | MAIS | PWS | LZS | MAINS | PWNS | PZNS | MAIM | PZM | MAINJ | MUIS | PZS | PBNS |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | ✓ | ✓ | ✓ bahagian amil | ✓ | ✓ | ✗ | ✓ | | ✓ | ✓ | | ✓ |
| Hartanah Pelaburan | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| Diakaunkan sebagai PPE. Mulai 2016 berdasarkan MPERS semua entiti telah mengakaunkan hartanah pelaburan | | | | | | | | | | | | |
| Rosotnilai Aset Yang Menjana Tunai | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| Rosotnilai Aset Yang Tidak Menjana Tunai | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| Aset Tak Ketara | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |
| Kos perisian diakaun dalam PPE sebagai komputer & disusutnilai | | | | | | | | | | | | |
| Inventori | ✓ Anak Sy | ✗ | ✗ | ✓ Anak Sy | ✗ | ✗ | ✓ Anak Sy | ✗ | ✓ Anak Sy | ✗ | ✗ | ✗ |
| Diiktiraf untuk barangniaga. Bekalan untuk perkhidmatan diakaunkan sebagai belanja | | | | | | | | | | | | |
| Pajakan PO - Pajakan operasi PK - Pajakan Kewangan | ➤ PO - lessor ➤ PK - Anak Sy Lessee ➤ Polisi terhad | ✗ | ✗ | ➤ PO - lessor ➤ PK - anak sy sebagai Lessee ➤ Polisi terhad | | | ➤ Polisi terhad | | | | | |
| Pertanian | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ | ✗ |

5.4.1 Inventori

Ringkasan maklumat tentang perakaunan dan pelaporan inventori dipaparkan dalam Jadual 5.4. Merujuk kepada Jadual 5.4, maklumat tentang inventori dilaporkan di dalam penyata kewangan disatukan MAIS, MAINS, MAIM dan MAINJ sahaja. Ini bermakna inventori yang dilaporkan ialah inventori bagi anak syarikat.

Jenis inventori yang diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai aset ialah inventori yang dipegang untuk tujuan jualan atau untuk diagihkan dalam operasi biasa entiti seperti buku (MAIS dan MAIM) dan peralatan sekolah (MAIM). Maklumat dalam penyata kewangan MAINS tidak memperincikan tentang jenis inventori yang dipegang. Sungguhpun semua Institusi WZB mempunyai bekalan yang dipegang untuk tujuan operasi atau untuk tujuan pemberian perkhidmatan, namun semua Institusi WZB mengiktiraf bekalan sebagai belanja.

Hanya MAIS dan MAIM memberikan maklumat lanjut tentang inventori manakala pendedahan maklumat tentang inventori oleh MAINS dan MAINJ adalah terhad. Sungguhpun begitu, tahap pendedahan maklumat tentang inventori oleh MAIS dan MAIM adalah sederhana.

Di MAIS dan MAIM, pengiktirafan awal adalah pada kos manakala pengukuran pada tarikh penyata kedudukan kewangan ialah pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh realis bersih. Kedua-dua MAIS dan MAIM menggunakan kaedah purata berwajaran bagi penentuan kos barang dijual dan inventori akhir. Tiada maklumat tentang bagaimana penurunan nilai inventori diakaunkan bagi semua Institusi WZB.

Jadual 5.4: Amalan Perakaunan dan Pelaporan Inventori

| INVENTORI | SELANGOR | | | Negeri Sembilan | | | MELAKA | | JOHOR | SABAH | |
|--|--------------|--------------|------------------------------|-----------------|--------------|------------------------------------|-------------|----------------------------|---|----------------------------|---------------|
| | PWS (KWW) | LZS (KWZ) | MAIS (KWB) | PWNS (KWW) | PZNS (PK) | MAINS (KWZ, KWB) | PZM (PK) | MAIM (KWW, KWZ, KWB) | (KWW, KWZ, KWB) | MUIS (KWW, KWZ, KWB) | PBNS (KWB) |
| PENGIKTIRAFAN | | | | | | | | | | | |
| Jenis Inventori | | | | | | | | | | | |
| - Bahan / bekalan untuk proses pengeluaran atau pemberian perkhidmatan | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| - Dipegang untuk jualan / agihan dalam operasi biasa. | | ✓ | Anak syarikat (buku-buku) | | ✓ | Anak syarikat (tiada perincian) | | ✓ | Anak syarikat (buku & peralatan sekolah) | ✓ | Anak syarikat |
| - Kerja dalam proses untuk jualan / agihan. | | | | | | | | | | | |
| Titik pengiktirafan: | | | | | | | | | | | |
| - Tarikh perolehan | | ✓ | | | | | ✓ | | ✓ | | |
| Diiktiraf sebagai belanja | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| PENGUKURAN | | | | | | | | | | | |
| Pengukuran awal: | | | | | | | | | | | |
| - Kos | | ✓ | | | | | ✓ | | ✓ | | |
| - Nilai saksama | | | | | | | | | | | |
| - Nilai nominal | | | | | | | | | | | |
| Pengukuran pada tarikh Penyata Kewangan: | | | | | | | | | Tidak dinyatakan | | |
| - Terendah antara kos atau nilai boleh realis bersih | | ✓ | | | | | ✓ | | | | |
| - Terendah antara kos dan kos penggantian semasa | | | | | | | | | | | |
| - Nilai saksama | | | | | | | | | | | |

Jadual 5.4: Amalan Perakaunan dan Pelaporan Inventori (sambungan)

| INVENTORI | SELANGOR | | | Negeri Sembilan | | | MELAKA | | JOHOR | SABAH | |
|--|--------------|--------------|---------------|-----------------|--------------|------------------------|-------------|----------------------------|---------------------|-------------------------------|---------------|
| | PWS (KWW) | LZS (KWZ) | MAIS (KWB) | PWNS (KWW) | PZNS (PK) | MAINS (KWZ, KWB) | PZM (PK) | MAIM (KWW, KWZ, KWB) | (KWW, KWZ, KWB) | MUIS (KWW, KWZ, KWB) | PBNS (KWB) |
| Penentuan kos: | | | | | | | | | Tidak dinyatakan | | |
| - Pengenalan khusus | | | | | | | | | | | |
| - Purata wajaran | ✓ | | | | | | ✓ | | | | |
| - MDKD (<i>FIFO</i>) | | | | | | | | | | | |
| - MKKD (<i>LIFO</i>) | | | | | | | | | | | |
| Pengiktirafan Penurunan Nilai Sebagai Belanja | x | | | x | | | x | | x | x | x |
| PENDEDAHAN | | | | x | | | | | | x | x |
| Polisi Perakaunan | ✓ | | | | | | ✓ | | Tidak dinyatakan | | |
| Perincian Inventori: | | | | | | | | | | | |
| - Terhad | | | | | | | | | ✓ | | |
| - Sederhana | ✓ | | | | | | ✓ | | | | |
| - Komprehensif | | | | | | | | | | | |

5.4.2 Hartanah, loji dan peralatan

Secara perbandingan, pelaporan yang paling komprehensif ialah mengenai harta tanah, loji dan peralatan (HLP). Ini tidak menghairankan memandangkan sebahagian besar dari aset yang diterima sebagai wakaf adalah dalam bentuk aset tanah dan bangunan. Kategori utama yang digunakan untuk mengelaskan aset HLP oleh kebanyakan Institusi WZB adalah seperti berikut:

- a) Tanah
- b) Bangunan
- c) Peralatan pejabat
- d) Kenderaan
- e) Komputer
- f) Peralatan pejabat
- g) Pengubabsuaian
- h) Perabot dan lengkapan

Secara umumnya, dari segi pengiktirafan aset HLP, amalan semua Institusi WZB adalah agak seragam dan selari dengan ketetapan piawaian perakaunan. Perbezaan amalan yang dikesan ialah berhubung pengiktirafan tanah wakaf, tanah bahagian faraid dan bangunan atau aset yang diperoleh menggunakan dana dari kumpulan wang zakat. Perbezaan amalan ini tidak menghairankan memandangkan tiada panduan yang khusus dari piawaian mengenai olahan perakaunan yang bersesuaian bagi urus niaga unik yang melibatkan WZB.

Asas pengukuran yang digunakan adalah dipengaruhi oleh cara perolehan aset. Aset yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran seperti aset yang dibeli atau yang dibina, akan direkod pada kos pada masa pengiktirafan awal. Aset yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran seperti aset yang diterima dari pewakif untuk tujuan wakaf atau aset anugerah kerajaan akan direkod pada nilai nominal atau pada nilai saksama pada masa pengiktirafan awal. Semua Institusi WZB menggunakan model kos untuk tujuan pengukuran susulan. Bagi aset yang boleh disusutnilaikan seperti bangunan, kenderaan, jentera, peralatan dan lengkapan, kaedah susut nilai yang digunakan ialah kaedah garis lurus.

Penyahiktirafan boleh berlaku disebabkan pelupusan (jualan, saraan, pindahan atau tukarniaga), istibdal bagi tanah wakaf atau tebusan bagi tanah bahagian faraid. Walau bagaimanapun, pelaporan mengenai penyahiktirafan aset adalah sangat terhad. Amaun yang terlibat bagi aset yang dinyahiktiraf didedahkan dalam jadual aset di dalam nota kepada akaun, namun perincian maklumat tentang penyahiktirafan tidak diberikan.

Semua entiti mendedahkan aset HLP mengikut kaedah pendedahan yang lazim dibuat bagi aset HLP umum (*general PPE*). Walau bagaimanapun, selain dari menyediakan maklumat aset HLP secara keseluruhan, ada Institusi WZB yang menyediakan maklumat bagi aset HLP mengikut kumpulan wang (contohnya aset HLP bagi KWW dan aset HLP bagi KWB).

Pendedahan polisi adalah terhad kepada kategori aset, model penilaian aset yang diamalkan dan kaedah serta kadar susut nilai mengikut kategori aset. Bagi aset HLP tertentu seperti tanah, terdapat beberapa entiti yang membuat pendedahan yang boleh dianggap komprehensif dengan memberi perincian tentang hak pemilikan, saiz dan lokasi. Secara umumnya tahap pendedahan adalah sederhana di mana Institusi WZB memenuhi keperluan pendedahan minimum yang ditetapkan oleh piawaian perakaunan.

a) Tanah

Pengolahan perakaunan bagi tanah bergantung kepada kaedah perolehan. Tanah WZB diperoleh sama ada melalui serahan oleh pewakif (tanah wakaf am dan wakaf khas), melalui proses istibdal, pembelian, anugerah kerajaan atau perintah mahkamah bagi tanah faraid bahagian baitulmal (baitulmal). Jadual 5.5 meringkaskan maklumat tentang amalan perakaunan dan pelaporan bagi tanah.

Pengiktirafan tanah yang dibeli dan tanah anugerah kerajaan sebagai aset adalah selari bagi semua Institusi WZB iaitu apabila berlaku perpindahan risiko dan manfaat iaitu berdasarkan perjanjian jual beli bagi tanah yang dibeli dan berdasarkan geran atas nama MAIN bagi tanah anugerah kerajaan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari segi amalan berhubung titik pengiktirafan bagi tanah wakaf dan tanah bahagian faraid.

Tanah yang diterima sebagai wakaf khas tidak diiktiraf sebagai aset dalam penyata kedudukan kewangan oleh semua Institusi WZB. Sebaliknya tanah tersebut hanya direkodkan dalam daftar aset. Alasan yang diberikan untuk tidak mengiktiraf tanah wakaf khas ialah kerana tanah tersebut tidak mempunyai nilai komersial memandangkan tanah tersebut diwakafkan untuk tujuan kebajikan sosial yang khusus seperti untuk pembinaan masjid dan surau, pembinaan sekolah agama atau untuk dijadikan tanah kubur. Selain dari itu, untuk tujuan pengiktirafan, tanah tersebut perlu dinilai dan kos yang perlu dilibatkan untuk tujuan penilaian adalah tinggi. Oleh itu adalah tidak wajar tanah tersebut dinilai dan diiktiraf sedangkan tanah tersebut dipegang untuk tujuan kebajikan sosial semata-mata.

Di Melaka, Johor dan Sabah tanah yang diterima untuk tujuan wakaf am juga tidak diiktiraf sebagai aset dan hanya direkodkan dalam daftar aset sahaja. Hanya di Selangor dan Negeri Sembilan sahaja tanah wakaf am diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan sebagai aset.

Di Selangor titik pengiktirafan yang digunakan untuk mengiktiraf tanah wakaf am sebagai aset ialah pada tarikh penerimaan Hujah Wakaf. Ini kerana dari sudut syariah, perpindahan hak ke atas aset telah pun berlaku apabila Hujah Wakaf diterima oleh MAIS. Sungguhpun begitu dari sudut perundangan sivil, perpindahan hak belum berlaku kerana geran berasingan atas nama MAIN belum diterima.

Di Negeri Sembilan tarikh pindah milik berdasarkan geran atas nama MAINS digunakan sebagai titik pengiktirafan. Ini bagi memastikan perpindahan hak telah berlaku bukan sahaja dari sudut syariah malah dari sudut perundangan sivil juga. Oleh sebab proses pindah milik mengambil masa yang lama maka penggunaan geran berasingan sebagai bukti pengiktirafan akan menyebabkan pengiktirafan aset tertunda sedangkan dari sudut syariah, perpindahan hak telah berlaku pada tarikh Hujah Wakaf diterima.

Jadual 5.5: Amalan Perakaunan dan Pelaporan Aset Tanah

| TANAH | WAKAF KHAS | WAKAF AM | ISTIBDAL | TANAH DIBELI | ANUGERAH KERAJAAN | BAHAGIAN FARAID |
|--|------------|---|----------|---|---------------------------------|--|
| PENGIKTIRAFAN | | | | | | |
| Titik pengiktirafan: | | | | | | |
| - Penerimaan Hujah Wakaf | | Selangor | | | | |
| - Pindah milik (geran) | | N Sembilan (Rizab Penilaian semula) | | Selangor N Sembilan Melaka Johor | Selangor N Sembilan Sabah | Selangor (Pendapatan faraid) Melaka Sabah |
| - Keputusan mahkamah. | | | | | | N Sembilan (Rizab Penilaian semula) Johor (Pendapatan faraid) |
| - Selesai S & P | | | Selangor | | | |
| Tidak diiktiraf (rekod dalam daftar aset) | ✓ | Melaka Johor Sabah | | | Melaka | Melaka - belum ada geran berasingan Sabah (PBNS) - CL belum ada geran berasingan & NT tidak boleh diiktiraf |
| PENGUKURAN | | | | | | |
| Pengukuran awal | | | | | | |
| - Kos | | | | ✓ | | |
| - Nilai saksama | | N Sembilan (baru) | | | | Johor (Nilai dlm perintah mahkamah) |
| - Nilai nominal | | Selangor - RM1 atau kos kenaan N Sembilan - RM1 (lama) | | | ✓ | Selangor (RM1) N Sembilan (RM1) |
| Pengukuran susulan: | | | | | | |
| - Model kos | | N Sembilan | | ✓ | | ✓ |
| - Model penilaian semula | | | | | | |
| - Nilai nominal | | Selangor N Sembilan | | | ✓ | ✓ |

Jadual 5.5: Amalan Perakaunan dan Pelaporan Aset Tanah (sambungan)

| TANAH | WAKAF KHAS | WAKAF AM | ISTIBDAL | TANAH DIBELI | ANUGERAH KERAJAAN | BAHAGIAN FARAID |
|---|-----------------|----------|----------------------|--|--|-----------------|
| PENYAHIKTIRAFAN | | | | | | |
| - Iupus/sara/pindah | | | | | Pelupusan PPE umum | |
| - Tebus | | | | | | |
| - Ditukar ganti / Istibdal (wakaf) | | | | | Selangor | |
| Pelunasan (milik pajak) | | | | | Selangor, N Sembilan, Melaka, Johor | |
| Kaedah pelunasan - kaedah garislurus | | | | | Selangor, N Sembilan, Melaka, Johor | |
| ROSOTNILAI | | | | | x | |
| PENDEDAHAN | | | | | | |
| - Di muka Penyata Kewangan | x | | Selangor (Liabiliti) | PPE umum Johor - PPE umum & PPE KWW, KWB | Johor | |
| - Di nota | Melaka Johor | | Selangor (Liabiliti) | PPE umum Johor - PPE umum & PPE KWW, KWB | | x |
| Polisi Perakaunan | | | | Polisi susut nilai PPE umum | | |
| Perincian Aset: | | | | | | |
| - Terhad | | | | Sabah | | |
| ➤ Tiada maklumat berasingan | | | | | | |
| - Sederhana | | | | Selangor – Istibdal pendedahan dalam nota sahaja N Sembilan | | |
| ➤ Mengikut keperluan minimum piawaian dan dipecahkan mengikut jenis aset | | | | | | |
| - Komprehensif | | | | Melaka - Wakaf Am & Wakaf Khas Johor - angka terperinci tetapi kurang naratif | | |
| ➤ Mengikut keperluan minimum piawaian | | | | | | |
| ➤ Diakaunkan mengikut kumpulan wang. | | | | | | |
| ➤ Tanah wakaf – perincian tentang tujuan, bilangan & keluasan mengikut lokasi. | | | | | | |
| ➤ Tanah baitulmal – pecahan jenis title (milik bebas, milik pajakan, bahagian faraid) | | | | | | |

Selain daripada itu di Negeri Sembilan, pengiktirafan tanah wakaf am sebagai aset akan dikreditkan ke rizab penilaian semula. MAINS mengambil pendekatan ini kerana bersandarkan kepada hujah bahawa penerimaan tanah melalui serahan yang tidak melibatkan kos bagi MAINS tidak seharusnya dikreditkan sebagai pendapatan sebaliknya perlu direkodkan sebagai ekuiti. Walau bagaimanapun, perekodan dalam rizab penilaian semula tidak memberikan gambaran yang jelas dan boleh menimbulkan kekeliruan kerana rizab penilaian semula hanya boleh digunakan untuk mencatatkan penilaian semula aset sahaja dan bukan untuk pengiktirafan awal.

Bagi tanah bahagian faraid, MAINS dan MAINJ menggunakan tarikh Perintah Mahkamah sebagai titik pengiktirafan manakala MAIS, MAIM dan PBNS menggunakan tarikh perpindahan hak berdasarkan geran atas nama MAIN sebagai titik pengiktirafan. Hujah yang dikemukakan untuk penggunaan Perintah Mahkamah sebagai bukti pengiktirafan ialah kerana semasa Perintah Mahkamah dikeluarkan bahagian harta yang menjadi hak MAIN serta nilainya telah dapat dikenal pasti dengan jelas dan pindah milik berdasarkan geran adalah proses yang perlu dilakukan bagi memastikan Perintah Mahkamah dilaksanakan.

Di Negeri Sembilan, seperti mana pengiktirafan tanah wakaf am sebagai aset dikreditkan ke rizab penilaian semula, pengiktirafan tanah bahagian faraid sebagai aset juga turut dikreditkan ke rizab penilaian semula. Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, perekodan ke rizab penilaian semula tidak menggambarkan situasi sebenar kerana rizab penilaian semula dikhatuskan untuk penilaian semula aset selepas pengiktirafan awal dan bukan untuk perekodan semasa pengiktirafan awal.

Setakat ini di Melaka dan Sabah yang menggunakan tarikh perpindahan hak berdasarkan geran berasingan sebagai bukti pengiktirafan, belum ada tanah bahagian faraid diiktiraf sebagai aset memandangkan proses pindah milik mengambil masa yang lama. Di Sabah selain daripada belum ada geran berasingan, status tanah juga menjadi penghalang kepada pengiktirafan tanah faraid bahagian Baitulmal sebagai aset. Tanah di Sabah mempunyai status *Native Land*, *Town Lease* atau *Country Lease*. Masalah berlaku kerana sungguhpun PBNS diberikan tanggung jawab untuk menjaga tanah bahagian faraid namun mengikut undang-undang negeri Sabah, tanah berstatus *Native Land* hanya boleh dipegang oleh MUIS sahaja. Oleh yang demikian, PBNS tidak boleh

mengiktiraf tanah bahagian faraid yang berstatus *Native Land* kerana undang-undang tidak membenarkan PBNS untuk memegang tanah berstatus *Native Land*. Selagi isu hak pegangan tanah tidak diselesaikan, maka selagi itu juga tanah faraid bahagian baitulmal yang berstatus *Native Land* tidak boleh diiktiraf sebagai aset sungguhpun mahkamah telah memutuskan baitulmal berhak ke atas tanah tersebut.

Asas pengukuran yang digunakan bergantung kepada kaedah perolehan tanah. Tanah yang diperoleh melalui pembelian mempunyai kos yang boleh ditentukan dengan munasabah. Oleh yang demikian, tanah tersebut diukur pada kos pada masa pengiktirafan awal dan pengukuran susulan adalah berdasarkan model kos.

Memandangkan tanah wakaf khas tidak diiktiraf, maka isu pengukuran adalah tidak relevan bagi tanah wakaf khas. Asas pengukuran yang diamalkan bagi tanah wakaf am adalah berbeza di antara MAIN yang mengiktiraf tanah wakaf am iaitu Selangor dan Negeri Sembilan. Memandangkan tanah wakaf am diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran dengan penglibatan kos yang minimum oleh MAIN, Selangor memilih untuk menilai tanah wakaf am pada nilai nominal RM1 atau pada kos kenaan untuk tujuan pengiktirafan awal. Nilai yang sama dikekalkan untuk pengukuran susulan.

Seperti mana di Selangor, Negeri Sembilan juga menggunakan nilai nominal RM1 bagi mengukur tanah wakaf am yang diterima sebelum tahun 2015, semasa pengiktirafan awal dan mengekalkan nilai yang sama untuk pengukuran susulan. Walau bagaimanapun, untuk tanah wakaf am yang diterima selepas tahun 2015, Negeri Sembilan menggunakan nilai saksama pada tarikh perolehan untuk pengiktirafan awal dan model kos untuk pengukuran susulan.

Johor mengukur tanah faraid bahagian baitulmal pada nilai saksama berdasarkan nilai yang tercatat dalam Perintah Mahkamah untuk tujuan pengiktirafan awal dan menggunakan model kos untuk pengukuran susulan. Selangor dan Negeri Sembilan menggunakan nilai nominal RM1 untuk pengiktirafan awal dan untuk pengukuran susulan.

Penyahiktirafan boleh berlaku disebabkan perlupusan (jualan, persaraan, pindahan dan tukarniaga), tebusan oleh waris (tanah bahagian faraid) dan istibdal bagi tanah wakaf.

Walau bagaimanapun, pelaporan maklumat tentang penyahiktirafan aset adalah terlalu umum. Amaun aset yang dinyahiktiraf didedahkan dalam jadual aset di dalam nota kepada akaun, namun tiada perincian lain diberikan.

Secara umum pendedahan polisi perakaunan dan pendedahan di muka penyata kewangan adalah selari dengan pendedahan aset HLP umum. Perbezaan yang dikesan dari segi amalan pendedahan ialah berhubung pendedahan dalam nota. Pendedahan maklumat yang secara relatifnya paling komprehensif ialah oleh Melaka dan Johor. Pendedahan dianggap komprehensif apabila pendedahan mematuhi keperluan minimum piawaian, memberikan perincian mengikut kumpulan wang, untuk tanah wakaf memberikan perincian tentang tujuan, bilangan dan keluasan mengikut lokasi bagi tanah wakaf dan untuk tanah baitulmal menyatakan jenis pegangan.

MAIM, selain menyediakan jadual aset dengan nota perincian selaras dengan keperluan piawaian perakaunan, juga memberi maklumat terperinci tentang semua tanah wakaf yang dipegang dengan menyenaraikan nombor lot dan hak milik, keluasan, tarikh pegangan, jenis wakaf dan penggunaan tanah. MAINJ memberikan perincian angka yang sangat komprehensif untuk keseluruhan aset HLP dan untuk setiap HLP mengikut kumpulan wang, namun terdapat kekurangan dari segi maklumat naratif yang boleh membantu meningkatkan pemahaman pengguna.

Pendedahan di Selangor dan Negeri Sembilan adalah pada tahap sederhana yang memenuhi keperluan piawaian secara umum. Secara perbandingan, polisi tentang aset HLP yang disediakan oleh Selangor adalah lebih komprehensif. Hanya Selangor yang mendedahkan maklumat tentang istibdal di muka penyata (sebagai liabiliti) dan memberi perincian tentang istibdal dalam nota. Tahap pendedahan di Sabah secara relatifnya adalah terhad kerana sungguhpun secara umumnya pendedahan adalah selaras dengan keperluan minimum piawaian, namun tiada pendedahan maklumat berasingan mengikut kumpulan wang.

b) Bangunan

Ringkasan maklumat tentang perakaunan dan pelaporan bagi bangunan dipaparkan dalam Jadual 5.6. Aset bangunan diperoleh sama ada melalui pembelian, pembinaan

atau melalui anugerah kerajaan. Secara umumnya semua Institusi WZB merekod bangunan pada kos pada masa pengiktirafan awal, menggunakan model kos untuk pengukuran susulan dan menyusutnilaikan bangunan berdasarkan kaedah garis lurus. Di Negeri Sembilan bangunan yang diterima sebagai wakaf diiktiraf pada nilai nominal RM1.

Perbezaan dari segi amalan yang dikesan ialah berhubung bangunan yang tidak diiktiraf tetapi hanya direkod dalam daftar aset di Selangor, Melaka, Johor dan Sabah. Contoh di Selangor melibatkan bangunan KWW yang dibina di atas tanah wakaf menggunakan dana KWZ yang dilaksana berdasarkan fatwa dan bangunan yang dibina di atas tanah KWB menggunakan dana KWZ yang dilaksana berdasarkan fatwa. Contoh di Melaka melibatkan Bangunan Marwah di Mesir (iaitu bangunan yang menempatkan pelajar-pelajar Malaysia) yang dibeli dengan pinjaman dari Kerajaan Negeri. Perjanjian pinjaman menetapkan bahawa bangunan tersebut tidak boleh iktiraf sebagai aset MAIM sehingga bayaran balik pinjaman selesai. Pembayaran balik pinjaman dilakukan menggunakan KWZ di bawah belanja Fisabilillah. MAIM mengakaunkan perolehan aset tersebut sebagai belanja tertunda yang dilunaskan secara tahunan apabila belanja Fisabilillah (di bawah KWZ) diiktiraf. Contoh di Johor dan Sabah melibatkan bangunan yang diterima sebagai wakaf khas. Selain dari itu PBNS juga menghadapai masalah untuk mengiktiraf bangunan yang diterima melalui anugerah kerajaan kerana tidak mempunyai perjanjian atau geran berasingan atas nama PBNS. Sungguhpun bangunan yang diterima tidak diiktiraf namun pendapatan sewaan bangunan yang diterima oleh PBNS diiktiraf sebagai hasil dan kos penyelenggaraan yang dilibatkan diiktiraf sebagai belanja.

Dari segi pendedahan, tahap pendedahan maklumat tentang aset bangunan adalah sederhana kecuali di Johor yang mempunyai tahap pendedahan yang komprehensif dari segi perincian angka mengikut kumpulan wang, tetapi kurang dari segi maklumat naratif. Di Negeri Sembilan, berpegang kepada konsep ‘harta aqar’ yang menganggap tanah dan binaan di atasnya sebagai satu dan bukannya terpisah, maka tanah dan bangunan didedahkan sebagai satu kategori aset dan bukan dua kategori aset yang berbeza.

Jadual 5.6: Amalan Perakaunan dan Pelaporan Aset Bangunan

| BANGUNAN | KWW | | KWZ | KWB | |
|--|---|---|--|---|--|
| | WAKAF AM | WAKAF KHAS | BINA | BELI /BINA | ANUGERAH KERAJAAN |
| PENGIKTIRAFAN | | | | | |
| Titik pengiktirafan: | | | | | |
| - Pindah milik (Perjanjian) | Selangor (Beli - Saham Wakaf Am) | Selangor - Beli guna Saham Wakaf Khas Melaka - Hotel Wakaf dari JAWHAR Johor - Beli guna Wakaf Tunai | | ✓ N Sembilan Termasuk bangunan wakaf | Selangor N Sembilan |
| - CPC (Bangunan Siap dibina) | Selangor (Bina - Saham Wakaf Am) | Selangor - Bina guna Saham Wakaf Khas Johor - Bina guna Wakaf Tunai | | Selangor Bangunan dibina atas tanah warta guna KWB N Sembilan | |
| - Bangunan dalam pembinaan (AUC - Peratus siap) | Selangor (Bina - Saham Wakaf Am) | Selangor (Bina - Saham Wakaf Khas) | | N Sembilan | |
| Tidak diiktiraf (rekod dalam daftar aset) | Selangor - Bangunan Wakaf dibina atas tanah Wakaf guna KWZ berdasarkan fatwa | | | | |
| | | | Selangor - Bangunan dibina atas tanah Baitulmal guna KWZ berdasarkan fatwa | | Sabah PBNS – Masalah bukti pemilikan (Iktiraf hasil sewa & belanja penyelenggaraan) |
| | | Johor - Bangunan yang diterima Sabah | Melaka - Bangunan Marwah di Mesir dibeli dengan Pinjaman Kerajaan Negeri. Perjanjian tidak boleh iktiraf sehingga selesai bayar. Bayar dari KWZ Belanja Fisabilillah. Sekarang diakaun sebagai belanja tertunda | | |

Jadual 5.6: Amalan Perakaunan dan Pelaporan Aset Bangunan (sambungan)

| BANGUNAN | KWW | | KWZ | KWB | |
|--|----------|------------|------|--|-------------------|
| | WAKAF AM | WAKAF KHAS | BINA | BELI /BINA | ANUGERAH KERAJAAN |
| PENGUKURAN | | | | | |
| Pengukuran awal | | | | | |
| - Kos | | | | ✓ | |
| - Nilai nominal | | | | N Sembilan bangunan wakaf diterima (RM 1) | |
| Pengukuran susulan: | | | | | |
| - Model kos | | | | ✓ | |
| - Nilai nominal | | | | ✓ | |
| Kaedah susutnilai - garislurus | | | | ✓ | |
| Belanja susulan | | | | ✓ | |
| Semakan semula usia guna dan nilai sisa | | | | x | |
| PENYAHITIRAFAN | | | | | |
| - Lupus/ sara / pindah/ tebus | | | | ✓ umum | |
| ROSOTNILAI | | | | x | |
| PENDEDAHAN | | | | | |
| Didedah: | | | | | |
| - Di muka Penyata Kewangan | | | | ✓ | |
| - Di nota | | | | ✓ N Sembilan Tanah & bangunan (tidak diasingkan) | |
| Polisi Perakaunan | | | | ✓ umum | |
| Perincian Aset: | | | | | |
| - Terhad (Tiada maklumat berasingan) | | | | | |
| - Sederhana (Mengikut keperluan minimum piawaian) | | | | ✓ | |
| - Komprehensif (Mengikut keperluan minimum piawaian & diakaunkan mengikut kumpulan wang) | | | | Johor – angka terperinci mengikut kumpulan wang tetapi kurang naratif | |

c) Lain-lain Aset Hartanah, Loji dan Peralatan

Ringkasan maklumat tentang perakaunan dan pelaporan bagi lain-lain aset hartanah, loji dan peralatan dipaparkan dalam Jadual 5.7. Merujuk kepada jadual 5.7, sub-kategori bagi lain-lain aset hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

- a) Peralatan pejabat
- b) Kenderaan
- c) Komputer
- d) Peralatan pejabat
- e) Pengubahsuaian
- f) Perabot dan lengkapan
- g) Bekalan (Selangor sahaja)

Secara umumnya, semua Institusi WZB merekod aset di bawah sub-kategori di atas pada kos pada masa pengiktirafan awal, menggunakan model kos untuk pengukuran susulan dan menyusutnilaikan berdasarkan kaedah garis lurus. Satu-satunya perbezaan dari segi amalan yang dikesan ialah di Melaka di mana polisi perakaunan tentang aset HLP menyatakan bahawa aset HLP yang tidak digunakan secara aktif atau dipegang untuk dijual dinilai pada nilai terendah antara nilai buku dan nilai boleh diperoleh/realis. Dari segi pendedahan, tahap pendedahan maklumat tentang lain-lain aset HLP adalah sederhana bagi semua Institusi WZB.

5.4.3 Pajakan

Urus niaga pajakan hanya dilaporkan oleh MAIS dan MAINS sahaja. Merujuk kepada Jadual 5.3, bagi urus niaga pajakan, MAIN terlibat dalam urus niaga pajakan operasi sebagai pemberi pajak (*lessor*) manakala urus niaga pajakan kewangan di mana entiti adalah pemajak (*lessee*) hanya berlaku di peringkat anak syarikat MAIN sahaja. Pendedahan tentang pajakan adalah amat terhad. Penyata kewangan MAIM hanya mendedahkan polisi perakaunan untuk pajakan tetapi tiada urus niaga pajakan dilaporkan.

Jadual 5.7: Amalan Perakaunan dan Pelaporan Lain-lain Aset hartanah, Loji dan Peralatan

| Lain-lain Aset Hartanah, Loji dan Peralatan | SELANGOR | | | N EGERI SEMBILAN | | | MELAKA | | JOHOR | | | SABAH | | |
|---|-----------|---|------------|------------------|-----------|------------------|----------|----------------------|-----------------|-----|-----|-------|----------------------|------------|
| | PWS (KWW) | LZS (KWZ) | MAIS (KWB) | PWNS (KWW) | PZNS (PK) | MAINS (KWZ, KWB) | PZM (PK) | MAIM (KWW, KWZ, KWB) | (KWW, KWZ, KWB) | KWW | KWZ | KWB | MUIS (KWW, KWZ, KWB) | PBNS (KWB) |
| JENIS PPE LAIN | | | | | | | | | | | | | | |
| - Kenderaan | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| - Jentera & Mesin | | | | | ✓ | | | | | | | | | |
| - Komputer | ✓ | | ✓ | | | | | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| - Peralatan, Perabot & Kelengkapan | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| - Peralatan Sukan, Kokurikulum & makmal | | | ✓ | | | | | | | | | | | |
| - Bekalan | ✓ | | ✓ | | | | | | | | | | | |
| - Pengubahsuaihan | ✓ | | ✓ | | | | | ✓ | | | | ✓ | ✓ | |
| PENGIKTIRAFAN: | | | | | | | | | | | | | | |
| Titik pengiktirafan: | | | | | | | | | | | | | | |
| - Tarikh perolehan | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| - Tidak diiktiraf (rekod dalam daftar aset) | | 2014 Penyata Akaun kawalan zakat – PPE & Zakat telah diakaun tapi belum lunas Daftar Aset belanja zakat & disusutnilai | | | | | | | | | | | | |

Jadual 5.7: Amalan Perakaunan dan Pelaporan Lain-lain Aset Hartanah, Loji dan Peralatan (sambungan)

| Lain-lain Aset Hartanah, Loji dan Peralatan | SELANGOR | | | N EGERI SEMBILAN | | | MELAKA | | JOHOR | | | SABAH | |
|---|-----------|-----------|------------|------------------|-----------|------------------|----------|---|-----------------|-----|-----|-------|----------------------|
| | PWS (KWW) | LZS (KWZ) | MAIS (KWB) | PWNS (KWW) | PZNS (PK) | MAINS (KWZ, KWB) | PZM (PK) | MAIM (KWW, KWZ, KWB) | (KWW, KWZ, KWB) | KWW | KWZ | KWB | MUIS (KWW, KWZ, KWB) |
| PENGUKURAN: | | | | | | | | | | | | | |
| Pengukuran awal | | | | | | | | | | | | | |
| - Kos | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Pengukuran susulan: | | | | | | | | | | | | | |
| - Model kos | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| - Model penilaian semula | | | | | | | | | | | | | |
| - Terendah antara nilai buku & nilai boleh diperolehi | | | | | | | | HLP yang tidak digunakan secara aktif atau dipegang untuk dijual (polisi) | | | | | |
| Kaedah susut nilai - garislurus | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Belanja susulan | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Semakan semula usia guna & nilai sisra | ✓ | ✓ | ✓ | | x | | | x | x | x | x | x | x |
| PENYAHIKTIRAFAN: | | | | | | | | | | | | | |
| - Lupus, sara, pindah & tukar ganti | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| PENDEDAHAN: | | | | | | | | | | | | | |
| Lokasi pendedahan | | | | | | | | | | | | | |
| - Di muka Penyata Kewangan | ✓ | | ✓ | | ✓ | | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| - Di nota | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| Polisi Perakaunan | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓umum | | | ✓umum | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓umum |
| Perincian Aset: | | | | | | | | | | | | | |
| - Terhad | | | | | | | | | | | | | |
| - Sederhana | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |
| - Komprehensif | | | | | | | | | | | | | |

5.4.4 Hartanah Pelaburan

Maklumat tentang harta tanah pelaburan tidak dilaporkan kerana di bawah PERS tiada peruntukan yang menyentuh tentang harta tanah pelaburan. Oleh yang demikian, semua aset harta tanah yang dipegang untuk disewakan atau untuk tujuan peningkatan modal atau yang belum ditentukan tujuannya, diakaunkan sebagai harta tanah, loji dan peralatan. Mulai tahun 2016 selaras dengan keperluan MPERS, Institusi WZB mula mengakaunkan harta tanah yang dipegang untuk disewakan atau untuk tujuan peningkatan modal atau yang belum ditentukan tujuannya sebagai harta tanah pelaburan.

5.4.5 Aset Tak Ketara

Tiada pelaporan tentang aset tak ketara oleh semua Institusi WZB. Setakat ini, perisian komputer merupakan satu-satunya aset yang dipegang oleh sebilangan besar Institusi WZB yang boleh diiktiraf sebagai aset tak ketara. Walau bagaimanapun, amalan semasa Institusi WZB yang mempunyai perisian komputer ialah mempermudahkan kos yang dilibatkan untuk perisian komputer sebagai sebahagian dari kos komputer (harta tanah, loji dan peralatan) yang kemudiannya disusutnilaikan.

5.4.6 Rosot nilai dan Pertanian

Sungguhpun PERS ada menyentuh tentang rosot nilai aset, namun setakat ini semua Institusi WZB dalam Zon 1 tidak melakukan ujian rosot nilai ke atas aset atau merekodkan rosot nilai aset. Begitu juga tiada aset pertanian atau aset biologi direkodkan kerana Institusi WZB tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti pertanian. Sungguhpun Institusi WZB ada menerima tanah yang diwakafkan untuk tujuan pertanian, namun setakat ini tanah tersebut disewakan kepada pihak ketiga yang mengusahakan aktiviti pertanian di atas tanah tersebut.

5.5 Kesimpulan

Berikut ialah rumusan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan Institusi WZB dalam Zon 1 berhubung isu yang dikaji:

5.5.1 Pengiktirafan

- a) Titik pengiktirafan mengikut syarak perlu ditentukan kerana terdapat perbezaan di antara titik perpindahan hak dari segi syariah dan dari segi perundungan sivil yang mempengaruhi pengiktirafan aset. Isu ini penting bagi aset yang diterima sebagai wakaf (KWW) dan tanah faraid bahagian baitulmal (KWB).
- b) Pengiktirafan perlu dibuat bagi bangunan yang dibina atas tanah Wakaf atau Baitulmal yang dibiayai oleh KWZ (berdasarkan fatwa) serta bangunan dan aset HLP lain yang dibeli menggunakan KWZ (berdasarkan fatwa). Mengikut amalan semasa aset-aset ini tidak diiktiraf tetapi hanya direkodkan dalam Daftar Aset. Selain dari itu fatwa berkaitan juga tidak didekahkan sedangkan maklumat tersebut penting bagi membantu pihak berkepentingan memahami asas kepada tindakan Institusi WZB.
- c) Kewajaran untuk mengiktiraf dan menilai tanah Wakaf Khas seperti wakaf untuk tanah kubur perlu dipertimbangkan memandangkan aset berkenaan dipegang semata-mata untuk tujuan kebajikan sosial dan tidak mempunyai nilai komersial.
- d) Isu status tanah perlu diberi perhatian kerana status tanah boleh mempengaruhi pengiktirafan. Contohnya tanah bertaraf *Native Title (NT)* di Sabah (Tanah Faraid Bahagian Baitulmal), PBNS tidak boleh iktiraf kerana PBNS tidak boleh memegang tanah bertaraf NT, hanya MUIS boleh memegang tanah bertaraf NT.
- e) Isu pindah milik tanah anugerah kerajaan perlu diberi perhatian kerana ini menghalang pengiktirafan aset.

- f) Tanah serahan tidak diiktiraf kerana memerlukan penilaian yang mempunyai implikasi kos yang tinggi.
- g) Isu bangunan yang tidak diiktiraf perlu diberi perhatian. Berdasarkan amalan semasa, ada bangunan yang tidak diiktiraf tetapi bangunan tersebut menjana pendapatan yang diiktiraf serta melibatkan kos untuk penyelenggaraan yang juga diiktiraf.
- h) Amalan mengkreditkan rizab penilaian semula semasa pengiktirafan awal aset adalah tidak bersesuaian kerana rizab penilaian semula hanya digunakan untuk merekod penilaian semula aset.

5.5.2 Pengukuran

- a) Kaedah perolehan aset (beli, bina atau serahan) akan menentukan asas pengukuran aset pada masa pengiktirafan awal. Secara umumnya, aset yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran seperti aset yang dibeli atau dibina diukur pada kos manakala aset yang diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran seperti aset yang diserah diukur pada nilai nominal RM1 atau kos kenaan atau nilai saksama.
- b) Amalan semasa bagi pengukuran susulan ialah model kos dan tiada model penilaian semula.
- c) Kebanyakan aset wakaf (am dan khas) tidak dinilai disebabkan kos penilaian yang tinggi dan aset tersebut dipegang untuk tujuan kebajikan sosial dan bukan untuk tujuan komersial.

5.5.3 Pendedahan

- a) Pengelasan aset adalah terlalu umum. Amalan pendedahan semasa mengikut pendedahan bagi aset HLP umum (*general PPE*).
- b) Pendedahan dalam nota adalah umum dan terhad. Walau bagaimana pun ada MAIN yang menggunakan medium lain untuk menyampaikan maklumat kepada pihak berkepentingan contohnya Laporan Eksekutif (Johor) dan Brosur (Selangor).

- c) Amalan semasa kurang memberi perincian maklumat mengikut kumpulan wang.
- d) Polisi yang didedahkan adalah umum dan terhad atau polisi tidak didedahkan atau ada polisi didedahkan tetapi urus niaga tidak dapat dikesan kerana perincian dalam nota adalah sangat terhad.
- e) Fatwa boleh mempengaruhi polisi dan olahan perakaunan bagi sesuatu item tetapi fatwa tidak didedahkan. Contoh fatwa yang penting untuk didedahkan ialah seperti fatwa negeri Melaka di bawah Seksyen 36 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 yang menyentuh tentang Hukum Pelaburan Menggunakan Wang Zakat.

BAB ENAM

KEPERLUAN SYARIAH DAN PENGUKUHAN

KERANGKA KERJA KONSEPTUAL

PELAPORAN KEWANGAN

6.1 Pengenalan

Bagi tujuan untuk mencadangkan keperluan syariah dan pengukuhan kerangka kerja konseptual, kajian ini merujuk kepada kerangkakerja konseptual pelaporan kewangan bagi entiti sektor awam yang dikeluarkan oleh *International Public Sector Accounting Standards Board* (IPSASB) 2014 dan Penyataan Prinsip pelaporan kewangan daripada perspektif Islam (*Statement of Principles – SOPi*) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) sebagai panduan asas untuk memastikan cadangan piawaian perakaunan Islam adalah bersifat praktikal seiring dengan perlaksanaan piawaian perakaunan yang sedia ada. Kerangka syariah yang dicadangkan adalah melalui proses pengubahsuaian melalui kaedah Islamisasi² untuk memastikan mana-mana perkara yang bertentangan dengan Islam dikeluarkan. Penerapan nilai syariah akan mengukuhkan kerangka piawaian yang sedia ada. Namun begitu kaedah Islamisasi ini perlu dilakukan dengan berhati-hati mengikut keperluan, urutan dan keutamaan ilmu iaitu (1) *aqidah* iaitu keyakinan yang tidak berbelah bahagi kepada sistem ilahi; (2) *naqliyah* iaitu sesuatu perkara yang berdasarkan dalil; dan (3) ‘*aqliyah* iaitu kebijakan akal untuk merungkai masalah (Muji Tahir, 2016; h. 23). Ini bagi memastikan hala tuju kajian yang mantap dan mengelakkan kepada pengkajian yang hanya mengejar kepada merungkai sesuatu permasalahan yang sentiasa berubah.

² Dalam proses mencari kebenaran terhadap permasalahan yang wujud dalam merungkai sesuatu fenomena merupakan satu proses islamisasi iaitu satu proses reformasi sosio-ekonomi berdasarkan *Islamic world-view* dan visi dalam Islam. Menurut Aslam (1997; h. 55), proses islamisasi di peringkat polisi merupakan satu perkembangan yang bersifat semulajadi dimana proses islamisasi dilakukan di peringkat kerangka teori dan konsep dengan bersandarkan kepada *Islamic world-view* dan konsep *ad-din*.

Dalam Islam, sesuatu ilmu³ itu tidak boleh tegak berdiri sendiri sebaliknya memerlukan integrasi kesemua komponen ilmu bagi membina suatu sistem yang mantap, unik dan berwibawa. Dalam konteks ilmu perakaunan yang berkaitan dengan ilmu muamalat, ilmu *naqliyah* menjadi sumber ilmu utama dalam penyelesaian masalah manusia berdasarkan dalil yang jelas (*qati'e*), diikuti pelbagai ilmu asas berkaitan forensik fiqh muamalat seperti *usul al-fiqh* dan *qawa'id fiqh*, *ulum al-Quran* dan *ulum al-Hadith* serta *fiqh al-sirah*. Ia juga perlu dilengkapkan lagi dengan ilmu berkaitan dengan instrumen dan mekanisnya seperti bahasa Arab, *sorof*, *nahu*, *balaghah*, *bayan* dan *mantiq*; dan akhirnya berkaitan dengan sumber hukum dan perundangan termasuklah *maqasid al-syariah* dan *roh perundangan Islam* (Muji Tahir, 2016; h. 50).

Dalam menyelesaikan permasalahan manusia dalam konteks ilmu perakaunan, konsep kewajaran, mudah dan anjal (*flexible*) memainkan peranan yang penting supaya pengkajian ini dapat diterima oleh pemikiran yang rasional. Firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah (2:185) menjelaskan perkara tersebut yang bermaksud;

“...Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran...”

Dan Firman Allah SWT lagi dalam surah Al-Baqarah (2: 286) yang bermaksud,

“Allah (sekali-kali) tidak akan memberatkan kamu melainkan apa yang terdaya kamu lakukan”

Dalam hal ini, para imam mazhab telah merumus suatu kaedah dalam muamalah bahawa,

“asal hukum suatu perkara dalam muamalat adalah diharuskan sehingga ada dalil yang menunjukkan sebaliknya”

Menurut Muji Tahir (2016), kaedah ini akan membuka ruang ijihad kepada para mujtahid untuk meneroka inovasi produk yang komprehensif dalam muamalat, sistem ekonomi dan kewangan Islam, namun para mujtahid tersebut perlu menguasai ilmu kemahiran dan memahami epistemologi dalam ilmu. Terdapat dua bentuk kemahiran dalam penguasaan ilmu menurut ibn Khaldun (Sanep, 2006; h.34) iaitu (1) ilmu asas (*al-Ulum al-Naqiliyah al-Wadi'iyah*) iaitu ilmu untuk urusan akhirat yang diperolehi

³ Menurut imam al-Ghazali (1980), takrif ilmu adalah pengetahuan yang dengannya manusia dapat mengenal Allah SWT.

oleh manusia daripada rasul (melalui wahyu) dan; (2) ilmu alat (*al-Ulum al-Hikmiyah al-Falsafiyah*) iaitu ilmu urusan dunia yang diperolehi berdasarkan proses aqal (usaha dan pemikiran) dan amat perlu dalam memastikan penerokaan kepada penyelesaian masalah kehidupan bermuamalah dalam konteks perakaunan dari kalangan manusia dapat diselesaikan dengan kaedah yang terbaik.

Justeru dalam konteks penerokaan, cadangan piawaian perakaunan Islam yang melibatkan Institusi WZB (MAIN dan agensi berkaitan di bawahnya seperti Lembaga Zakat dan Perbadanan Wakaf), keluwesan dalam mencadangkan satu kerangka syariah dalam kajian ini amat diperlukan namun ia perlu dilaksanakan secara berhati-hati agar proses penghasilan piawaian ini benar-benar mengikut kerangka syariah. Pokok utama perbincangan dalam bahagian ini ialah berkaitan dengan konsep harta atau secara spesifiknya aset yang bertujuan akhirnya untuk (1) mengiktiraf aset; (2) mengukur aset; dan (3) melaporkan aset tersebut di Institusi WZB adalah menurut kerangka syariah. Namun yang uniknya ialah Institusi WZB merupakan institusi yang mengurus harta milik baitulmal dan juga harta wakaf dan zakat yang merupakan satu amanah daripada pihak berkepentingan untuk dimanfaatkan oleh mereka yang mempunyai hak atas aset tersebut.

Bab ini akan memberi input kepada pengukuhan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan bagi Institusi WZB yang telah mula dibangunkan dalam Fasa Pertama sebelum ini. Pengukuhan yang difokuskan dalam Fasa Kedua ini adalah dari aspek pengoperasian perakaunan yang menyentuh elemen asas penyata kewangan iaitu aset yang melibatkan aspek pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan menurut keperluan *syariah Islamiah*. Bab ini memulakan perbincangan dengan menjelaskan konsep aset serta ciri-ciri utama yang mentakrifkan aset tersebut daripada perspektif Islam. Seterusnya, bab ini mengemukakan perbincangan tentang prinsip pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset menurut keperluan syariah dengan membuat perbandingan dengan prinsip konvensional seperti yang dinyatakan dalam Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan yang dikeluarkan oleh IPSASB.

6.2 Definisi Aset

Dalam perbincangan ilmu fiqh, ahli fiqh membincangkan dan menggunakan istilah harta dalam Islam dan tidak menggunakan istilah aset.

Menurut Kamus Dewan edisi Keempat, definisi harta ialah:

“barang-barang berharga (spt rumah, tanah, barang-barang kemas, dsb) yg dippunyai oleh seseorang (syarikat, pertubuhan, dll); ~ bawaan (pembawa, pembawaan) harta yg dibawa pd ketika berkahwin; ~ benda barang-barang kepunyaan, berbagai-bagai barang yg berharga (sbg kekayaan); ~ bersama = ~ carian (laki bini) = ~ suarang harta yg diperoleh suami isteri bersama; ~ dunia barang-barang yg tidak kekal, barang-barang duniawi; ~ hibah harta yg diberi dgn keredaan pemiliknya (sebelum dia meninggal dunia); ~ jangka panjang (Eko) benda (spt tanah, bangunan, jentera, dll) utk keperluan perusahaan dlm jangka waktu panjang, asset jangka panjang; ~ jangka pendek (Eko) wang atau benda yg mudah dijadikan wang, asset jangka pendek; ~ karun harta benda yg tidak diketahui empunyanya (pemiliknya) atau yg didapati dgn tidak sah; ~ milik barang-barang kepunyaan seseorang; ~ mudah cair (Eko) benda yg mudah dijadikan wang (dijual); ~ pencarian harta benda yg didapati drpd usaha sendiri (bukan yg dipusakai); ~ (pen)dapatkan harta yg dibawa oleh pihak perempuan; ~ pusaka harta warisan (harta peninggalan si mati); ~ rampasan barang-barang yg dirampas dlm masa perang; ~ sepencarian harta yg diperoleh drpd usaha suami isteri; ~ tanah (Eko) tanah dan apa-apa sahaja yg terdapat di atasnya (spt bangunan, tanaman, balak, atau galian); ~ sungguh harta yg berupa mata benda; ~ tak sungguh (Eko) hak yg tidak berupa benda (spt hak cipta dll); ~ tidak kurang keadaan harta melebihi hutang; ~ pulang ke tuan prb sudah sangat cocok utk seseorang; berharta mempunyai harta, kaya, berada”

(Kamus Dewan Edisi Keempat)

Manakala definisi aset ialah:

“1. wang tunai dan harta benda (spt tanah, bangunan, dll) yg dimiliki seseorang (sesbuah syarikat, pertubuhan, dll); 2. ciri, sifat istimewa, dll yg bernilai atau berguna (pd seseorang dll); ~ benar (Eko) aset berbentuk fizikal, spt bangunan dan jentera, yg tidak mudah ditukarkan kpd wang tunai; ~ berisiko (Eko) aset bank yg nilainya tertakluk kpd perubahan harga pasaran atau perubahan kualiti kredit pelanggan, misalnya saham

syarikat; ~ bersih (Eko) lebihan jumlah nilai aset drpd jumlah liabiliti atau tanggungan; ~ bukan kewangan (Eko) aset yg tidak merupakan tuntutan utk menerima sejumlah tetap wang tunai spt mesin, bangunan, tanah, dll; ~ cair (Eko) wang atau aset lain yg boleh ditukarkan dgn segera kpd tunai; ~ cepat (Eko) aset semasa yg boleh ditukarkan kpd wang tunai dlm tempoh yg singkat (biasanya satu bulan); ~ fizikal = ~ ketara (Eko) aset spt tanah, bangunan, kereta, mesin, dll yg benar-benar wujud (boleh disentuh atau dilihat); ~ kewangan (Eko) aset yg merupakan tuntutan utk menerima sejumlah tetap wang tunai; ~ modal (Eko) aset ketara dan tak ketara yg digunakan utk menjalankan aktiviti sesuatu organisasi; ~ pasif (Eko) aset yg tidak menjanakan pendapatan; ~ semasa (Eko) wang atau aset lain yg mudah ditunaikan atau dijual; ~ tak ketara (Eko) aset yg tidak wujud secara fizikal (spt paten, hak cipta, dll) tetapi memberi hak kpd pemiliknya utk menerima bayaran atau faedah lain; ~ terakru (Eko) aset drpd hasil yg telah diperoleh, tetapi bayarannya belum diterima; ~ tetap (Eko) aset yg digunakan berterusan dlm aktiviti sesebuah organisasi; ~ tunai (Eko) aset dlm bentuk tunai, termasuk wang di tangan, simpanan di bank dsb yg boleh digunakan utk bayaran serta-merta”.

(Kamus Dewan Edisi Keempat)

Justeru, definisi harta dan aset menurut Kamus Dewan menunjukkan konsep harta adalah amat luas berbanding aset dan jelas menunjukkan bahawa aset adalah termasuk di bawah definisi harta. Malah penggunaan istilah aset adalah lebih hampir dengan kajian ini yang mengkaji aspek perakaunan yang berfokuskan kepada sesebuah institusi organisasi. Secara praktisnya, kajian ini juga merujuk kepada definisi aset menurut IPSASB 2014 iaitu sumber yang dikawal oleh entiti hasil daripada peristiwa lampau dan daripada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti (IPSASB 2014: h. 51-52). Namun jika dirujuk kepada definisi aset menurut fiqh, definisi akan tertumpu kepada harta bukannya aset. Walau bagaimanapun, definisi harta ini boleh diaplakisikan kepada definisi aset memandangkan definisi aset adalah lebih khusus di bawah definisi harta.

Definisi harta menurut Islam boleh dikelaskan menurut pelbagai perspektif fiqh dan pengkaji.

1. Imam Syafi'e (dalam al-Sayuti, 1959) mendefinisikan harta sebagai sesuatu yang diingini oleh manusia dan ia boleh disimpan untuk digunakan apabila perlu. Ia sebagai barang atau manfaat yang berharga dan boleh dikenakan ganti rugi jika diceroboh. Definisi ini hampir sama dengan definisi harta yang diberikan oleh *al-Majalah al-Ahkam al-Adliyyah* yang dipetik daripada kitab *Radd al-Mukhtar* oleh Ibn 'Abidin seperti berikut; "Harta ialah barang yang disukai oleh tabiat manusia dan boleh disimpan untuk waktu yang diperlukan, sama ada ianya harta *alih* atau harta *tak alih*" (Wahbah al-Zuhaili, 2005; h. 42). Namun definisi ini menurut Wahbah al-Zuhaili (2005) boleh dipertikaikan kerana definisi ini dianggap tidak lengkap disebabkan beberapa perkara:
 - a) Sayuran dan buahan masih dianggap harta walaupun tidak dapat disimpan kerana ia cepat rosak.
 - b) Terdapat sesetengah barang yang tidak disukai atau diingini oleh tabiat manusia seperti ubat dan racun juga dianggap sebagai harta.
 - c) Barang-barang *tabi'i* yang tidak dimiliki (tidak bertuan) seperti binatang buruan atau pokok-pokok di hutan adalah dikira harta biarpun belum diambil (*ihriz*) atau sebelum dimiliki.
2. Menurut Wahbah al-Zuhaili (2005), definisi harta daripada sudut bahasa ialah setiap barang yang benar-benar dimiliki dan dikawal (*hiyazah*) oleh seseorang sama ada barang itu berbentuk '*ain* ataupun manfaat. Contoh harta '*ain* adalah seperti emas, perak, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Contoh harta manfaat adalah seperti menunggang, memakai dan mendiami rumah. Barang yang tidak dikawal oleh seseorang tidak dinamakan harta dari segi bahasa. Umpamanya burung di udara, ikan di dalam air, pokok di hutan dan galian di perut bumi (Wahbah al-Zuhaili, 2005; h. 41).

Manakala definisi harta daripada aspek istilah pula terbahagi kepada dua pendapat iaitu;

1. Menurut pendapat golongan Hanafi: harta merupakan benda atau barang yang boleh dikawal dan kebiasaannya boleh diambil faedah daripadanya. Ini bermakna sesuatu harta itu perlu ada dua unsur iaitu:
 - a) Boleh dikawal (*hiyazah*). Oleh itu sesuatu barang yang tidak boleh dikawal adalah tidak dianggap sebagai harta (*maknawi*) seperti

pengetahuan, kesihatan, kemuliaan dan kecerdikan termasuklah sesuatu yang tidak boleh dikuasai seperti udara bebas, panas matahari dan cahaya bulan.

- b) Pada kebiasaanya boleh diambil faedah. Oleh itu, sesuatu yang langsung tidak memberi faedah seperti daging bangkai atau makanan yang sudah rosak serta sesuatu yang boleh diambil manfaat daripadanya tetapi tidak dianggap manfaat oleh manusia pada kebiasaannya seperti sebiji gandum atau setitik air, ia bukanlah harta kerana ia tidak memberi manfaat secara persendirianya.
2. Menurut pendapat *Jumhur* ulama selain Hanafi: Harta ialah perkara (barang) yang ada harga (nilai) dan jika dirosakkan maka orang yang merosakkan itu mestilah membayar ganti rugi. Definisi ini telah dijadikan undang-undang dimana harta menurut undang-undang ialah setiap perkara yang mempunyai nilai harta.

Justeru, daripada perbincangan di atas, kajian ini memberi satu definisi khusus untuk aset institusi yang khusus menggunakan pandangan-pandangan ulama yang tertumpu kepada definisi harta yang umum dengan merujuk kepada kerangka IPSASB 2014 yang bersifat universal dengan merujuk kepada definisi aset daripada sudut perakaunan. Ringkasan definisi aset adalah seperti di Jadual 6.1.

Jadual 6.1: Definisi Aset (Harta)

| Kerangka IPSASB 2014 | Kerangka Syariah |
|--|--|
| (1) Sumber yang dikawal oleh entiti hasil daripada peristiwa lampau (2) Manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatannya dijangka mengalir ke dalam entiti | (1) Perkara (barang) yang mempunyai nilai harta (2) Dimiliki (<i>mulk</i>) secara pasti (3) Dikawal (<i>hiyazah</i>) oleh seseorang (4) Sama ada barang itu berbentuk ‘ain’ (fizikal) atau manfaat (Wahbah al-Zuhaili) (5) Boleh memberi faedah menurut hukum syarak |

Sumber: IPSASB 2014 dan Wahbah Al-Zuhaili (2005)

Jadual 6.1 menunjukkan definisi aset menurut kerangka syariah. Definisi aset menurut Islam adalah lebih luas kerana ia merujuk kepada konsep harta dalam Islam. Malah definisi harta menurut jumhur ulama' ialah setiap perkara (barang) yang ada harga (nilai kewangan) harta – jika rosak perlu dibayar gantirugi dan definisi ini merupakan satu definisi daripada sudut undang-undang yang dilihat amat berkait dengan perundangan sivil di sesebuah negara. Justeru, definisi aset yang dipegang oleh institusi ialah perkara (barang) yang mempunyai nilai harta, dimiliki (*mulk*) secara pasti, boleh dikawal (*hiyazah*) sama ada barang itu berbentuk '*ain* (fizikal) atau manfaat dan boleh memberi faedah menurut hukum syarak.

Walau bagaimanapun, definisi ini hanya melibatkan definisi aset yang umum tanpa melihat kepada perspektif yang lebih praktikal dengan Institusi WZB, iaitu berkaitan aset WZB. Umumnya kesemua aset ini adalah harta amanah yang diwakilkan oleh pihak berkepentingan kepada Institusi WZB untuk menguruskan harta tersebut. Namun daripada sudut perakaunan, kaedah pengelasan yang baru perlu dilakukan untuk tujuan pendedahan pelaporan penyata kewangan yang akan dijelaskan di bahagian seterusnya. Ini adalah kerana wujud ciri-ciri aset (harta) institusi yang unik untuk ketiga-tiga jenis aset tersebut. Kesemua aset tersebut mempunyai perbezaan daripada beberapa sudut; (1) kawalan, dan (2) pemilikan; yang akhirnya kajian ini mencadangkan dua kategori aset yang utama menurut kerangka perakaunan untuk tujuan pendedahan maklumat aset iaitu (1) aset amanah iaitu aset wakaf dan zakat, dan (2) aset bukan amanah iaitu aset baitulmal. Cadangan definisi aset amanah adalah ditunjukkan di Jadual 6.2 yang telah menggabungkan definisi amanah menurut Kamus Dewan, definisi harta amanah menurut *The Law dictionary* dan merujuk definisi harta dan kontrak wakaf menurut Wahbah al-Zuhaili (2005). Malah definisi kontrak wakaf yang berkaitan dengan aset wakaf sesuai digunakan sebagai proksi kepada pengurusan aset zakat kerana kedua-dua menggunakan konsep amanah dalam pengurusan harta. Kajian ini juga menyesuaikan definisi aset amanah dengan perundangan sivil yang diamalkan oleh sesebuah negara (JAWHAR, 2010; h.10).

Jadual 6.2: Definisi Aset Amanah

| Kamus Dewan dan <i>The Law Dictionary</i> | Kerangka Syariah |
|--|--|
| <p>(1) Kamus Dewan edisi keempat:</p> <p>Definisi Amanah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Hak dikuatkuasakan oleh mahkamah untuk mendapatkan faedah daripada sesuatu harta. (ii) Peraturan yang menentukan tujuan dan pentadbiran harta amanah. <p>(2) <i>The Law dictionary</i></p> <p>Definisi Harta Amanah:</p> <p>Aset harta tanah (tanah atau bangunan) dan individu dipindahkan kepada pemegang amanah di bawah perjanjian amanah sebagai institusi amanah.</p> | <p>Definisi aset amanah:</p> <p>Aset yang diletakkan kepada badan pemegang amanah sebagai pentadbir dan penjaga harta di bawah kebenaran undang-undang dan penerimaan manfaatnya kepada penerima yang dimaksudkan.</p> <p>Ciri pemilikan aset amanah:</p> <ul style="list-style-type: none"> (1) Harta yang tidak boleh dimiliki kecuali dengan kebenaran undang-undang. (2) Pemilikan tidak sempurna. |

Sumber: Kamus Dewan edisi keempat, *The Law Dictionary* dan Wahbah Al-Zuhaili (2005)

6.3 Definisi Harta Amanah

Definisi harta amanah secara terus tidak diperolehi daripada Kamus Dewan. Namun terdapat dua perkataan yang relevan dengan definisi aset amanah dalam kajian ini iaitu (1) badan amanah; dan (2) amanah. Menurut Kamus Dewan, definisi badan amanah ialah:

“badan untuk menyelenggarakan harta dan lain-lain bagi faedah seseorang atau sesuatu golongan; ~ berkanun agensi kerajaan yg ditubuhkan utk melaksanakan fungsi-fungsi tertentu”.

Manakala definisi amanah ialah:

“5. (Eko) hak yg boleh dikuatkuasakan oleh mahkamah utk mendapatkan faedah drpd sesuatu harta; 6. (Eko) peraturan yg menentukan tujuan dan pentadbiran harta amanah”

Ciri utama dalam definisi ini ialah: (1) badan menyelenggara dan mentadbir harta amanah; (2) faedah daripada sesuatu harta kepada seseorang dan sesuatu golongan (3) dikuatkuasakan oleh mahkamah. Justeru definisi ini perlu diperkemaskan lagi daripada sudut (1) perundangan mahkamah; (2) fiqh; dan (3) perundangan harta wakaf di Malaysia.

1. Definisi harta menurut perundangan adalah aset hartanah (tanah atau bangunan) dan individu dipindahkan kepada pemegang amanah di bawah perjanjian amanah sebagai institusi amanah (*The Law Dictionary*).
2. Definisi dalam konteks fiqh adalah merujuk kepada definisi kontrak terhadap harta wakaf iaitu penjagaan harta atau barang dari dipindah milikan kepada orang lain dan penyaluran manfaatnya kepada penerima yang dimaksudkan (Wahbah Al-Zuhaili, 2005; h.61).
3. Definisi peletakhakan berkanun berdasarkan kaedah peletakhakan berkanun (*statutory vesting*) iaitu peletakhakan yang dikuatkuasakan oleh mana-mana undang-undang yang bertulis yang menyatakan sesuatu tanah itu terletak hak kepada sesuatu badan dan kemudiannya barulah Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah boleh mengambil tindakan untuk mendaftarkan peletakhakan tersebut dalam daftar hakmilik tanah (JAWHAR, 2010; h.11).

Berdasarkan perbincangan tersebut, dapatlah di rumuskan dua perkara yang utama seperti berikut:

1. Institusi WZB (MAIN dan entiti yang diberi kuasa oleh MAIN) merupakan badan amanah. Secara khususnya menurut syarak, Institusi WZB ialah entiti *syakhsiyah iktibariyyah* yang ditubuhkan mempunyai fungsi-fungsi tertentu yang mempunyai hak ke atas pengurusan dan penjaga aset amanah bagi faedah masyarakat Islam menurut maslahah (Wahbah al-Zuhaili, 2005) yang berkaitan dengan harta baitulmal, wakaf dan zakat menurut peruntukan enakmen di negeri berkenaan.
2. Manakala definisi aset amanah yang diuruskan oleh Institusi WZB ialah aset yang diletakhakan kepada badan pemegang amanah sebagai pentadbir dan penjaga harta di bawah kebenaran undang-undang dan penerimaan manfaatnya kepada penerima yang dimaksudkan.

Bahagian seterusnya akan membincangkan secara khusus definisi aset daripada sudut ciri-ciri aset iaitu (1) aspek kawalan (*hiyazah*) dan (2) aspek pemilikan (*mulk*). Kedua-dua ciri ini amat penting dalam membezakan antara aset amanah dan aset bukan amanah.

6.4 Konsep kawalan aset dalam Islam

Berdasarkan Jadual 6.3, konsep kawalan aset dalam Islam adalah lebih komprehensif. Tidak dinafikan konsep kawalan daripada kerangka IPSASB (2014; h. 51) juga sesuai digunakan dalam takrif kawalan menurut Islam iaitu setiap entiti perlu ada kawalan ke atas sumber, boleh manafikan dan menghadkan akses ke atas sumber, menyediakan satu cara untuk entiti mencapai objektifnya dan entiti mempunyai hak untuk menggunakan aset untuk memberi perkhidmatan atau mendapat manfaat ekonomi.

Namun begitu, dalam menjelaskan ciri kawalan aset dalam Islam, kajian ini berpandangan amat perlu dibezakan terlebih dahulu bentuk kontrak fiqh yang dilakukan oleh orang yang berakad (*aqidan*). Sekiranya kontrak fiqh adalah kontrak pertukaran (*qabadh*) atau kontrak *muawadat*, maka pemilikan aset sepenuhnya telah berlaku. Contoh kontrak pertukaran (*qabadh*) atau kontrak *muawadat* ialah kontrak jual-beli. Ini bermakna kuasa kawalan adalah sepenuhnya di tangan penjual yang asal (sebelum kontrak dilaksanakan) dan akan berpindah ke tangan pembeli setelah kontrak dilaksanakan. Ciri ini merujuk kepada aset baitulmal. Ini kerana bagi aset baitulmal, setelah kontrak pertukaran dilaksanakan, aset tersebut menjadi milik sempurna Institusi WZB dan institusi ini mempunyai kuasa sepenuhnya dalam mengurus (*tasarruf*) dan mengawal aset tersebut seperti yang dijelaskan dalam IPSASB 2014. Sehubungan itu, aset tersebut boleh diakaunkan sebagai aset (HLP biasa) dan bukan aset amanah.

Jadual 6.3: Konsep Kawalan Aset dari Perspektif Islam

| Kerangka IPSASB 2014 | Kerangka Syariah |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none"> (1) Ada kawalan ke atas sumber, boleh menafikan dan menghadkan akses ke atas sumber (3) Aset menyediakan satu cara untuk entiti mencapai objektifnya (4) Mempunyai hak untuk menggunakan aset untuk memberi perkhidmatan atau mendapat manfaat ekonomi | <p>Aset bukan amanah (aset baitulmal):</p> <ul style="list-style-type: none"> (1) Kuasa kawalan sepenuhnya terhadap aset tersebut (2) Pemilikan aset yang sah berlaku melalui kontrak pertukaran (<i>qabadh</i>) (3) Atau melalui kaedah pemilikan lain yang dipraktikkan (iaitu kaedah <i>uruf</i>) <p>Aset amanah (aset zakat dan wakaf):</p> <ul style="list-style-type: none"> (1) Kuasa kawalan tidak sepenuhnya terhadap aset tersebut (2) Kuasa kawalan adalah tertakluk kepada kaedah perletakhkan berkanun (3) Kawalan daripada sudut penjagaan harta atau barang daripada dipindah milikan kepada orang lain dan penyaluran manfaatnya kepada penerima yang dimaksudkan (Wahbah-Al-Zuhaili, 2005) |

Sumber: IPSASB 2014 dan Wahbah Al-Zuhaili (2005)

Jika diperhatikan kepada aset wakaf dan zakat, kontrak yang berlaku adalah kontrak amanah dan tidak boleh berlaku kontrak pertukaran atau kontrak jual-beli. Dalam kes wakaf, kontrak wakaf memberi kesan hukum yang jelas iaitu menggugurkan hak milik tuan punya asal daripada harta berkenaan dan pewakaf tersebut tidak lagi mempunyai apa-apa kuasa dalam aspek kawalan pengurusan (*tasarruf*) terhadap harta tersebut (Mahmood Zuhdi, 1999) dan berpindah kuasa kawalan kepada Institusi WZB sebagai pemegang amanah seperti yang digariskan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Justeru, aset ini adalah sesuai dikelaskan sebagai aset amanah. Namun, kuasa kawalan Institusi WZB terhadap aset amanah adalah tidak sepenuhnya (terhad) kepada hak untuk mengurus dan menjaga aset daripada dipindah milik kepada orang lain. Malah, pihak Institusi WZB perlu memastikan penyaluran manfaat daripada aset amanah adalah kepada penerima yang dimaksudkan. Penerima manfaat aset amanah terbahagi kepada dua iaitu (1) penerima manfaat aset wakaf; dan (2) penerima manfaat aset zakat.

Dalam konteks aset wakaf, penerima manfaat terbahagi kepada dua iaitu (1) sekiranya aqad wakaf khas, maka penerima manfaat adalah penerima yang telah dikhaskan dalam aqad tersebut dan (2) sekiranya aqad wakaf am, maka penerima manfaat adalah penerima yang umum yang boleh diputuskan dan dipersetujui oleh pihak Institusi WZB melalui jawatankuasa fatwa atau mufti. Manakala dalam konteks aset zakat, penerima manfaat adalah asnaf yang telah dinyatakan dengan jelas dalam Al-Quran, surah At-Taubah 9:60) iaitu:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.

Penerima manfaat berdasarkan tafsiran ayat tersebut jelas menunjukkan terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Lapan golongan tersebut ialah *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang yang miskin), amil, muallaf yang perlu dijinakkan hatinya, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang memiliki hutang), *fi-sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan). Untuk menunaikan amanah mengagihkan zakat kepada penerima manfaat dengan cekap dan berkesan, maka penentuan definisi asnaf adalah amat penting memandangkan golongan asnaf yang dinyatakan dalam ayat Al-Quran adalah umum dan perlu diperhalusi konsep agihan zakat. Contohnya Mujaini (2005) telah mengklasifikasikan semula lapan bahagian tersebut kepada tiga kategori asas agihan iaitu:

1. Agihan berdasarkan keperluan. Ia termasuklah fakir, miskin, hamba, si berhutang dan *ibn sabil*.
2. Agihan berdasarkan pemupukan dan galakan hidup beragama dan moral. Ia termasuklah *muallaf* dan *fi-sabilillah*.
3. Agihan berdasarkan insentif dan motivasi terhadap pengurus zakat. Ia termasuklah amil.

Dalam konteks pengurusan aset zakat oleh Institusi WZB, ia hanya melibatkan pengurusan kumpulan wang zakat iaitu melibatkan tujuh asnaf daripada lapan asnaf (tidak termasuk amil). Ini bermakna kategori asas agihan pertama dan kedua yang dinyatakan di atas yang perlu diberikan perhatian oleh Institusi WZB. Manakala agihan bagi asnaf amil adalah lebih kepada sebagai insentif bayaran pengurusan kepada tugas-tugas mengutip dan mengagihkan zakat.

Maka dapatlah disimpulkan bahawa ciri kawalan oleh Institusi WZB terhadap aset baitulmal adalah sepenuhnya dikawal dan oleh kerana itu ia dikelaskan sebagai aset bukan amanah. Manakala kawalan terhadap aset wakaf dan zakat adalah terhad dan oleh kerana itu ia dikelaskan sebagai aset amanah yang mana Institusi WZB hanya mempunyai hak untuk mengurus dan menjaga aset daripada dipindah milik kepada orang lain dan memastikan penyaluran manfaat daripada aset tersebut kepada penerima yang dimaksudkan dan seperti yang ditentukan dalam aqad. Bahagian seterusnya akan membincangkan ciri definisi aset yang berkaitan dengan konsep pemilikan aset dalam Islam.

6.5 Konsep Pemilikan Aset dalam Islam

Jadual 6.4 menunjukkan konsep pemilikan aset dalam Islam. Konsep pemilikan amat penting kerana ia juga akan menerangkan pengelasan aset kepada dua iaitu (1) aset bukan amanah; dan (2) aset amanah. Berdasarkan kerangka IPSASB (2014), konsep pemilikan hanya bersandarkan kepada aspek perundangan. Berbeza dengan konsep pemilikan dalam Islam, pemilikan berlaku disebabkan dua perkara iaitu (1) akad kontrak sama ada melalui kontrak pertukaran (*muawadat*) atau kontrak amanah; (2) berdasarkan kepada perundangan.

Seperti mana perbincangan berkenaan konsep kawalan (*hiyazah*), aset baitulmal dikelaskan sebagai aset bukan amanah manakala aset wakaf dan zakat dikelaskan sebagai aset amanah berdasarkan kontrak atau aqad yang dipersetujui antara orang yang berkontrak (*aqidan*). Dalam hal ini, konsep pemilikan juga adalah berbeza antara dua pengelasan aset tersebut. Untuk aset baitulmal (aset bukan amanah), aset tersebut dimiliki oleh Institusi WZB secara sempurna iaitu pemilikan ‘ain (fizikal) dan manfaat secara sempurna, namun pemilikan aset oleh Institusi WZB adalah secara bersyarat (Muji Tahir, 2016; h. 161). Sehubungan itu, Institusi WZB perlu mengurus aset tersebut dengan cara yang terbaik selaras dengan kaedah atau

tatacara yang telah ditetapkan bagi aset baitulmal demi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam.

Jadual 6.4: Konsep Pemilikan Aset dari Perspektif Islam

| Kerangka IPSASB 2014 | Kerangka Syariah |
|--------------------------------------|--|
| (1) Pemilikan sah secara perundangan | <p><i>Aset bukan amanah</i> (aset baitulmal)</p> <p>(1) Pemilikan ‘ain (fizikal) beserta manfaat (pemilikan sempurna).</p> <p><i>Aset amanah</i> (aset zakat dan wakaf)</p> <p>(1) Pemilikan manfaat (<i>usufruct</i>) (pemilikan tidak sempurna) oleh penerima manfaat samada asnaf zakat bagi aset zakat dan penerima manfaat wakaf samada wakaf am (penerima yang umum) atau penerima manfaat wakaf khas (penerima yang khusus mengikut akad wakaf).</p> <p>(2) Pemilikan ‘ain fizikal (pemilikan tidak sempurna) oleh MAIN atau agensi berkaitan di bawahnya tertakluk kepada kaedah perletakhakan berkanun.</p> |

Sumber: IPSASB 2014 dan Wahbah Al-Zuhaili (2005)

Namun begitu, untuk aset wakaf dan zakat (aset amanah), aset tersebut dimiliki oleh Institusi WZB secara tidak sempurna. Pemilik manfaat aset tersebut adalah tertakluk kepada hak yang telah ditentukan oleh syarak dan juga melalui perundangan seperti yang dijelaskan oleh definisi perkataan amanah menurut kamus dewan iaitu:

“5. (Eko) hak yg boleh dikuatkuasakan oleh mahkamah utk mendapatkan faedah drpd sesuatu harta; 6. (Eko) peraturan yg menentukan tujuan dan pentadbiran harta amanah”

Untuk aset wakaf, hak manfaat aset tersebut adalah bergantung kepada aqad kontrak wakaf sama ada wakaf khas atau wakaf am seperti yang dibincangkan sebelum ini. Justeru, pemilik manfaat aset ini ialah penerima yang dimaksudkan (Wahbah al-Zuhaili, 2005). Manakala untuk aset zakat, hak manfaat aset tersebut adalah asnaf yang dijelaskan di dalam Al-Quran, surah At-Taubah (surah 9: ayat 60)

yang telah dijelaskan sebelum ini. Manakala bagi pemilikan aset secara fizikal pula, untuk aset wakaf dan zakat adalah berbeza.

Pemilikan aset wakaf sebenarnya adalah milik Allah S.W.T. Ini disandarkan kepada pandangan Mahmood Zuhdi (1999) dimana wakaf melibatkan pelupusan hak mengguna dan mengambil faedah oleh pemilik asal ke atas harta berkenaan bagi faedah dan kepentingan pihak yang diwakafkan kepadanya. Ia tidak melibatkan pemindahan milik kepada sesiapa tetapi menjadikan harta itu tidak dimiliki oleh sesiapa dan telah dikembalikan semula kepada pemilik asalnya yang hakiki iaitu Allah S.W.T sama seperti yang dibincangkan oleh Wahbah az-Zuhaili (Jilid 10; 2011) dan Muji Tahir (2016; h. 160). Namun begitu menurut Mahmood Zuhdi (1999), dalam aspek perundangan dan pentadbiran, ia dikembalikan menjadi milik negara. Di Malaysia, peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri telah menetapkan MAIN menjadi pemegang amanah tunggal harta wakaf dimana segala pengurusan dan perbelanjaan yang berkaitan dengannya akan menjadi tanggungjawab MAIN setakat mana yang dibenarkan oleh hukum syarak (Mahmood Zuhdi, 1999; h.23). Malah menurut Muji Tahir (2016; h. 161), ia merupakan pemilikan secara bersyarat. Namun mengikut tafsiran perundangan, kaedah peletakhkan berkanun adalah sesuai untuk tujuan pendaftaran hak milik tanah di bawah seksyen 416C atas nama MAIN sebagai penerima pindahan (JAWHAR, 2010; h.12)

Pemilikan aset zakat pula adalah milik asnaf. Ini bersandarkan kepada Al-Quran Surah At-Taubah (9:60) yang dinyatakan sebelum ini iaitu kepada lapan golongan tersebut dengan huruf *laam at-tamlīk* iaitu huruf *Laam* yang diguna pakai untuk menyatakan pemilikan dan menghubungkan antara asnaf tersebut dengan *wawu at-tasyriik* iaitu huruf *waw* (huruf *ataf*) yang bererti “dan” yang menunjukkan masing-masing mempunyai hak yang sama bersandarkan kepada pendapat para ulama *Syafi'iyyah* (Wahbah az-Zuhaili, 2011 jilid 3: h. 280). Oleh itu, semua bentuk zakat merupakan milik semua golongan dengan hak yang sama (Mohamad Uda, 2005). Namun begitu, berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri, Institusi WZB adalah pemegang amanah tunggal harta atau dalam konteks kajian ini adalah aset zakat. Persoalannya adakah dibenarkan pengagihan zakat dalam bentuk aset? Terdapat dua pandangan ulama berkenaan pengagihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin. Pandangan pertama ialah pengagihan yang berfokus untuk memenuhi kecukupan asnaf tanpa meletak kadar tertentu (*unfixed value*) daripada harta yang akan diagihkan kepada asnaf. Pandangan yang kedua pula, pengagihan yang menentukan kadar tertentu (*fixed value*) daripada harta yang akan diagihkan kepada asnaf (Qardawi, 2000).

Menurut Qardawi (2000), pandangan pertama lebih menepati maksud sebenar pengagihan kepada asnaf fakir dan miskin. Bagi memenuhi kecukupan ini, terdapat dua cara, yang pertama dengan cara memberikan bantuan kepada asnaf dengan sejenis bantuan yang dapat menghapuskan sebab kemelaratan dan kesempitan hidup mereka. Cara ini dinamakan sebagai ‘pemberian kecukupan umur’. Manakala cara kedua ialah dengan cara memberikan bantuan kepada asnaf untuk membiayai mereka sepanjang tahun dalam erti kata lain memberikan bantuan tahunan. Cara ini dinamakan “pemberian kecukupan sara diri”. Dalam melaksanakan cara pengagihan pemberian kecukupan umur ini, Qardawi (2000) telah menjelaskan bahawa berdasarkan cara pengagihan ini, ia mengharuskan institusi zakat membangunkan kilang-kilang, premis-premis kediaman, kompleks-kompleks perniagaan dan pelbagai lagi harta *aqar* dengan menggunakan harta-harta zakat. Harta-harta *aqar* tersebut dijadikan milik *asnaf* dengan pemilikan penuh atau pemilikan separa. Diharapkan agar harta-harta *aqar* tersebut dapat menjana pendapatan bagi mereka yang dapat memenuhi kecukupan mereka dengan sempurna. Namun begitu, mereka berhak untuk menjual atau memindahkan pemilikannya kepada orang lain agar harta *aqar* tersebut menjadi seumpama harta yang diwaqafkan untuk mereka. Ini dengan tujuan agar manfaat harta-harta *aqar* tersebut berpanjangan.

Pandangan Qardawi jelas mengharuskan pengagihan zakat dalam bentuk aset yang bertujuan pembangunan asnaf untuk jangkama panjang sama ada pemilikan penuh atau separa. Sekiranya pengagihan zakat dalam bentuk bantuan pembinaan rumah mampu milik secara khusus untuk individu tertentu yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin, maka pemilikan aset tersebut telah menjadi hak milik sepenuhnya *asnaf* tersebut dan hal ini tidak menimbulkan sebarang isu pemilikan. Namun, sekiranya pihak Institusi WZB ingin menggunakan dana zakat untuk pembelian aset tertentu tetapi bagi tujuan manfaat *asnaf* yang umum, seperti rumah perlindungan untuk *asnaf* mualaf, rumah transit untuk manfaat umum *asnaf* fakir dan miskin, sekolah pendidikan agama Islam untuk kategori *asnaf fisabilillah*, maka pemilikannya berkemungkinan menjadi pemilikan separa menurut Qardawi (2000) dimana Institusi WZB sebagai pemilik aset tersebut berdasarkan enakmen dan manfaatnya adalah kepada *asnaf* yang telah dipersetujui oleh jawatankuasa syariah atau fatwa. Namun begitu, terdapat pandangan pakar iaitu Ustaz Dr Luqman Hj Abdullah dari Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan Ustaz Engku Ahmad Fadzil Engku Ali dari Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM) yang berpendapat aset zakat tersebut tetap milik *asnaf* berdasarkan pandangan para ulama *syafi'iyyah*. Mereka mencadangkan agar dilakukan proses pemindahan hak milik aset kepada Institusi

WZB oleh asnaf yang berkemungkinan melalui kontrak hibah. Namun perkara ini perlu diperhalusi dalam aspek praktikaliti memandangkan aset tersebut adalah milik umum asnaf tanpa menentukan secara spesifik asnaf yang memiliki aset tersebut. Perbincangan seterusnya adalah konsep pengiktirafan dan pengukuran dalam Islam.

6.6 Kriteria Pengiktirafan dan Asas Pengukuran Aset dalam Islam

Bahagian ini membincangkan kriteria pengiktirafan dan asas pengukuran aset dalam Islam dan menggunakan kerangkakerja konseptual IPSASB (2014) sebagai rujukan asas. Menurut IPSASB (2014), kriteria pengiktirafan aset adalah memenuhi definisi aset dan dapat diukur dengan munasabah (PSASB, 2014; h. 73). Namun begitu, dalam membincangkan daripada sudut syariah, kajian ini mencadangkan konsep pengiktirafan aset dalam Islam adalah memenuhi definisi aset, dapat diukur dengan munasabah dan perlu selari dengan hukum-hakam, prinsip dan syariat Islam yang bertujuan untuk menjaga kemaslahatan masyarakat Islam berdasarkan maqasid syariah.

Asas pengukuran aset pula merujuk kepada kaedah dan amalan semasa atau *uruf* (adat) yang telah dipraktikkan dalam masyarakat untuk bermuamalah selagi ia tidak bertentangan dengan hukum syarak dan perundungan sivil. Menurut Muhammad Nasri et. al. (2013), kaedah umum (*kuliyyah*) dalam ilmu kaedah fiqh yang dipraktikkan oleh para fuqaha terbahagi kepada lima iaitu:

1. Setiap perkara dinilai berdasarkan niat (*al-umur Bi al-Maqasidiha*)
2. Keyakinan tidak hilang dengan keraguan (*al-Yakin Ma Yazalu Bi al-Syakkin*)
3. Kesukaran membawa keringanan (*al-Masyaqqah Tajlib al-Taysir*)
4. Bahaya mesti dihapuskan (*al-Darurah al-Yuzal*)
5. Adat menjadi hukum (*al-'Adah al-Muhakkamah*)

Jadual 6.5: Kriteria Pengiktirafan Aset dari Perspektif Islam

| Kerangka IPSASB 2014 | Kerangka Syariah |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Memenuhi definisi aset dan • Dapat diukur dengan munasabah | <ul style="list-style-type: none"> • Memenuhi definisi aset, • Dapat diukur dengan munasabah* • Selari dengan hukum-hakam, prinsip dan syariat Islam untuk menjaga kemaslahatan masyarakat Islam berdasarkan maqasid syariah. <p>*Diukur berdasarkan amalan semasa (<i>uruf</i>) yang tidak bertentangan dengan hukum syarak dan selari dengan perundangan sivil.</p> <ul style="list-style-type: none"> - antara kaedah ilmu fiqh yang perlu dipraktikkan: <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>al-umur bi al-maqasidiha</i> 2. <i>al-a'dah muhakkamah</i> |

Sumber: IPSASB 2014 dan Wahbah Al-Zuhaili (2005)

Namun berdasarkan kepada praktis dalam membina piawaian perakaunan Islam, kajian ini berpandangan kaedah *al-adah al-muhakkamah* banyak digunakan dan dipraktikkan disebabkan kebanyakan Institusi WZB mempunyai keunikan masyarakat Islam yang berbeza amalan dan adat masyarakat Melayu. Malah apa yang telah dipraktikkan oleh Institusi WZB adalah berpandukan kepada pandangan jawatankuasa syariah dan fatwa negeri masing-masing yang mempunyai pandangan yang berbeza dalam menguruskan aset MAIN dan agensi berkaitan di bawahnya. Prinsip keanjalan dan keluwesan dalam berijtihad telah berlaku dalam kalangan ulama dan mufti negeri yang bertujuan untuk menjaga kemaslahatan masyarakat Islam mengikut maqasid syariah yang telah digariskan dalam Islam. Menurut pandangan mufti yang telah ditemubual, yang paling penting adalah manfaat pengurusan aset itu sampai kepada umat Islam dengan cekap dan berkesan. Perenggan seterusnya akan membincangkan tentang asas pengukuran aset dari perspektif syariah dan juga kerangka kerja konseptual IPSASB 2014.

Jadual 6.6: Asas Pengukuran Aset dari Perspektif Islam

| Kerangka IPSASB 2014 | Kerangka Syariah |
|--|--|
| (1) Kos sejarah (2) Nilai semasa menggunakan kaedah: i- Nilai pasaran ii- Kos penggantian iii- Harga jualan bersih iv- Nilai sedang digunakan | (1) Asas pengukuran berasaskan kos sejarah tidak menyalahi syarak tetapi cadangan pengukuran berdasarkan nilai semasa adalah lebih diutamakan (MASB SOP <i>i</i> , pendapat pakar) (2) Kaedah ukuran nilai semasa i, ii, iii (seperti kerangka IPSASB) tidak menyalahi syarak. - Kaedah iv. harus digunakan sebagai pilihan terakhir, dan hanya dibenarkan jika menggunakan kadar diskaun yang tidak melanggar hukum syarak (pendapat pakar) |

Sumber: IPSASB 2014 dan MASB SOP*i* serta Pandangan Pakar

Berdasarkan Jadual 6.6, asas pengukuran dalam Islam juga dibentuk berdasarkan kerangka kerja konseptual IPSASB (2014) selagi ia tidak bertentangan dengan syarak. Ini kerana dalam pengkajian yang berkaitan dengan pengukuran aset, agak sukar untuk mendapatkan satu rujukan yang tepat kerana amat kurang pengkaji Islam mengkaji dan membincangkan aspek ini dalam konteks syariah. Namun, kajian ini berpendapat selagi mana tidak menyalahi syarak, kaedah ukuran berasaskan nilai semasa perlu digunakan dan diutamakan yang melibatkan sama ada pengukuran pada nilai pasaran, kos penggantian atau harga jualan bersih. Satu lagi kaedah ukuran nilai semasa adalah kaedah nilai sedang digunakan (*value in use*) yang melibatkan kadar diskaun dalam menentukan nilai kini aliran tunai masa depan. Mengikut pandangan pakar syariah yang ditemubual (rujuk Lampiran 2 untuk profil pakar), ia boleh digunakan selagi mana tidak menyalahi syarak. Kaedah nilai sedang digunakan boleh digunakan jika dan hanya jika dapat dipastikan kadar atau faktor diskaun yang digunakan bertepatan dengan hukum syarak dan kaedah ini harus digunakan sebagai pilihan terakhir. Kaedah pengukuran menggunakan nilai semasa adalah kaedah yang dicadangkan dalam SOP*i* berkaitan pelaporan kewangan menurut perspektif Islam terbitan MASB.

Walau bagaimanapun, sebagai alternatif, kaedah kos boleh juga digunakan untuk pengukuran aset bagi kes-kes tertentu apabila terdapat keadaan di mana nilai semasa tidak dapat diukur dengan munasabah. Pilihan membenarkan kaedah kos digunakan dalam kes tertentu adalah bersesuaian dengan kaedah fiqh *al-Masyaqqah Tajlib al-Taysir* iaitu apabila terdapat kesukaran (iaitu menentukan nilai semasa), dibenarkan keringanan (iaitu menggunakan kaedah kos) (pandangan pakar syariah Ustaz Engku Ahmad Fadzil dan Ustaz Dr. Luqman – rujuk Lampiran 2 untuk profil pakar).

Sebahagian ulama (*Islamic scholar/jurist*) menyokong kaedah konvensional iaitu kaedah kos manakala sebahagian yang lain mencadangkan penggunaan nilai semasa (Sulaiman, 2003). Seperti yang ditekankan oleh Askary dan Clarke (1977), penilaian aset dalam perakaunan perlu dibuat dengan penuh adil dan saksama menggunakan nilai semasa kerana ia berkaitan dengan akauntabiliti pengurus aset berkenaan. Yaacob et. al, (2012) berpendapat nilai semasa adalah bergantung kepada penilaian bebas untuk menggambarkan nilai pasaran semasa aset pada titik masa tertentu dan ia adalah bersifat subjektif melainkan benar-benar dilakukan oleh penilai bebas yang bertauliah. AAOIFI juga mengiktiraf penggunaan nilai semasa, walau bagaimanapun disebabkan terdapatnya isu-isu teknikal, secara amalan nilai kos sejarah masih digunakan (Yaya, 2004, Nahar 2011). Menurut pandangan pakar yang ditemubual dalam kajian Fasa 2 ini juga, kaedah kos walaupun tidak menyalahi syarak, sebolehnya tidak diutamakan kerana kaedah ini tidak memberi gambaran sebenar nilai aset pada masa ia dilaporkan.

Walau bagaimanapun, nilai semasa yang digunakan haruslah tidak semata-mata berdasarkan ramalan dan penilaian subjektif masa depan yang boleh mewujudkan ketidakpastian yang melampau. Keadah nilai semasa iaitu berdasarkan harga pasaran dan kos penggantian adalah diterima kerana nilai yang digunakan adalah merujuk kepada pasaran yang dapat diperhatikan dan tidak melibatkan ramalan atau penilaian yang subjektif. Penggunaan nilai realisasi bersih atau harga jualan bersih juga boleh dijangkakan apabila perniagaan sedang dibeli, dijual atau dibubarkan. Kaedah ini juga mungkin digunakan apabila aset utama digantikan atau harga pasaran semasa aset menjadi jauh berbeza dengan kos sejarahnya. Jika tidak, kos sejarah akan lebih sesuai kerana ia menunjukkan harga sebenar yang dibayar dalam memperoleh aset. Seperti apa yang telah dicadangkan oleh Ros Haniffa et. al (2004), dalam sistem perakaunan Islam, kedua-dua kaedah iaitu kos sejarah dan nilai pasaran adalah dibenarkan bagi membolehkan entiti melunaskan tanggungjawab

kepada pelbagai pihak serta membolehkan mereka menunaikan tanggungjawab sosial mereka secara adil, terutamanya di dalam pembayaran zakat. Selain itu, di antara kelebihan kaedah kos sejarah adalah ianya lebih murah, mudah difahami dan digunakan. Namun, seperti yang telah diperjelaskan dalam perenggan sebelumnya, keutamaan harus diberikan kepada penggunaan ukuran berasaskan nilai semasa. Walaubagaimanapun, pilihan kaedah kos masih boleh dibenarkan apabila nilai semasa tidak dapat diukur dengan munasabah.

6.7 Prinsip Pendedahan Aset dalam Islam

Jadual 6.7 pula membincangkan aspek pembentangan dan pendedahan maklumat dalam penyata kewangan dan sejauhmanakah ia selari dengan maqasid syariah. Pembentangan dan pendedahan maklumat adalah perlu untuk mengkomunikasikan mesej utama dalam laporan kewangan dan mencapai tahap ‘*dharuriyyah*’ mengikut maqasid syari’ah.

Jadual 6.7: Pembentangan dan Pendedahan Maklumat di Muka Penyata Kewangan dari Perspektif Islam

| Kerangka IPSASB 2014 | Kerangka Syariah |
|---|--|
| Pembentangan dan pendedahan maklumat adalah bertujuan untuk mengkomunikasikan mesej utama dalam laporan kewangan. | <p>Pembentangan dan pendedahan maklumat adalah bertujuan untuk mengkomunikasikan mesej utama dalam laporan kewangan dan mencapai tahap ‘<i>dharuriyyah</i>’ mengikut maqasid syari’ah.</p> <p>Cadangan untuk mengiktiraf aset amanah dan aset bukan amanah di dalam penyata kewangan apabila boleh diukur dengan munasabah</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Aset amanah terdiri daripada aset zakat dan aset wakaf am ii. Aset bukan amanah terdiri daripada aset baitulmal |

Kajian ini mencadangkan dalam aspek pendedahan maklumat mengikut kerangka syariah, aset amanah dan aset bukan amanah didedahkan sebagai item yang

berasingan dalam penyata kewangan apabila ia menepati definisi aset dan boleh diukur dengan munasabah. Aset amanah terdiri daripada aset zakat dan aset wakaf manakala aset bukan amanah terdiri daripada aset baitulmal.

Jadual 6.8 pula menjelaskan aspek pembentangan dan pendedahan maklumat dalam nota kepada akaun di penyata kewangan. Kerangka IPSASB 2014 menjelaskan pendedahan maklumat di nota kepada akaun bertujuan untuk menjadikan maklumat yang dipamerkan dalam muka penyata kewangan lebih berguna dengan memperincikan maklumat yang dipamer agar lebih difahami. Daripada perspektif Islam, tujuan pendedahan tersebut bertujuan untuk menjadikan maklumat yang dipamerkan dalam muka penyata kewangan lebih berguna dengan memperincikan maklumat yang dipamer agar lebih difahami selari dengan tahap '*hajiyah*' dan '*tahsiniyyah*'. Namun begitu, kajian ini mencadangkan agar aset amanah seperti aset wakaf khas serta aset wakaf am yang belum dinilai perlu didedahkan di bahagian nota kepada akaun. Tambahan lagi, perincian aset tersebut dicadangkan dipersembahkan di laman web MAIN dengan '*link*' atau pautan ke laman web berkenaan disertakan dalam nota kepada akaun.

**Jadual 6.8: Pembentangan dan Pendedahan Maklumat di Nota kepada Akaun
dari Perspektif Islam**

| Kerangka IPSASB 2014 | Kerangka Syariah |
|---|---|
| Pembentangan dan Pendedahan maklumat adalah bertujuan untuk menjadikan maklumat yang dipamerkan dalam muka penyata kewangan lebih berguna dengan memperincikan maklumat yang dipamer agar lebih difahami. | Pembentangan dan Pendedahan maklumat adalah bertujuan untuk (i) menjadikan maklumat yang dipamerkan dalam muka penyata kewangan lebih berguna dengan memperincikan maklumat yang dipamer agar lebih difahami selari dengan tahap ' <i>hajiyah</i> ' dan ' <i>tahsiniyyah</i> ' (jika perlu), (ii) mendedahkan perincian aset amanah yang diiktiraf dan (iii) mendedahkan laporan ringkas bagi aset amanah yang belum dinilai (seperti aset wakaf am) dan yang tidak dinilai (seperti aset wakaf khas untuk tujuan kebajikan). |

Bagi mencadangkan prinsip pendedahan aset dari perspektif Islam, ciri-ciri kualitatif maklumat perakaunan adalah juga penting untuk diambilkira. Ciri-ciri kualitatif

merujuk kepada atribut yang diperlukan bagi menjadikan maklumat yang dilaporkan dalam penyata kewangan berguna kepada pengguna maklumat dan juga membantu pencapaian objektif pelaporan kewangan.

Berdasarkan Jadual 6.9, terdapat enam ciri kualitatif yang disebut dalam Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan untuk Tujuan Umum yang dikeluarkan oleh IPSASB 2014 iaitu ciri kerelevan, perwakilan benar, kebolehfahaman, pemasaan, kebolehbandingan dan kebolehsahan. Penerangan ringkas bagi maksud setiap ciri kualitatif tersebut adalah seperti berikut:

1. Kerelevan – bermaksud maklumat kewangan dan bukan kewangan yang dilaporkan mesti mampu memberi kesan kepada pencapaian objektif pelaporan kewangan. Untuk membolehkan maklumat tersebut memberi kesan, maklumat tersebut mesti mempunyai ciri boleh mengesahkan maklumat lepas atau masa depan dan juga mempunyai ciri boleh meramal. Contohnya, maklumat tentang kedudukan aset dan liabiliti suatu entiti membantu pengguna mengesahkan tentang impak pengurusan sumber yang dilaksanakan oleh entiti dan pengguna boleh menggunakan maklumat tersebut untuk meramal keupayaan entiti menghadapi situasi masa hadapan.
2. Perwakilan benar – bermaksud maklumat yang didedahkan mestilah boleh mewakili situasi ekonomi dan situasi lain yang diwakili entiti tersebut. Ia boleh dicapai jika maklumat tersebut lengkap, tidak bias, dan bebas dari kesilapan yang material.
3. Kebolehfahaman – bermaksud maklumat yang dilaporkan mestilah boleh difahami maksudnya oleh pengguna. Ciri kebolehfahaman dapat ditingkatkan jika pendedahan maklumat tersebut dibuat dengan pengelasan tertentu, dibezaikan mengikut cirinya, boleh dibandingkan dan dipersembahkan dengan jelas dan tepat.
4. Pemasaan – bermaksud maklumat disediakan pada masa ia berguna untuk tujuan akauntabiliti dan pembuatan keputusan. Sesetengah maklumat jika didedahkan lebih awal akan menambah kerelevannya kerana ia boleh dijadikan input berguna untuk menilai akauntabiliti dan tujuan pembuatan keputusan.

5. Kebolehbandingan – bermaksud maklumat yang didedahkan akan membantu pengguna mengenalpasti persamaan atau perbezaan bagi kedua-dua situasi yang dibandingkan. Ciri kebolehbandingan boleh ditingkatkan jika maklumat tersebut disediakan secara konsisten dan seragam.
6. Kebolehsahan – bermaksud maklumat yang didedahkan dapat membantu keyakinan pengguna bahawa pelaporan kewangan yang disediakan adalah mewakili situasi ekonomi dan juga situasi lain yang diwakili entiti tersebut. Kebolehsahan juga merujuk kepada ciri kebolehbergantungan atau jaminan bahawa maklumat yang dilaporkan adalah benar. Contohnya, maklumat yang dilaporkan dikatakan mempunyai ciri kebolehsahan jika pengguna pelaporan kewangan dari pelbagai latar belakang pengetahuan boleh secara umumnya mencapai konsensus terhadap maklumat yang didedahkan.

Pendedahan daripada perspektif perakaunan Islam pula bermaksud mendedahkan maklumat yang menerangkan tentang kedudukan ekonomi serta membantu pembuatan keputusan agama. Bagi tujuan ini, maklumat yang didedahkan perlu mempunyai sifat yang relevan, objektif, material serta boleh dipercayai (Haniffa et al., 2004). Justeru, pendedahan sepenuhnya tidak bermaksud bahawa entiti perlu mendedahkan segala sesuatu, yang sememangnya tidak praktikal. Ia bermaksud mendedahkan apa-apa maklumat yang dianggap relevan dan harus diberi hak dengan betul kepada ahli-ahli ummah untuk memudahkan pembuatan keputusan ekonomi dan agama mereka.

Selain itu, maklumat perakaunan menurut perspektif Islam perlu menunjukkan bahawa pihak yang terlibat dalam usaha ekonomi telah memenuhi kontrak (tugas dan kewajiban) mereka kepada Allah S.W.T, masyarakat, individu, dan persekitaran amnya. Dalam erti kata lain, ia berkaitan dengan mempunyai hati nurani yang bersih dengan Allah S.W.T - terutamanya apabila memenuhi kewajiban mengenai perkara kewangan seperti mengukur zakat, keuntungan, hutang atau transaksi kewangan lain.

Pendedahan dalam penyata kewangan organisasi berlandaskan Islam adalah dibimbing oleh beberapa pertimbangan. Penggunaan kos sejarah untuk penilaian aset memenuhi objektif pengawasan. Sebaliknya, untuk mengira dan membayar zakat, penggunaan nilai pasaran adalah lebih sesuai. Harus ada perbezaan yang dibuat antara urus niaga halal dan haram dan bagaimana keuntungan dari urusniaga

haram tersebut disalurkan (misalnya, wang yang diberi kepada badan amal). Perlu ada pendedahan tambahan mengenai prestasi sosial operasi organisasi, termasuk peruntukan dan penggunaan dana untuk zakat.

Jadual 6.9: Prinsip Pembentangan dan Pendedahan Maklumat di Penyata Kewangan dari Perspektif Islam


| Kerangka IPSASB 2014 | Kerangka Syariah |
|---|---|
| <p>Memenuhi ciri-ciri kualitatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kerelevanan (<i>relevance</i>) ii. Perwakilan benar (<i>faithful representation</i>) iii. Kebolehfasaman (<i>understandability</i>) iv. Pemasaan (<i>timeliness</i>) v. Kebolehbandingan (<i>comparability</i>) vi. Kebolehsahan (<i>verifiability</i>) | <p>Maklumat yang didedahkan mesti mengandungi ciri berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kerelevan iaitu maklumat tepat dan menunjukkan pihak terlibat telah memenuhi obligasi kepada Allah SWT dan masyarakat. ii. Objektif iaitu maklumat berdasarkan ukuran yang adil dan patuh syariah. iii. Material iaitu maklumat yang menunjukkan keadilan dalam penilaian dan yang menunjukkan hak Allah, masyarakat dan individu telah dipenuhi. iv. Boleh dipercayai iaitu maklumat yang disediakan adalah bebas dari kesilapan material dan diwakili dengan jujur tanpa memesongkan apa yang diukur, proses ukurannya, dan apa yang didedahkan. <p>Mengikut pandangan pakar, maklumat yang didedahkan mestalah;</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Telus/komprehensif ii. Tepat iii. Tidak mengelirukan v. Tidak menimbulkan fitnah vi. Boleh mengelak daripada perkara yang boleh beri kesan negatif. |

Sumber: IPSASB 2014 dan Haniffa et al., 2004 serta Pandangan Pakar

6.8 Kesimpulan

Perbincangan dalam Bab ini adalah input untuk pengukuhan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan Islam yang telah dibangunkan pada kajian Fasa Pertama sebelum ini. Input untuk pengukuhan yang dicadangkan dalam Bab ini adalah tertumpu kepada tahap ketiga kerangka kerja konseptual berkenaan iaitu tahap yang melibatkan pengoperasian perakaunan. Secara khusus, input yang dikemukakan adalah berfokus kepada aset sebagai salah satu elemen penyata kewangan. Tahap pengoperasian perakaunan aset ini melibatkan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan menurut keperluan atau kerangka Syariah. Rajah 6.1 berikut merumuskan kerangka kerja konseptual berkaitan pengoperasian perakaunan bagi aset menurut keperluan syariah.

Rajah 6.1 Kerangka Kerja Konseptual – Pengiktirafan, Pengukuran dan Pendedahan Aset Menurut Keperluan Syariah



BAB TUJUH

BATASAN PERUNDANGAN

7.1 Pengenalan

Dalam mencadang dan menggubal Piawaian Perakaunan Islam khusus bagi Institusi WZB, batasan dalam perundangan, baik perundangan sivil mahupun perundangan syariah, perlu diberi perhatian. Batasan perundangan ini memungkinkan kepada keperluan pindaan dan perlu diambilkira dalam penggubalan Piawaian Perakaunan Islam berkenaan agar pemakaian piawaian tersebut dalam perakaunan dan pelaporan Institusi WZB berjalan dengan lancar selaras dengan keperluan *Syariah Islamiah*. Batasan perundangan yang dibincangkan dalam Bab ini memfokuskan kepada keperluan perundangan yang mempunyai kaitan dengan atau memberi implikasi kepada perakaunan bagi aset yang ditadbirkan oleh Institusi WZB seperti aset tanah wakaf dan baitulmal.

Secara khusus, perbincangan mengenai batasan perundangan yang boleh memberi implikasi kepada perakaunan dan pelaporan Institusi WZB berkaitan aset adalah merujuk terutamanya kepada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi di Malaysia, Kanun Tanah Negara, Akta Pengambilan Tanah 1960, Enakmen Kerajaan Negeri yang berkaitan hal ehwal agama Islam, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Tatacara Kewangan 1957, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 dan Akta Audit 1957. Selain perundangan utama ini, semakan juga dibuat ke atas perundangan subsidiari seperti garispanduan khusus untuk mengakaunkan wakaf, zakat dan baitulmal iaitu garis panduan yang bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf.

7.2 Peruntukan Perundangan Berkaitan Aset Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal

Bahagian ini menerangkan tentang perundangan yang disemak dan peruntukan dalam perundangan tersebut yang mempunyai kaitan dengan pentadbiran serta

pengurusan aset Institusi WZB dan seterusnya yang boleh memberi implikasi kepada perakaunan aset institusi berkenaan.

7.2.1 Perlembagaan Persekutuan

Senarai II iaitu Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa hal ehwal Agama Islam dan tanah (dalam konteks kajian ini adalah hal ehwal berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal) adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan dengan jelas memperuntukkan bahawa:

“Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebutkan dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.”

Melalui peruntukan ini, setiap negeri diberi kuasa untuk membuat undang-undang bagi mengatur hal ehwal Agama Islam atau hukum syarak. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa, kerajaan-kerajaan negeri melalui badan perundangan masing-masing berkuasa menggubal undang-undang Islam dan menujuhkan organisasi pentadbiran dan melaksanakan undang-undang berkenaan, seperti penubuhan Majlis-majlis Agama Islam dan Mahkamah-mahkamah Syariah.

Perlu ditegaskan, walaupun bidang kuasa diberikan kepada Badan Perundangan Negeri untuk menggubal undang-undang yang berkaitan dengan pentadbiran undang-undang Islam, ianya masih lagi tertakluk kepada Perkara 4(1). Jelasnya, bahawa undang-undang yang digubal oleh Badan Perundangan Negeri mestilah tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan dan juga mana-mana undang-undang Persekutuan yang lain. Kebenaran menggubal undang-undang Islam ini bukanlah suatu yang mutlak. Kuasa yang diberikan ini juga tertakluk kepada Perkara 75 yang menjelaskan seandainya berlaku pertentangan antara undang-undang Negeri dan undang-undang Persekutuan, maka undang-undang Negeri itu adalah terbatal setakat yang bertentangan.

Namun begitu, bidang kuasa pentadbiran undang-undang kewangan Islam adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan. Ini berdasarkan kepada Perenggan 4, Senarai I,

Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, perkara yang berkaitan dengan undang-undang perdagangan adalah tertakluk kepada perkara Persekutuan. Oleh kerana perbankan Islam dan kewangan adalah dikategorikan sebagai undang-undang perdagangan, maka ia adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan. (Alias Azhar, 2012)

Peruntukan perundangan dalam Perlembagaan Persekutuan yang disebutkan di atas jelas menunjukkan bahawa hal berkaitan WZB termasuk tanah wakaf dan baitulmal adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Ini bermaksud setiap Kerajaan Negeri berkuasa untuk menggubal sebarang undang-undang berkaitan WZB secara khusus atau undang-undang berkaitan pentadbiran Agama Islam secara umum. Sungguhpun dalam perkara ini, kuasa penuh adalah kepada Kerajaan Negeri, Perkara 76(4) secara khusus memberi kuasa kepada kerajaan Persekutuan melalui Parlimen untuk membuat undang-undang bagi tujuan penyelarasan dan persamaan undang-undang. Kuasa ini telah dan boleh digunakan oleh kerajaan Persekutuan untuk memperkenalkan beberapa undang-undang termasuk undang-undang berkaitan dengan tanah seperti Kanun Tanah Negara.

7.2.2 Kanun Tanah Negara

Kanun Tanah Negara (KTN) merupakan undang-undang Persekutuan iaitu undang-undang tanah utama bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia. KTN telah dikanunkan mengikut Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan pada 18 September 1965. Dengan berkuatkuasanya KTN, tujuh undang-undang tanah negeri di Semenanjung (termasuk 3 negeri dalam kajian di Zon 1 ini) iaitu Selangor dan Negeri Sembilan *Land Code (Cap. 138)* serta *Johor Land Enactment No. 1* adalah terbatal. Berdasarkan Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan itu, KTN digubal adalah bertujuan untuk mewujudkan satu sistem pemegangan dan pengurusan tanah yang seragam bagi kesemua negeri di Semenanjung. KTN menggunakan Sistem Torrens iaitu satu sistem yang menetapkan kepunyaan hakmilik tanah yang tidak boleh disangkal. Mengikut Sistem Torrens juga, pentadbiran tanah adalah berasaskan kertas yang sangat menekankan dan memerlukan kepada pendaftaran, sejajar dengan kata-kata hikmah yang sering kali disebut oleh mahkamah, "*Under the Torrens System, the register is everything*". Ini bermaksud, maklumat yang terdapat dalam dokumen daftaran menunjukkan segala-galanya berkaitan tanah tersebut.

Pendaftaran Hakmilik

KTN memperuntukkan tiga kaedah pendaftaran hakmilik tanah iaitu (1) kaedah pindahmilik (*transfer*), (2) kaedah serahan (*surrender*) dan (3) kaedah perletakhakan berkanun (*statutory vesting*). Bagi pendaftaran hakmilik melalui kaedah pindahmilik Seksyen 215 dan 216, KTN, pemindah milik dan penerima pindahmilik akan menurunkan tandatangan di atas Borang 14A. Proses ini akan mengambil masa yang agak panjang, yang kebiasaannya dalam tempoh 1 hingga 3 bulan. Sekiranya diluluskan, Pejabat Tanah Daerah akan mendaftarkan nama penerima pindahmilik yang sah. Seterusnya melalui kaedah serahan (Seksyen 195, 197 dan 20, KTN), pemilik tanah (contohnya pewakaf) menyerahkan tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan menggunakan Borang 12A (untuk keseluruhan tanah) dan 12B (untuk sebahagian tanah). Proses yang panjang terpaksa dilalui yang mana permohonan perlu dibuat secara bertulis terlebih dahulu dengan menyatakan tujuan penyerahannya. Apa-apa cukai tertunggak perlu dijelaskan terlebih dahulu dan lakaran pelan harta tanah perlu dilampirkan bersama permohonan. Persetujuan bertulis daripada setiap orang atau pihak yang berkepentingan (seperti penyewa, gadaian dan lain-lain) perlu diperolehi terlebih dahulu. Selepas penyerahan diterima oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN), pemohon yang ingin mendapatkan tanah tersebut (seperti MAIN yang memohon untuk kegunaan tanah wakaf) dikehendaki untuk memohon semula harta tanah berkenaan dan kelulusan tertakluk atas budibicara PBN. PBN mempunyai budibicara samada memberi milik kepada pemohon dengan mengeluarkan dokumen hakmilik atau merizabkan tanah tersebut bagi tujuan kepentingan awam. Sekiranya pemohon diberikan milikan, tempoh pemberimilikan harus dinyatakan oleh PBN samada untuk selama-lamanya ataupun untuk satu jangkamasa bertempoh. Nilai cukai yang dikenakan juga perlu dinyatakan dan pemilik baru perlu melunaskan bayaran tersebut (termasuk bayaran premium tanah). Sekiranya PBN memutuskan untuk merizabkan harta tanah tersebut, PBN akan mewartakan tanah tersebut mengikut tujuan awam (S62 KTN).

Kaedah perletakhakan berkanun boleh diaplikasikan melalui samada Seksyen 415 atau Seksyen 416C, KTN. Bagi perletakhakan berkanun melalui Seksyen 415, Borang 30A dan 30B digunakan dimana berlaku pindahan sepenuhnya pemilikan kepada penerima milikan (*transferee*) walaupun kaedah ini hanya melibatkan perletakhak aset kepada penerima hak atau pemegang amanah. Bagi kaedah perletakhakan berkanun melalui S416(c), tiada borang yang diperlukan kerana pemohon hanya perlu membuat permohonan secara bersurat kepada PTD. Kaedah

ini dikenalpasti akan mempercepatkan urusan pindahmilik tanah serta dapat mengatasi kesulitan-kesulitan yang mungkin timbul dengan menggunakan kaedah pendaftaran yang lain.

Pemberimilikan (Alienation) Tanah

Selain pendaftaran hakmilik, KTN juga mempunyai peruntukan mengenai pemberimilikan (*alienation*) tanah samada secara kekal (*perpetuity*) atau bertempoh/pegangan pajakan (*leasehold*). Seksyen 76(a) memperuntukkan tentang kuasa PBN untuk memberikan hakmilik tanah Kerajaan kepada yang berhak bagi suatu jangkamasa tidak melebihi 99 tahun (Pajakan Negeri) dan Seksyen 76(aa) memperuntukkan Kerajaan Negeri boleh memberikan pemilikan tanah secara kekal jika pihak berkuasa negeri berpuas hati bahawa ianya akan digunakan untuk kepentingan awam atau terdapat keadaan-keadaan khas yang sesuai. Lanjutan daripada pemberimilikan tanah oleh Kerajaan Negeri, S47(1) memperuntukkan mana-mana pegangan tanah secara pajakan yang telah tamat tempoh hendaklah dikembalikan dan terletakhak kepada PBN. Manakala Seksyen 64(1)(2) KTN memberi kuasa kepada PBN untuk membatalkan mana-mana tanah yang direzabkan bagi tujuan awam atau untuk membatalkan apa-apa pajakan bagi tujuan awam. Kedua-dua seksyen ini memberi implikasi bahawa tanah beri milik boleh kembali menjadi milikan PBN dalam keadaan tertentu seperti apabila tanah pajakan telah tamat tempohnya, kecuali jika tempoh pajakan telah disambung semula. Begitu juga jika pemiliknya meninggal dunia dan tidak meninggalkan waris. PBN juga boleh melucutkhukkan/merampas tanah apabila berlaku pelanggaran syarat yang ditentukan di atas tanah itu.

Pengecualian bagi Tanah Wakaf dan Baitulmal

Kedudukan istimewa wakaf dan baitulmal diiktiraf di bawah KTN melalui seksyen 4(2e) yang memperuntukkan bahawa mana-mana peruntukan dibawah KTN adalah tidak terpakai kepada tanah wakaf dan baitulmal kecuali diperuntukkan sebaliknya. Ini bermaksud, undang-undang yang diterima pakai (*the governing law*) adalah peruntukan-peruntukan yang diperakukan oleh pihak berkuasa negeri berkaitan wakaf dan baitulmal samada peruntukan dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam atau enakmen khusus iaitu Enakmen Wakaf dan Enakmen Baitulmal.

7.2.3 Ordinan Tanah Sabah (Bab 68)

Jika KTN adalah undang-undang Persekutuan, Ordinan Tanah Sabah adalah undang-undang Kerajaan Negeri Sabah yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sabah. Ordinan ini hanya terpakai kepada perkara-perkara berkaitan tanah di Negeri Sabah sahaja.

Ordinan Tanah Sabah (Bab 68) merupakan perundangan utama berhubung hal ehwal tanah di Negeri Sabah. Ordinan ini terbahagi kepada 10 bahagian iaitu Bahagian I sehingga Bahagian V dan Bahagian VII sehingga Bahagian X. Bahagian VI berkaitan aspek pengambilan tanah telahpun dimansuhkan. Perundangan berhubung pengambilan balik tanah adalah diperuntukkan di dalam Ordinan Pengambilan Tanah Bab 69.

Semua Pendaftaran Urusniaga Tanah di Negeri Sabah hendaklah dilaksanakan sejajar dengan peruntukan-peruntukan di bawah Bahagian V Ordinan Tanah Bab 68. Sistem pendaftaran geran tanah di Negeri Sabah tidak jauh berbeza dengan sistem yang diamalkan di Negeri-Negeri lain di Malaysia, iaitu masih berdasarkan sistem Torrens iaitu *Modified Torrens System*. Dari segi pemberimilikan tanah oleh Kerajaan Negeri, serupa seperti peruntukan dalam KTN mana-mana tanah pemberimilikan dari Kerajaan Negeri secara pegangan pajakan yang telah tamat tempoh hendaklah dikembalikan dan terletakhak kepada PBN.

Walau bagaimanapun, tidak seperti KTN, tiada sebarang peruntukan khusus dalam Ordinan Tanah Sabah yang memberi pengecualian kepada wakaf dan baitulmal. Ini bermakna hal ehwal berkaitan tanah wakaf dan baitulmal adalah terikat kepada peruntukan Ordinan Tanah tersebut melainkan terdapat perundangan khusus berkaitan dengannya.

7.2.4 Akta Pengambilan Tanah 1960 dan Ordinan Pengambilan Tanah Sabah (Bab 69)

Akta Pengambilan Tanah 1960 dan Ordinan Pengambilan Tanah Sabah (Bab 69) diwujudkan bagi membolehkan pengambilan harta ‘secara paksa’ dilaksanakan secara sah oleh Kerajaan dan tidak bertentangan dengan Perlembagaan. Artikel 13 Perlembagaan Persekutuan menekankan bahawa mana-mana pihak yang terlibat dengan pengambilan tanah perlu diberi pampasan yang mencukupi supaya mereka

tidak ditindas oleh mana-mana pihak berkuasa yang hendak melaksanakan sebarang projek awam.

Akta Pengambilan Tanah 1960 dan Ordinan Pengambilan Tanah Sabah membolehkan kerajaan negeri mengambil tanah untuk maksud tertentu seperti kepentingan awam dan pembangunan ekonomi dengan pembayaran pampasan yang wajar kepada pemilik tanah. Akta dan Ordinan ini terpakai kepada mana-mana tanah termasuk tanah wakaf dan baitulmal kerana tidak terdapat peruntukan khusus yang memberi pengecualian kepada wakaf dan baitulmal seperti yang terdapat dalam KTN.

7.2.5 Enakmen Kerajaan Negeri Berkaitan Aset Institusi Wakaf, Zakat dan Baitulmal

Setiap negeri mempunyai Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (dengan nama yang berbeza) dikanunkan pada tahun yang berbeza. Selangor 1952, Sarawak 1954, Pahang 1956, Melaka 1959, Pulau Pinang 1959, Negeri Sembilan 1960, Kedah 1962, Perlis, 1964, Perak 1965, Kelantan 1966, Wilayah Persekutuan 1974, Sabah 1977 dan Johor 1978. Enakmen-enakmen tersebut bertujuan menyatukan dan meminda undang-undang pentadbiran agama Islam berkaitan dengan penubuhan, penyusunan, dan pentadbiran agama Islam dan Mahkamah Syariah di negeri-negeri.

Berkaitan dengan aset dan bagi negeri-negeri dalam Zon 1 kajian, negeri Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan mempunyai enakmen khusus untuk aset wakaf iaitu Enakmen Wakaf (Selangor) 1999 pindaan 2015, Enakmen Wakaf (Melaka) 2005 dan Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005. Bagi negeri Johor dan Sabah, mereka tidak mempunyai enakmen wakaf khusus sebaliknya perkara-perkara berkaitan hal ehwal Agama Islam termasuk wakaf di kedua negeri berkenaan di peruntukkan masing-masing dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 dan Enakmen Majlis Agama Islam (Sabah) 1977. Enakmen Perbadanan Baitulmal (Sabah) 1998 menyediakan kerangka perundangan berkaitan hal ehwal Baitulmal. Sabah juga mempunyai enakmen khusus bagi zakat dan fitrah iaitu Enakmen Zakat dan Fitrah (Sabah) 1998. Jadual 7.1 menunjukkan perbandingan peruntukan perundangan berkaitan aset wakaf (*mawquf*) dari segi pendaftaran, perletakhkan dan istibdal.

Jadual 7.1 Perbandingan Enakmen Kerajaan Negeri Berkaitan Aset Wakaf

| ENAKMEN WAKAF | | | ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM | ENAKMEN MAJLIS UGAMA ISLAM |
|---|---|--|---|---|
| SELANGOR | NEGERI SEMBILAN | MELAKA | JOHOR | SABAH |
| PENDAFTARAN DAN PERLETAKHAKAN | | | | |
| Seksyen 15. Pendaftaran mawquf Pendaftaran mauquf dijalankan oleh Pendaftar Wakaf yang dilantik oleh Perbadanan dimana Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan sebagai Ketua Pendaftar Wakaf (s9). Pewakaf hanya perlu mengisi borang yang disediakan oleh Perbadanan bagi tujuan pendaftaran. Mauquf yang | Seksyen 6. Pendaftaran mawquf Mana-mana orang yang hendak mewakafkan hartanya hendaklah mendaftarkan harta itu dengan Majlis <u>mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Majlis.</u> Pendaftaran mauquf juga boleh dibuat melalui perintah mahkamah sebagaimana yang diperuntukkan dalam s7. | Seksyen 6. Pendaftaran wakaf Tertakluk kepada seksyen 4, setiap wakaf hendaklah secepat mungkin yang boleh didaftarkan dalam apa-apa bentuk atau <u>cara yang telah ditetapkan oleh Majlis.</u> Prosedur perwakafan yang ditetapkan oleh Majlis dan Dokumen yang diperlukan bagi perwakafan tanah (semua/sebahagian): 1. <u>Borang KTN 14A/12A/12B</u> 2. Borang surat cara wakaf 3. Surat persetujuan wakaf 4. Salinan kad pengenalan pewakaf | Pendaftaran wakaf – tiada peruntukan khusus | Pendaftaran wakaf – tiada peruntukan khusus |

| | | | | |
|--|---|--|--|--|
| <p>didaftarkan akan disenaraikan dalam Daftar Wakaf.</p> <p><u>Proses pendaftaran</u> diperincikan seperti berikut:</p> <p>(1) Pewakaf hendaklah mengisi borang yang ditentukan oleh Perbadanan.</p> <p>(2) Permohonan pendaftaran <i>mawquf</i> yang diterima oleh (1) hendaklah didaftarkan oleh Pendaftar Wakaf dalam Daftar Wakaf dengan seberapa segera.</p> <p>(3) Perbadanan hendaklah mengadakan suatu Daftar Wakaf bagi-(a) apa-apa <i>mawquf</i> yang mana Majlis menjadi pemegang amanah tunggal; dan (b) apa-apa</p> | <p>Proses pendaftaran melalui perintah mahkamah disebut dalam seksyen 50 Enakmen yang sama.</p> | <p>5. Salinan geran tanah 6. Resit cukai tanah terkini</p> | | |
|--|---|--|--|--|

| | | | | |
|---|--|--|--|--|
| <p><i>mawquf</i> yang mana Majlis menjadi mawquf ‘alaih.</p> <p>(4) Daftar Wakaf hendaklah menjadi bukti muktamad tentang fakta yang dinyatakan dalam Daftar Wakaf itu.</p> <p>(5) Segala surat cara yang mewujudkan, yang menjadi keterangan, atau yang menyentuh mana-mana wakaf, berserta dengan mana-mana dokumen hakmilik atau cagaran lain yang berhubungan dengannya, hendaklah dipegang dan disimpan oleh Ketua Pendaftar Wakaf.</p> <p>(6) Walau apa pun subseksyen (2), tiada wakaf</p> | | | | |
|---|--|--|--|--|

| | | | | |
|---|---|--|---|--|
| boleh menjadi tidak sah semata-mata kerana wakaf itu tidak didaftarkan. | | | | |
| <p>Seksyen 13. Permulaan Kuatkuasa Wakaf</p> <p>Seksyen 5. Peletakhakan</p> <p>(1) Semua <i>mawqif</i> yang diwujudkan di bawah Enakmen ini hendaklah terletak hak pada Majlis.</p> <p>(2) Majlis boleh menuntut apa-apa manfaat atau kepentingan sesuatu <i>mawqif</i> daripada mana-mana orang <u>mulai dari tarikh permulaan kuat kuasa wakaf itu terletak hak kepada Majlis walaupun <i>mawqif</i> itu belum didaftarkan.</u></p> <p><i>Peruntukan tersebut bermaksud apabila sesuatu</i></p> | <p>Seksyen 9. Peletakhakan kepada Majlis.</p> <p>(1) Majlis hendaklah mengambil segala langkah yang perlu dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan untuk meletakhakkan kepada Majlis apa-apa <i>mawqif</i> yang didaftarkan di bawah seksyen 6 dan 7.</p> <p>(2) Apa-apa <i>mawqif</i> yang diletakhakkan kepada Majlis hendaklah terletakhak kepada Majlis tanpa apa-apa jua pemindahhakan, penyerahan, penyerahhakan, atau</p> | <p>Seksyen 4. Mula Berkuatkuasa Wakaf</p> <p>Seksyen 50. Perletakhakan mawqif.</p> <p>(1) Majlis hendaklah mengambil segala langkah yang perlu secepat mungkin yang boleh untuk meletakhakkan kepadanya semua wakaf yang diwujudkan di bawah Enakmen ini.</p> <p>(2) Apa-apa manfaat atau faedah daripada sesuatu <i>mawqif</i> hendaklah terletak hak kepada Majlis mulai dari tarikh wakaf itu mula berkuat kuasa, dan Majlis boleh menuntut apa-apa manfaat atau faedah sesuatu</p> | <p>Fasal 90. Perletakan harta wakaf, nazr dan amanah pada Majlis.</p> <p>(1) Semua harta yang tertakluk kepada seksyen 89 hendaklah tanpa apa-apa pindah hak, serah hak atau pindah hakmilik, dan, dalam hal harta tak alih sebaik sahaja didaftarkan di bawah undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, terletak hak pada Majlis, bagi maksud wakaf, nazr 'am atau amanah yang menyentuh harta itu.</p> | <p>Seksyen 52. Peletakan harta wakaf, nazr dan amanah pada Majlis</p> <p>(1) Semua harta yang tertakluk kepada seksyen 51 hendaklah tanpa pindah hak, serah hak atau pindah hakmilik, dan dalam hal harta tak alih, sebaik sahaja didaftarkan di bawah <u>Ordinan Tanah Bab 68</u>, terletak hak pada Majlis, bagi maksud wakaf nazr' am atau</p> |

| | | | | |
|--|--|--|---|---|
| <p><i>wakaf sempurna dibuat, maka harta yang diwakafkan, iaitu mawquf terletak hak secara automatik kepada MAIS tanpa apa-apa pemindahan hak, penyerahan hak, atau pemindahmilikan hak, sama ada melibatkan harta alih ataupun harta tak alih. Secara ringkasnya ini bermaksud sesuatu wakaf samada harta alih atau tak alih boleh berkuat kuasa setelah semua keperluan asasnya dipenuhi (s4) tanpa menunggu sehingga proses pendaftaran lengkap.</i></p> <p><i>Peruntukan ini bertepatan dengan seksyen 4(2)(e) KTN yang telah pun mengecualikan pemakaianya terhadap sebarang undang-undang</i></p> | <p>pemindahmilikan dan hendaklah terletakhak sedemikian dengan hakmilik, estet atau kepentingan dan pegangan yang serupa sebagaimana harta itu terletakhak sebelum pendaftaran wakaf itu di bawah seksyen 6 dan 7.</p> <p>(3) Apa-apa <i>mawquf</i> yang telah diletakhakkan kepada Majlis tidak boleh dipindahhakkan, diserahkan, diserahhakkan, digadaikan, dicagarkan, dipinjamkan atau dipindahmilikkan kecuali bagi maksud subseksyen 12(1) atau menurut fatwa yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa.</p> | <p><i>mawquf</i> daripada mana-mana orang sebelum pendaftaran wakaf itu.</p> <p>(3) Semua <i>mawquf</i> yang terletak dalam Negeri Melaka sebelum sahaja Enakmen ini mula berkuat kuasa hendaklah, tanpa apa-apa pemindahhakkan, penyerahhakan, atau pemindahmilik, dan dalam hal harta tak alih, sebaik sahaja didaftarkan mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara [Akta 56 Tahun 1965], terletakhak pada Majlis, bagi maksud wakaf yang menyentuh <i>mawquf</i> itu.</p> <p>(4) Tertakluk kepada peruntukan seksyen 32, Majlis hendaklah mengambil segala langkah perlu untuk meletakhak pada Majlis bagi maksud-maksud yang serupa mana-</p> | <p>(2) Tiap-tiap hujjah dan wasiat hendaklah diperbuat di hadapan Nazir Wakaf Daerah, atau disaksikan oleh dua orang yang berkelayakan mengikut hukum Syarak.</p> <p><i>Perletakhakan mauquf kepada Majlis hanya berlaku dan berkuatkuasa selepas ianya didaftarkan dibawah KTN</i></p> | <p>amanah yang menyentuh harta itu.</p> <p>(2) Majlis hendaklah mengambil segala langkah perlu untuk meletakhak padanya bagi maksud-maksud yang bersamaan mana-mana harta sedemikian yang terletak di tempat di luar Negeri Sabah.</p> <p><i>Perletakhakan mauquf kepada Majlis hanya berlaku dan berkuatkuasa selepas ianya didaftarkan dibawah Ordinan Tanah.</i></p> |
|--|--|--|---|---|

| | | | | |
|---|--|---|--|--|
| <p><i>yang berkuat kuasa tentang wakaf.</i></p> | <p>(4) Peletakhakan apa-apa harta tidak alih hendaklah <u>menurut Kanun Tanah Negara</u></p> <p><i>Seksyen 9(1) dan 9(2) tidak jelas berkenaan dengan prosedur perletakkan hak mauqif kepada Majlis dan bila ianya berkuatkuasa.</i></p> <p><i>Peruntukan ini harus dibaca bersama s6, s7 dan s8</i></p> <p><i>Enakmen yang sama dimana boleh disimpulkan bahawa perletakhakan mawqif kepada Majlis hanya berlaku setelah perakuan wakaf dikeluarkan oleh Majlis dan <u>kemudiannya diendorskan</u> menurut KTN.</i></p> <p><i>S9(4) jelas sekali bertentangan dengan s4(e) KTN.</i></p> | <p>mana <i>mawqif</i> sedemikian yang terletak di luar Negeri Melaka.</p> <p><i>Seksyen 50(3) jelas memperuntukkan bahawa Perletakhakan mauqif kepada Majlis hanya berlaku dan berkuatkuasa selepas ianya <u>didaftarkan dibawah KTN.</u></i></p> | | |
|---|--|---|--|--|

| ISTIBDAL | | | | |
|--|---|---|------------------------------|------------------------------|
| Seksyen 2. Takrif istibdal | Seksyen 2. Takrif istibdal | Seksyen 2. Takrif istibdal | Tiada tafsiran khusus | Tiada tafsiran khusus |
| <p>“istibdal” ertinya menggantikan sesuatu mawquf dengan suatu harta yang lain atau wang yang mempunyai nilai yang sama atau nilai yang lebih tinggi daripada mawquf itu, dengan menukar, membeli, menjual atau apa-apa cara lain mengikut Hukum Syarak;</p> | <p>“<i>istibdal</i>” ertinya menggantikan suatu <i>mawquf</i> dengan harta lain atau wang, atau berupa wang, yang sama dengan atau lebih tinggi nilainya daripada <i>mawquf</i> itu, sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut prinsip Syariah;</p> | <p>Seksyen 2. Takrif istibdal</p> <p>“<i>istibdal</i>” ertinya menggantikan suatu harta wakaf dengan harta lain yang sama atau lebih tinggi nilainya sama ada melalui gantian, tukaran, belian, jualan atau apa-apa cara lain menurut Hukum Syarak;</p> <p><i>Dapat diperhatikan bahawa takrif bagi istibdal di Melaka tidak menyatakan penggantian harta wakaf “dengan wang” seperti yang dinyatakan di Selangor dan Negeri Sembilan.</i></p> | | |

| Seksyen 7 Kuasa Majlis Untuk Istibdal; | Seksyen 12 Kuasa Majlis Untuk Istibdal | Seksyen 19 Kuasa Majlis Untuk Istibdal | Tiada peruntukan khusus | Tiada peruntukan khusus |
|--|---|---|--------------------------------|--------------------------------|
| <p>Seksyen 41 Istibdal Mauquf</p> <p>S7 memberikan kuasa kepada MAIN untuk mengistibdalkan mana-mana mawquf tetapi hanya dalam beberapa keadaan sepetimana yang diperuntukkan dalam s41 dan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Fatwa,</p> <p>(a) jika mana-mana syarat wakaf tidak selaras dengan mana-mana undang-undang bertulis;</p> <p><u>(b) jika mawquf diambil oleh mana-mana pihak berkuasa mengikut mana-mana undang-undang bertulis;</u></p> | <p>Memberi kuasa penuh kepada MAIN untuk mengistibdalkan mana-mana <i>mawquf</i> dalam keadaan berikut tanpa perlu mendapatkan keputusan daripada Jawatankuasa Fatwa:</p> <p>(a) jika mana-mana syarat wakaf tidak selaras dengan mana-mana undang-undang bertulis;</p> <p><u>(b) jika mawquf diambil oleh mana-mana pihak berkuasa mengikut mana-mana undang-undang bertulis;</u></p> <p>(c) jika kegunaan <i>mawquf</i> tidak mendatangkan manfaat, faedah sebagaimana yang dikehendaki oleh <i>waqif</i>, atau</p> | <p>Kuasa penuh kepada MAIN untuk mengistibdal mana-mana mauquf dalam 3 keadaan berikut:</p> <p><u>(a)mawquf telah diambil oleh mana-mana pihak berkuasa awam mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis;</u></p> <p><u>(b)kegunaan mawquf tidak lagi mendatangkan manfaat atau faedah sebagaimana yang dikehendaki oleh waqif,</u> atau</p> | | |

| | | | | |
|---|--|--|--|--|
| <p>(c) jika kegunaan <i>mawquf</i> tidak mendatangkan manfaat atau kepentingan sebagaimana yang dikehendaki oleh <i>waqif</i>;</p> <p>(d) jika kegunaan <i>mawquf</i> tidak menepati tujuan wakaf;</p> <p>(e) jika mana-mana syarat yang ditetapkan oleh <i>waqif</i> tidak dapat dilaksanakan disebabkan berlalu masa atau berlaku perubahan keadaan;</p> <p>(f) jika Majlis hendak mengistibdalkan masjid atau tapak masjid yang telah menjadi <i>mawquf</i>,</p> | <p>atau keuntungan sebagaimana yang dikehendaki oleh <i>waqif</i>;</p> <p>(d) jika kegunaan <i>mawquf</i> tidak dapat menepati tujuan wakaf; atau</p> <p>(e) jika disebabkan berlalu masa atau berlaku perubahan keadaan, mana-mana syarat yang ditetapkan oleh <i>waqif</i> tidak dapat dilaksanakan.</p> <p>Walau bagaimanapun, MAIN perlu mendapatkan pendapat Jawatankuasa Fatwa jika Majlis hendak istibdal —</p> <p>(a) masjid atau tapak masjid yang diwakafkan; atau</p> <p>(b) dalam hal keadaan selain hal keadaan yang dinyatakan dalam subseksyen (1).</p> | <p>(c) kegunaan <i>mawquf</i> tidak menepati tujuan wakaf.</p> | | |
|---|--|--|--|--|

| | | | | |
|---|--|--|--|--|
| <p>(g) jika mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh <i>waqif</i> tidak dapat dilaksanakan dan Majlis berhasrat untuk melaksanakan wakaf itu dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan syarat yang ditetapkan oleh <i>waqif</i>, atau</p> <p>(h) dalam hal keadaan lain yang difikirkan perlu oleh Majlis.</p> | <p>Dalam keadaan dimana waqif meletakkan syarat tertentu keatas <i>mauquf</i>, Enakmen ini telah meletakkan syarat tambahan iaitu</p> <p>(a) Pelaksanaan syarat itu adalah tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis; dan</p> <p>(b) jika Majlis tidak boleh melaksanakan mana-mana syarat yang ditetapkan oleh <i>waqif</i>, Majlis hendaklah menentukan apa-apa cara lain untuk melaksanakan wakaf itu supaya <i>mawquf</i> itu digunakan dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan syarat yang ditetapkan oleh <i>waqifnya</i>.</p> | | | |
|---|--|--|--|--|

7.3 Batasan Perundangan Berkaitan Aset Institusi WZB dan Implikasi Perakaunan

Perundangan sivil dan perundangan syariah melalui enakmen kerajaan negeri yang mempunyai kaitan dengan aset seperti yang dibincangkan dalam Bahagian 7.2 di atas menunjukkan terdapat batasan yang boleh memberi implikasi perakaunan, khususnya perakaunan bagi aset Institusi WZB. Jadual 7.2 menunjukkan batasan perundangan sivil utama yang mempunyai kaitan dengan aset.

Merujuk kepada Jadual 7.2, perundangan utama bagi aset tanah di Semenanjung Malaysia iaitu KTN jelas memberi pengecualian iaitu peruntukan KTN tidak terpakai kepada tanah wakaf dan baitulmal. Sepatutnya pengecualian ini memberi kuasa sepenuhnya kepada Kerajaan Negeri di Semenanjung (dalam konteks zon kajian ini – Negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor) untuk pengurusan tanah wakaf dan baitulmal bermula dari pendaftaran aset, perletakhak MAIN sebagai pemegang amanah sehingga kepada istibdal. Walau bagaimanapun, disebabkan ketiadaan atau kekurangan peruntukan berkaitan pengurusan tanah wakaf dan baitulmal dalam perundangan Kerajaan Negeri, peruntukan KTN masih menjadi sumber utama (Siti Mashitoh, 2017). Kekurangan dalam peruntukan Enakmen Kerajaan Negeri yang berkaitan juga ditekankan oleh (Asharaf Mohd Ramli & Abdullah Jalil 2012), yang menyatakan bahawa peruntukan wakaf dalam enakmen berkaitan adalah tidak komprehensif dan hanya memfokus kepada aspek pentadbiran dan prosedur secara umum.

Batasan yang jelas disini adalah dalam perundangan Kerajaan Negeri khususnya Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan enakmen khusus seperti Enakmen Wakaf.

Pendaftaran dan Perletakhakan

Seperti yang dinyatakan dalam Jadual 7.1 perbandingan Enakmen Kerajaan Negeri, hanya Negeri Selangor melalui Enakmen Wakaf Selangor Pindaan 2015 mempunyai peruntukan yang jelas dan prosedur terperinci bagi pendaftaran dan perletakhakan aset wakaf. Bagi negeri lain dalam Zon 1 kajian (Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Sabah) peruntukan berkaitan pendaftaran dan perletakhakan adalah amat terhad. Walaupun mempunyai enakmen wakaf secara khusus, Enakmen Wakaf Negeri Sembilan dan Enakmen Wakaf Melaka serta juga Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Johor) dan Enakmen Agama Islam Sabah, rujukan kepada KTN bagi pendaftaran dan perletakhakan masih dinyatakan. Ini bermakna kaedah-kaedah pendaftaran seperti peruntukan KTN khususnya kaedah pindah milik (Borang 14A), kaedah serahan dan kaedah perletakhakan melalui Sesyen 415 boleh dipilih oleh MAIN bagi pendaftaran dan perletakhakan aset khususnya aset tanah wakaf. Jika salah satu daripada

kaedah ini digunakan, MAIN jelas didaftarkan sebagai pemilik tanah dan tiada notifikasi tentang tanah tersebut adalah tanah wakaf. Ini dilihat tidak selari dengan prinsip wakaf yang mana MAIN adalah sebagai pemegang amanah (*mutawalli*) dan aset tersebut adalah aset wakaf (*mauquf*).

Walaupun kaedah yang lebih sesuai telah disarankan (iaitu perletakhakan berkanun melalui Seksyen 416C, KTN) oleh Pekeliling Ketua Pendaftar Tanah dan Galian (KPTG) Persekutuan dan JAWHAR, yang selari dengan prinsip wakaf, kaedah ini tidak dinyatakan dengan jelas untuk diguna pakai dalam Enakmen Kerajaan Negeri yang berkaitan, mahupun dalam Enakmen khusus wakaf atau enakmen Pentadbiran Aagma Islam negeri masing-masing.

Pemberianmilikan Tanah Pegangan Pajakan (Leasehold)

Dari aspek pemberianmilikan tanah dari Kerajaan Negeri kepada MAIN khususnya tanah pegangan pajakan, juga tidak disentuh secara khusus dan jelas dalam Enakmen Kerajaan Negeri yang berkaitan. Ini bermakna, ketiadaan peruntukan khusus dalam Enakmen Kerajaan Negeri menyebabkan peruntukan Seksyen 47 KTN terpakai iaitu mana-mana pegangan tanah secara pajakan termasuk tanah wakaf dan baitulmal yang telah tamat tempoh hendaklah dikembalikan dan terletakhak kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Hakikatnya bukan tanah yang sudah habis tempoh sahaja yang perlu dikembalikan kepada PBN, malah kesemua bangunan yang dibina diatasnya juga mesti dikembalikan. Walaupun pegangan pajakan yang telah tamat tempoh boleh diperbaharui dengan membuat bayaran premium yang baru, tiada jaminan bahawa permohonan akan diberikan kerana tiada peruntukan yang khusus berkaitan pembaharuan pajakan yang telah tamat tempoh dalam KTN. Seksyen 76(aa) KTN walau bagaimanapun memperuntukan Kerajaan Negeri boleh memberikan pemilikan tanah secara kekal jika pihak berkuasa negeri berpuas hati bahawa ianya akan digunakan untuk kepentingan awam atau terdapat keadaan-keadaan khas yang sesuai. Klausu “keadaan-keadaan khas yang sesuai” ini sebenarnya memberi ruang kepada MAIN untuk mendapatkan pemilikan tanah kekal (*freehold*) bagi tanah pemberian Kerajaan Negeri. Contohnya MAIN boleh mengemukakan permohonan bagi Tanah Kerajaan untuk diwakafkan bagi tujuan awam (Wakaf *irsod*) dan dengan peruntukan S76 (aa) ini tanah wakaf *irsod* tersebut boleh mendapat status pemilikan kekal.

Bagi Sabah, langsung tidak terdapat pengecualian wakaf dan baitulmal dalam Ordinan Tanah Sabah (Bab 68). Ini bermakna selagi tidak terdapat undang-undang khusus mengenainya, peruntukan dalam Ordinan tersebut adalah terpakai kepada tanah wakaf dan baitulmal termasuk dari segi pendaftaran dan perletakhakan serta pemberianmilikan tanah.

Pengambilan Tanah

Seperti yang telah diterangkan, Akta Pengambilan Tanah 1960 atau Ordinan Pengambilan Tanah Sabah (Bah 69) tidak memberi pengecualian kepada tanah wakaf dan baitulmal. Di Sabah tanah pemberian Kerajaan kepada MUIS boleh terdiri daripada tanah wakaf yang dikhkususkan untuk maksud tertentu seperti tanah kubur atau masjid dan juga tanah komersial iaitu tanah yang boleh digunakan pembangunan yang boleh dikategorikan sebagai tanah baitulmal kerana MUIS juga menjalankan fungsi baitulmal di Sabah selain Perbadanan Baitulmal. Ketiadaan peruntukan khusus atau ketidakjelasan peruntukan dalam Enakmen Kerajaan Negeri yang menghalang pengambilan tanah wakaf dan baitulmal, peruntukan dalam Akta dan Ordinan ini adalah terpakai. Ini bermakna tanah wakaf atau baitulmal tidak terkecuali dan boleh diambil semula oleh PBN. Walaupun terdapat peruntukan dalam Akta dan Ordinan berkenaan tentang pampasan akibat daripada pengambilan tanah tersebut tetapi MAIN tidak mempunyai pilihan untuk menentukan jenis (samada tunai atau pengantian tanah lain) dan amaun pampasan. Ini bermaksud sekiranya Enakmen Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan tentang Istibdal akibat daripada pengambilan tanah wakaf, maka prinsip wakaf bagi pengekalan ‘ain tidak dapat dilaksanakan. Jika merujuk kepada Jadual 7.1 tentang perbandingan Enakmen Kerajaan Negeri mengenai istibdal, negeri yang mempunyai enakmen khusus wakaf mempunyai peruntukan yang jelas tentang istibdal yang boleh berlaku daripada pengambilan mawquf oleh mana-mana pihak berkuasa mengikut mana-mana undang-undang bertulis (dalam konteks ini boleh dirujuk sebagai peruntukan dalam Akta pengambilan Tanah 1960 atau Ordinan Pengambilan Tanah Sabah (Bah 69)). Dalam Enakmen Wakaf berkenaan juga (bagi Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan) jelas mendefinisikan istibdal yang memerlukan pengantian nilai yang sama atau lebih tinggi daripada nilai mawquf yang terlibat dengan pengambilan. Batasan perundangan yang ketara dalam perkara ini adalah bagi negeri Johor dan Sabah dimana tiada peruntukan khusus tentang istibdal dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor dan Enakmen Agama Islam Sabah. Ini bermakna bagi Negeri Johor dan Sabah, pampasan yang diterima daripada pengambilan tanah wakaf dan baitulmal adalah terikat dengan peruntukan Akta Pengambilan Tanah dan Ordinan Pengambilan Tanah Sabah, melainkan Jawatankuasa Fatwa kedua-dua negeri ini menfatwakan tentang istibal.

Implikasi Perakaunan

Dari segi implikasi kepada perakaunan, jika kaedah pendaftaran selain daripada kaedah perletakhkan berkanun melalui Seksyen 416C digunakan, ciri aset tersebut dan peranan MAIN seperti yang didaftarkan adalah tidak selari dengan cadangan kepada Piawaian

Perakaunan Islam untuk mengiktiraf dan mendedahkan aset wakaf dalam penyata kewangan sebagai aset amanah. Selain itu, implikasi perakaunan dari segi titik pengiktirafan aset wakaf terutama wakaf am yang mempunyai nilai komersial yang dicadangkan untuk dinilai dan diiktiraf. Bagi negeri di Zon 1 kajian, hanya Selangor sahaja yang boleh menggunakan titik pengikirafan pada masa menandatangani *hujjah* wakaf kerana Enakmen Wakaf Selangor jelas menyatakan bahawa perletakhakan dikuatkuasa pada masa perwakafan diwujudkan dan tidak perlu menunggu sehingga selesai pendaftaran di PTD. Bagi negeri lain, titik pengikirafan yang lebih selamat adalah pada tarikh pendaftaran diluluskan atau pada tarikh geran dikeluarkan. Sekiranya aset wakaf belum didaftarkan di PTD atau proses pendaftaran melibatkan tempoh masa yang panjang (jika menggunakan kaedah pendaftaran selain Seksyen 416C), penilaian dan pengikirafan aset wakaf tersebut dalam penyata kewangan serta pembangunan aset tersebut perlu ditangguhkan untuk mengelakkan sebarang kemungkinan yang tidak memihak kepada MAIN seperti pengambilan tanah (termasuk pembangunan di atasnya) oleh kerajaan negeri. Sekirannya MAIN memilih untuk tidak mengakaunkan atau mengiktiraf aset wakaf walaupun ia adalah wakaf am dan mempunyai nilai komersial, MAIN tetap perlu melibatkan kos untuk pembaikan dan penyelenggaraan tanah dan bayaran cukai tanah atau cukai taksiran. Keadaan ini tidak bertepatan dengan prinsip perakaunan yang mana aset tidak diiktiraf tetapi kos lanjutan terhadap aset berkenaan seperti kos pembaikan dan penyelenggaraan perlu ditanggung dan diakaunkan oleh MAIN.

Jadual 7.2 Batasan Perundangan

| PERKARA / ISU | STATUT | BATASAN PERUNDANGAN |
|---|---|---|
| PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN | | |
| Perlembagaan Persekutuan meletakkan hal ehwal Agama Islam termasuk berkaitan WZB dibawah bidangkuasa negeri | Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan | |
| Badan Perundangan Negeri mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang berkaitan dengan wakaf | Artikel 74(1) (2) | Atas dasar ini, wujud ketidakseragaman berkenaan undang-undang dan pengurusan wakaf yang di peruntukan dalam enakmen atau akta setiap negeri. |

| KANUN TANAH NEGARA (KTN)/ ORDINAN TANAH (SABAH) | | |
|---|---|---|
| <p>Pengecualian pemakaian KTN berkaitan wakaf dan baitulmal</p> <p>Tiada peruntukan pengecualian wakaf dan baitulmal dinyatakan dalam Ordinan Tanah Sabah.</p> | <p>S4(2)(e) KTN memperuntukkan bahawa mana-mana peruntukan dibawah KTN adalah tidak terpakai kepada tanah wakaf dan baitulmal kecuali diperuntukkan sebaliknya.</p> | <p>Amalan pentadbiran hari ini menunjukkan bahawa KTN masih lagi digunakan sebagai sumber utama disebabkan ketiadaan atau kekurangan peruntukan khusus berkaitan pentadbiran/pendaftaran tanah wakaf dan baitulmal dalam enakmen negeri (Siti Mashitoh, 2017).</p> |
| <p>Pendaftaran Hakmilik Wakaf dibawah KTN:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Kaedah Perletakhakan Berkanun (<i>statutory Vesting</i>) Kaedah ini selari dengan kaedah yang disarankan oleh: 2. Kaedah Pindahmilik (<i>Transfer</i>) i) Pekeliling KPTG Persekutuan Bil 2/2016 (Format seragam permohonan perletakhakan berkanun tanah wakaf) 3. Kaedah Serahan (<i>surrender</i>) Pekeliling PKTG Persekutuan Bil 8/1999(perletakhakan berkanun tanah wakaf) | <p>S416(c) Pendaftaran hakmilik tanah wakaf melalui Perletakhakan Berkanun (<i>statutory Vesting</i>) Kaedah ini selari dengan kaedah yang disarankan oleh:</p> <p>i) Pekeliling KPTG Persekutuan Bil 2/2016 (Format seragam permohonan perletakhakan berkanun tanah wakaf)</p> <p>Pekeliling PKTG Persekutuan Bil 8/1999(perletakhakan berkanun tanah wakaf)</p> | <p>Kaedah ini kenalpasti akan mempercepatkan urusan pindahmilik tanah oleh MAIN serta dapat mengatasi kesulitan-kesulitan yang mungkin timbul dengan menggunakan kaedah pendaftaran yang lain.</p> <p>Tiada borang yang diperlukan kerana pemohon iaitu MAIN hanya perlu membuat permohonan secara bersurat kepada Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan sekiranya diluluskan, PTD akan mengendorskan didalam Daftar Hakmilik Dokumen. Surat lafadz wakaf (hujjah wakaf) dan suratcara wakaf yang disempurnakan oleh pewakaf perlu dilampirkan bagi membuktikan kewujudan wakaf. Salinan peruntukan perundungan dibawah akta/enakmen negeri hendaklah dikemukakan bersama.</p> |

| | | |
|---|---|--|
| <p>Semua negeri termasuk Pulau Pinang, Melaka dan Sarawak mengamalkan sistem Torrens kecuali Sabah. Oleh yang demikian prinsip-prinsip sistem Torren terutamanya prinsip hak milik tidak boleh sangkal tidak berkuatkuasa di Sabah.</p> | <p>ii) Manual Pengurusan Wakaf JAWHAR</p> | <p>Menerusi kaedah ini, nama pewakaf masih tercatat dalam suratan hakmilik, cuma pengendorsan dibuat diatasnya tentang kuasa MAIN sebagai pemegang amanah.</p> <p>Kaedah ini selari dengan prinsip wakaf dan MAIN sebagai pemegang amanah bukan pemilik. Walau bagaimanapun tidak disarankan dengan jelas untuk diguna pakai dalam Enakmen Kerajaan Negeri yang berkaitan.</p> |
| | <p>S215 dan 216 Pendaftaran hakmilik melalui kaedah pindahmilik Borang 14A Di Sabah menggunakan borang seperti Jadual XIII Ordinan Tanah Sabah</p> | <p>Pewakaf sebagai pemindah milik dan MAIN sebagai penerima pindahmilik akan menurunkan tandatangan di atas borang 14A.</p> <p>Pewakaf perlu mengemukakan dokumen-dokumen sampingan seperti salinan asal suratan hakmilik harta berkenaan, salinan asal resit cukai tanah dan cukai pintu yang terkini.</p> <p>Proses ini akan berjalan dalam beberapa bulan dan kebiasaannya dalam tempoh 1 hingga 3 bulan.</p> <p>Sekiranya diluluskan PTD akan mendaftarkan nama MAIN sebagai penerima pindahmilik yang sah. Dengan ini, kesemua pendapatan dan perbelanjaan (termasuk cukai tanah dan pintu) berkenaan harta tersebut ditanggung oleh MAIN.</p> <p>Pernyataan MAIN sebagai penerima pindahmilik tidak bertepatan dengan undang-undang wakaf Islam.</p> |

| | | |
|--|--|---|
| | <p>S195, S197 dan S200</p> <p>Kaedah serahan</p> <p>Borang 12A dan 12B</p> | <p>Pewakaf menyerahbalik tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan menggunakan Borang 12A (untuk keseluruhan tanah) dan 12B (untuk sebahagian tanah).</p> <p>Permohonan dibuat secara bertulis dengan menyatakan tujuan penyerahannya. Apa-apa cukai tertunggak perlu dijelaskan terlebih dahulu dan lakaran pelan harta tanah perlu dilampirkan bersama permohonan. Persetujuan bertulis daripada setiap orang atau pihak yang berkepentingan (seperti penyewa, penggadai, dan lain-lain) perlu diperolehi terlebih dahulu.</p> <p>Selepas penyerahan diterima oleh PBN, MAIN dikehendaki untuk memohon semula harta tanah berkenaan dan kelulusan tertakluk atas budibicara PBN. PBN mempunyai budibicara samada memberi milik kepada MAIN dengan mengeluarkan dokumen hakmilik atau merizabkan tanah tersebut bagi tujuan dan kepentingan awam.</p> <p>Sekiranya MAIN diberikan milikan, tempoh pemberimilikan kepada MAIN harus dinyatakan oleh PBN samada untuk selama-lamanya ataupun untuk satu jangkamasa bertempoh. Nilai cukai yang dikenakan juga perlu dinyatakan dan MAIN perlu melunaskan bayaran tersebut (termasuk bayaran premium tanah).</p> <p>Sekiranya PBN memutuskan untuk merizabkan harta tanah tersebut, PBN akan mewartakan tanah tersebut mengikut tujuan awam (S62 KTN)</p> |
|--|--|---|

| | | |
|---|---|--|
| | | Kaedah ini dilihat begitu kompleks dan menyusahkan MAIN sebagai mutawwali. Konsep serahan juga bertentangan dengan undang-undang Islam wakaf. |
| Pemberimilikan (<i>alienation</i>) tanah secara Hakmilik Kekal (<i>perpetuity</i>) dan bertempoh/pegangan pajakan (<i>Leasehold</i>) dibawah KTN. | <p>S76(a) Memperuntukkan tentang kuasa PBN untuk memberikan hakmilik tanah Kerajaan kepada yang berhak bagi suatu jangkama masa tidak melebihi 99 tahun (Pajakan Negeri)</p> <p>S47(1) Memperuntukkan mana-mana pegangan tanah secara pajakan yang telah tamat tempoh hendaklah dikembalikan dan terletakhak kepada PBN</p> <p>S64(1)(2) memberi kuasa kepada PBN untuk membatalkan mana-mana tanah yang direzabkan bagi tujuan awam atau untuk membatalkan apa-apa pajakan bagi tujuan awam.</p> | <p>Pajakan yang telah tamat tempoh masih boleh diperbaharui dengan membuat bayaran premium yang baru. Walau bagaimanapun, disebabkan tiada peruntukan yang khusus berkaitan pembaharuan pajakan yang telah tamat tempoh, tiada jaminan bahawa permohonan akan diberikan.</p> <p>Hakikatnya bukan tanah yang sudah habis tempoh sahaja yang perlu dikembalikan kepada PBN malah kesemua bangunan yang dibina diatasnya juga mesti dikembalikan.</p> <p>Impilaksi yang terhasil daripada tamatnya tempoh pajakan turut mengenai tanah-tanah yang diwakafkan.</p> |

| | | |
|--|---|--|
| | <p>S76 (aa) Pegangan Hakmilik Kekal</p> <p>Kerajaan Negeri boleh memberikan pemilikan tanah secara kekal jika pihak berkuasa negeri berpuas hati bahawa ianya akan digunakan untuk kepentingan awam atau terdapat keadaan-keadaan khas yang sesuai.</p> | <p>Seksyen 76(aa) memperuntukkan pemberian hakmilik kekal dimana ianya diberi jika kerajaan Persekutuan mewajibkan PBN menyebabkan pemberian hakmilik kekal kepada kerajaan persekutuan atau pihak berkuasa awam atau apabila kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri bersetuju untuk membuat geran kekal kepada kerajaan persekutuan. S76 (aa) membolehkan MAIN untuk mengemukakan permohonan bagi Tanah Kerajaan untuk diwakafkan bagi tujuan awam (<i>lrsod</i>).</p> |
| Pemberimilikan Tanah di Negeri Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri melalui Ordinan Tanah, Bab 68. | <p>Di bawah Bahagian 6 (Perhubungan antara Persekutuan dengan Negeri-Negeri) Artikel 74 (Jadual Ke-9) dan Artikel 77 Perlembagaan Persekutuan, hal-hal berhubungkait dengan tanah di Negeri Sabah dan Sarawak adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri masing-masing.</p> | <p>Pengurusan Tanah Wakaf</p> <p>Pengurusan tanah wakaf di Sabah agak berbeza dengan pengurusan tanah wakaf di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Lazimnya, di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, semua tanah milik Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) diwartakan sebagai tanah wakaf.</p> <p>Walau bagaimanapun, di Sabah, tanah milik Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dibahagikan kepada dua jenis iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tanah wakaf 2. Tanah komersial <p>Tanah wakaf adalah tanah bagi tapak masjid, surau, sekolah agama dan kuburan sahaja. Manakala tanah komersial boleh digunakan untuk menjana ekonomi seperti program pelaburan dan sebagainya.</p> |

| AKTA PENGAMBILAN TANAH (APT) /ORDINAN PENGAMBILAN TANAH (SABAH) (Cap 69) | | |
|---|---|--|
| APT diwujudkan selaras dengan prinsip ‘Hak keatas harta’ yang diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan | <p>Artikel 13 Perlembagaan Persekutuan</p> <p>‘Tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang’</p> <p>‘Tiada sesuatu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi.’</p> | <p>APT diwujudkan bagi membolehkan pengambilan harta ‘secara paksa’ dilaksanakan secara sah oleh Kerajaan dan tidak bertentangan dengan Perlembagaan.</p> <p>Artikel 13 ini menekankan bahawa mana-mana pihak yang terlibat dengan pengambilan tanah perlu diberi pampasan yang mencukupi supaya mereka tidak ditindas oleh mana-mana pihak berkuasa yang hendak melaksanakan sebarang projek awam.</p> |
| | <p>S3(1)</p> <p>PBN boleh mengambil mana-mana tanah yang diperlukan</p> <ul style="list-style-type: none"> • bagi mana-mana maksud awam • mana-mana orang/ perbadanan bagi apa-apa maksud pada pandangan PBN memberi faedah kepada pembangunan ekonomi Malaysia @ mana-mana bahagiannya atau kepada orang awam amnya atau mana-mana kumpulan orang awam | <p>Pengambilan mana-mana tanah adalah termasuk tanah wakaf kerana tiada peruntukan pengecualian wakaf sepertimana peruntukan dalam KTN.</p> <p>Maksud awam mengikut akta ini tidak diperjelaskan secara terperinci. Begitu juga dengan pengantian manfaat awam (<i>public benefit</i>) dan kepentingan awam mahupun kemudahan awan juga tidak diperjelaskan oleh APT 1960 ini. Oleh yang demikian, terletak pada PBN secara eksklusif/kuasa tunggal menentukannya sama ada ia maksud awam atau sebaliknya.</p> |

| | | |
|--|--|--|
| | <ul style="list-style-type: none"> • bagi maksud (c) perlombongan atau bagi kediaman, pertanian, perniagaan, perindustrian @ maksud-maksud rekreasi/mana-mana gabungan daripada maksud-maksud tersebut. | <p>Peruntukan ini juga membolehkan pihak kerajaan bertindak mengambil mana-mana tanah yang diperlukan oleh mana-mana orang perseorangan, perkumpulan atau perbadanan bagi maksud memajukan tanah berkenaan untuk maksud pembangunan ekonomi negara. Akibatnya, pengambilan tanah telah dilaksanakan secara berleluasa bagi tujuan melaksanakan projek-projek ekonomi sehingga menimbulkan bantahan awam.</p> |
| | <p>Seksyen 68A APT pula memperuntukkan bahawa pengambilan tanah bagi maksud berfaedah kepada pembangunan ekonomi itu tidak boleh disoal di mahkamah. Ianya bertujuan bagi mengelakkan sebarang pengambilan tanah menjadi tidak sah atas apa-apa pelupusan atau penggunaan yang kemudiannya atau apa saja urus niaga mengenai tanah itu. Walau bagaimanapun undang-undang dalam pengambilan balik tanah individu mengutamakan kepentingan awam lebih dari kepentingan individu.</p> | |

| | | |
|--|---|---|
| | Seksyen 12, 35, 46 and 47 APT memperuntukkan berkenaan dengan pampasan dan kaedah pampasan. | S12 APT tidak memperuntukan konsep tawar menawar atau perbincangan dalam menentukan amaun pampasan yang perlu dibayar dari pengambilan tanah. Lazimnya pampasan yang diterima adalah lebih rendah dari nilai pasaran. Selain itu, tiada pilihan diberi kepada pemilik tanah untuk samada menerima pampasan tunai atau tanah lain sebagai ganti. |
| AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 | | |
| Kenaan cukai taksiran ke atas bangunan wakaf bagi tujuan komersial | Seksyen 134 dan 135 | Seksyen 134 dan 135 tidak memberi pengecualian cukai taksiran kepada bangunan wakaf yang digunakan bagi tujuan komersial. Ini bermakna cukai taksiran yang perlu dibayar ke atas bangunan wakaf ini adalah tinggi dan tidak setimpal dengan hasil sewaan yang diterima yang biasanya pada kadar sewa yang rendah berbanding pasaran kerana tujuannya sebagai bangunan wakaf. Cukai taksiran yang perlu ditanggung dan diakaunkan oleh MAIN ini boleh menjadi tidak bertepatan dengan prinsip perakaunan sekiranya bangunan wakaf itu sendiri tidak diiktiraf atau tidak diakaunkan dalam penyata kewangan. |

7.4 Perundangan Berkaitan Akaun dan Laporan Kewangan

7.4.1 Akta Tatacara Kewangan 1957

Peruntukan Perlembagaan Persekutuan mengenai kewangan kerajaan diperjelaskan lagi melalui Akta Tatacara Kewangan 1957 yang mengawal dan mengelola kewangan awam Malaysia. Akta ini memperuntukkan tatacara kewangan dan perakaunan, termasuklah dari segi pungutan, penjagaan serta pembayaran wang awam Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Menurut Akta Tatacara Kewangan 1957, wang yang dibayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Negeri adalah dianggap sebagai wang awam yang merupakan harta Negeri⁴ dan ia tertakluk kepada tatacara kewangan dan perakaunan yang dinyatakan di dalam Arahan Perbendaharaan. Walaubagaimanapun, Akta Tatacara Kewangan 1957 mendefinisikan ‘wang awam’ sebagai kesemua hasil, pinjaman, amanah, semua bon, debentur dan sekuriti lain yang didapati atau diterima daripada akaun Persekutuan atau akaun Negeri kecuali yang melibatkan Zakat, Fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya.⁵ Ini bermakna sebarang hasil atau terimaan yang berkaitan dengan Wakaf, Zakat dan Baitulmal adalah bukan sebahagian daripada wang awam. Justeru, wakaf, zakat dan sumber baitulmal tidak terikat dengan tatacara kewangan dan perakaunan yang diperuntukkan dalam Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan.

Walaupun secara umum peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 tidak terpakai ke atas perakaunan wakaf, zakat dan sumber baitulmal, terdapat institusi berkaitan yang menerima pakai tatacara kewangan dan perakaunan sepertimana diperuntukan dalam Arahan Perbendaharaan. Daripada lima negeri yang dibuat semakan terhadap perundangan sivil yang mendasari urusan kewangan dan perakaunan mereka, Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah melalui Enakmen Perbadanan Baitulmal adalah institusi yang dengan jelas dinyatakan terikat dengan peruntukan Arahan Perbendaharaan dalam pengurusan kewangannya.⁶

7.4.2 Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 - Akta 240

Akta 240 memperuntukkan badan berkanun sebagai sebuah pertubuhan yang diperbadankan mengikut undang-undang Persekutuan dan merupakan pihak berkuasa awam ataupun agensi kerajaan Malaysia, tetapi tidak termasuk pihak berkuasa tempatan atau badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965.⁷ Peruntukan Akta 240 terpakai kepada semua

⁴ Seksyen 8(2) Akta Tatacara Kewangan 1957.

⁵ Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957.

⁶ Seksyen 24 (2) Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998.

⁷ Seksyen 2 Akta 240.

Badan Berkanun Persekutuan dan perlu dibaca bersama dengan peruntukan Akta yang memperbadankan sesebuah Badan Berkanun Persekutuan itu.⁸ Berbeza dengan Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri termasuk Majlis Agama Islam negeri (selepas ini dinyatakan sebagai Majlis) diperbadankan di bawah enakmen negeri masing-masing seperti Enakmen Perbadanan Baitulmal bagi negeri Sabah.

Akta 240 (Akaun dan Laporan Tahunan) ini antaranya menetapkan had masa tertentu bagi sebuah Badan Berkanun Persekutuan untuk menyediakan dan menyerahkan penyata akaun dan laporan tahunan untuk diaudit oleh Ketua Audit Negara yang kemudiannya akan dibentangkan di Parlimen.

Secara khusus, Seksyen 5(1) Akta 240 menyatakan bahawa akaun disediakan “mengikut prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum” dan penyata akaun disediakan bagi tiap-tiap satu tahun kewangan untuk diaudit. Manakala Seksyen 11(2)(b) memperuntukan “menteri boleh membuat kaedah bagi maksud menjalankan atau menguatkuasakan Akta Badan Berkanun (ABB), menetapkan garispanduan mengenai prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum dan polisi-polisi pelaburan. Peruntukan-peruntukan ini membolehkan pada masa ini PERS/MPERs dan Manual Amalan Terbaik perakaunan digunakan oleh MAIN.

Pengkaji berpendapat peruntukan ini juga boleh digunakan untuk pemakaian Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB yang dicadang dan digubal hasil daripada kajian ini. Selain itu seperti yang telah diterangkan sebelum ini, bidang kuasa pentadbiran undang-undang kewangan Islam adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan berdasarkan kepada Perenggan 4, Senarai I, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan ini pengkaji berpendapat, walaupun hal ehwal WZB merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi perakaunan bagi WZB dan Piawaian Perakaunan Islam yang berkaitan dengannya boleh dimasukkan sebagai sebahagian perkara berkaitan kewangan Islam di bawah bidang kuasa Persekutuan.

7.4.3 Enakmen Kerajaan Negeri Berkaitan Akaun dan Laporan Kewangan

Walaupun Akta 240 adalah akta yang digubal khusus untuk badan berkanun persekutuan, terdapat juga Majlis dan agensi di bawahnya seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan serta Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Melaka dan Majlis Agama Islam Johor turut terikat dengan peruntukan Akta 240 sungguhpun institusi-institusi berkenaan

⁸ Seksyen 3 Akta 240.

bukanlah Badan Berkanun Persekutuan. Hal ini kerana Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri berkenaan dengan jelas menyatakan bahawa peruntukan Akta 240 terpakai bagi Majlis berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.3.

Jadual 7.3: Enakmen Negeri berkaitan Akaun dan Laporan Kewangan

| SELANGOR | |
|---|---|
| Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 pindaan 2011 | Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] tidak terpakai bagi Majlis dan bagi mana-mana perbadanan di bawah Enakmen [Akta] ini. |
| Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 | Tidak dinyatakan |
| NEGERI SEMBILAN | |
| Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 | Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] terpakai bagi Majlis. |
| Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 | Akta Badan Berkanun 1980 tidak terpakai bagi Majlis dan Panel Penasihat berhubung dengan Kumpulan Wang Wakaf. |
| JOHOR | |
| Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 | Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] terpakai bagi Majlis dan bagi mana-mana perbadanan di bawah Enakmen ini. |
| MELAKA | |
| Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 | Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 [Akta 240] terpakai bagi Majlis. |
| Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 | Tidak dinyatakan |
| SABAH | |
| Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004 | Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997 hendaklah terpakai bagi Majlis. |

Berdasarkan Jadual 7.3, terdapat juga Majlis yang tidak lagi menerima pakai Akta 240 ini seperti Majlis Agama Islam Selangor selepas pindaan dibuat terhadap Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 pada 2011⁹ dan Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2003. Walaubagaimanapun, tidak dinyatakan peruntukan perundangan yang digunakan menggantikan Akta 240.

Daripada semakan yang dibuat ke atas perundangan sivil lima negeri, terdapat enakmen khas digubal yang terpakai kepada badan berkanun negeri seperti negeri Sabah, iaitu Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997. Mengikut Enakmen ini, MUIS sebagai badan berkanun negeri perlu menyediakan penyata akaun untuk diaudit serta disiarkan dalam Warta, di samping menerima pakai peruntukan-peruntukan Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-Peruntukan Tambahan) 1997.¹⁰ Selain itu, penyata akaun MUIS dan penyata akaun syarikat subsidiari perlu dihantar kepada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri¹⁰. Seterusnya penyata akaun yang telah diaudit bersama laporan aktiviti itu perlu diserahkan kepada Menteri dalam tempoh sebulan selepas penyata akaun teraudit diterima daripada Ketua Audit Negara. Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998 jelas menekankan pemakaian perundangan Islam apabila memperuntukan bahawa prosedur kewangan dan perakaunan Perbadanan adalah berdasarkan Arahan Perbendaharan dan Undang-Undang Islam.

7.4.4 Garispanduan Bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003)

Garis panduan bertajuk Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) (selepas ini dinyatakan sebagai Amalan Terbaik) dirangka oleh Jabatan Audit Negara selaras dengan hukum syarak dan Arahan Perbendaharaan, dengan mengambil kira piawaian yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia yang bersesuaian. Ia dirangka dengan kerjasama semua Majlis Agama Islam Negeri, Perbendaharaan, Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) ini meliputi bab-bab khusus termasuk bab tentang Tatacara Kewangan, Tatacara Perakaunan, Tatacara Zakat, Tatacara Wakaf dan Persembahan Penyata Kewangan. Antara peruntukan yang terkandung dalam

⁹ Seksyen 85 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) [ENAKMEN A25].

¹⁰ Seksyen 4(3) Enakmen Badan-Badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997.

tatacara kewangan adalah Majlis pada setiap tahun hendaklah menyediakan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan. Anggaran tersebut hendaklah mengambil kira dasar Majlis dan strategi pengurusan bagi tahun belanjawan, langkah-langkah bagi meningkatkan pungutan hasil, tindakan-tindakan meningkatkan kecekapan perbelanjaan, dan arahan mengenai penyediaan anggaran bagi tahun yang berkenaan. Dalam Tatacara Perakaunan, antara peruntukan yang dinyatakan adalah berkaitan wang yang diterima sebagai amanah atau wakaf khas bagi apa-apa maksud perlu diperakaunkan dalam satu akaun khas dalam Akaun Amanah atau Akaun Wakaf. Begitu juga dengan segala pungutan dan agihan wang zakat hendaklah diakaunkan dalam akaun Kumpulan Wang Zakat. Seterusnya, pada akhir setiap tahun kewangan, satu Penyata Kewangan (kutipan dan agihan) hendaklah disediakan, dan Penyata kewangan ini hendaklah disatukan dengan Penyata Kewangan Majlis.

Bagi hal ehwal berkaitan wakaf, Tatacara Wakaf antaranya menetapkan Majlis boleh menerima wakaf bagi harta tak alih dan harta alih yang dibenarkan oleh Majlis disamping wakaf dalam bentuk saham. Untuk menguruskan wakaf, Majlis hendaklah menu buhkan Jawatankuasa Pengurusan Wakaf. Selain itu, hasil atau keuntungan diperolehi daripada mana-mana harta atau penjualan harta wakaf hendaklah diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Wakaf dan mana-mana perbelanjaan berkaitan harta wakaf boleh dibayar daripada akaun wakaf yang berkaitan dengannya. Dari segi persempahan penyata kewangan, tujuan Garispanduan Amalan Terbaik ini adalah untuk penyeragaman pelaporan berdasarkan kesesuaian aktiviti Majlis, terutamanya urusan zakat, fitrah dan harta wakaf dan tujuan meningkatkan akauntabiliti awam melalui penyediaan dan persempahan laporan kewangan, selain untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan lengkap dalam mempersempahkan maklumat kewangan kepada pengguna penyata kewangan.

Tatacara berkaitan penyata kewangan ini menetapkan penyediaan dan persempahan penyata kewangan Majlis hendaklah berdasarkan prinsip perakaunan yang diterima umum yang diguna pakai oleh Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Mengikut tatacara ini Majlis hendaklah menyediakan penyata kewangan sebaik tamat tempoh sesuatu tahun kewangan dan disediakan dengan lengkap dan diaudit tidak lewat dari 6 bulan dari tarikh tamat tempoh perakaunan sesuatu tahun. Tatacara ini juga menyatakan Penyata kewangan hendaklah dibentangkan sekurang-kurangnya mengikut susunan berikut;

- a) Penyata Pengakuan Majlis
- b) Penyata Pengakuan oleh Pegawai Utama
- c) Laporan Juruaudit
- d) Kunci Kira-Kira Majlis

- e) Penyata Pendapatan Majlis
- f) Penyata Aliran tunai Majlis
- g) Nota kepada Penyata kewangan
- h) Nota penjelasan harta
- i) Penyata Kumpulan Wang Zakat dan Fitrah, Wakaf, dan lain-lain kumpulan wang
- j) Penyata lain yang difikirkan perlu.

Tatacara ini jelas menetapkan Majlis perlu menyediakan penyata bagi setiap kumpulan wang utama berserta dengan contoh format setiap satunya. Penyata tersebut akan dipindahkan ke kumpulan wang terkumpul masing-masing di bahagian Ekuiti Majlis (Dibiayai Oleh) di dalam Kunci Kira-kira Majlis. Sekiranya Majlis mempunyai anak syarikat, Majlis perlu menyediakan penyata kewangan yang disatukan dengan syarikat subsidiari itu. Penyata kewangan yang disatukan ini dibuat tertakluk kepada piawaian yang ditetapkan oleh badan perakaunan profesional. Jika tidak disatukan, Majlis perlu menyatakan sebabnya dalam Nota kepada Penyata Kewangan. Dari segi pendedahan aset, selain pendedahan dalam Kumpulan Wang yang berkaitan serta dalam Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan, Nota Penjelasan Harta juga perlu disediakan.

7.4.5 Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf

Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf (MPPW) ini adalah manual yang disediakan oleh Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji (JAWHAR) yang berfungsi antaranya untuk merancang dan menyelaras keperluan serta keseragaman sistem perundangan bagi pembangunan institusi wakaf. Dalam menjalankan fungsi ini, JAWHAR menyedia dan menerbitkan manual ini untuk memperkuuh dan memperkemas pengurusan harta wakaf yang dilihat sebagai amalan terbaik (*best practices*) bagi pengurusan perakaunan wakaf di Malaysia¹¹.

Secara khusus, MPPW disediakan bagi membantu Majlis memperakaunkan harta dan pendapatan wakaf dengan lebih berkesan, mencapai keseragaman kaedah perakaunan dan persembahan penyata perakaunan di antara Majlis, sekaligus mempertingkatkan ketelusan pengurusan wakaf, serta menjadi rujukan utama dalam proses pengauditan penyata kewangan berkaitan wakaf. MPPW juga digunakan sebagai penambahbaikan terhadap

¹¹ Sharifah Zubaidah Syed Abdul kader, Kerangka Undang-undang Pengurusan Wakaf di Malaysia: Ke Arah Keseragaman Undang-undang, Hlm 120, Jurnal Kanun 28 (1), Januari 2016.

Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri (2003) berkaitan wakaf, seperti Bab Tatacara Wakaf dan Bab Persembahan Penyata Kewangan.

Dengan adanya MPPW ini, prosedur perakaunan wakaf dapat diseragamkan dan dapat mencapai matlamat untuk menyediakan prosedur perakaunan wakaf yang menepati hukum syarak, memudahkan pengurusan dan pentadbiran harta wakaf di Majlis, meningkatkan prestasi pengurusan harta wakaf secara sistematik, dan mencerakinkan kekuatan sebenar sumber ekonomi umat Islam dalam bentuk harta wakaf bagi tujuan perancangan dan pembangunan strategik (dengan kata lain memanfaatkan sumber ekonomi umat Islam secara optimum). Jelasnya, Manual ini membantu Majlis sebagai pemegang amanah tunggal yang bertanggungjawab terhadap perakaunan wakaf untuk menyediakan laporan kewangan yang lebih telus. Antaranya MPPW ini menyatakan prinsip-prinsip perakaunan Islam yang menjadi asas kepada prinsip perakaunan wakaf iaitu;

- a) Mencatat transaksi kewangan dengan adil, tepat dan amanah
- b) Pencatat mesti amanah, adil dan memiliki kemahiran serta mengetahui hukum fiqh
- c) Mencatat dengan tepat, teratur dan tidak mengurangi hak sesiapa walaupun sedikit
- d) Mengadakan saksi dan keterangan yang menjelaskan transaksi (sesuatu yang menjelaskan kesahihan sesuatu transaksi)
- e) Sesuatu harta dinilai mengikut asas nilai semasa.

Manual ini juga menerangkan dasar-dasar perakaunan yang perlu diamalkan di dalam penyediaan Penyata Wang Wakaf. Umumnya, Penyata Kewangan Wakaf disediakan berpandukan dasar-dasar perakaunan konvensional sedia ada. Dinyatakan dalam Manual ini, Dasar Perakaunan Wakaf adalah diadaptasikan daripada *Financial Reporting Standard* (FRS) dengan penambahbaikan yang bersesuaian dengan prinsip-prinsip wakaf. Pemakaian dasar-dasar perakaunan wakaf ini adalah tertakluk kepada ketetapan hukum Syarak. Selain itu Manual ini menetapkan prinsip-prinsip perakaunan wakaf yang secara dasarnya menggunakan prinsip-prinsip perakaunan konvensional sedia ada yang disesuaikan dengan prinsip-prinsip wakaf seperti Prinsip Perakaunan Hasil, Prinsip Perakaunan Harta Wakaf, Prinsip Perakaunan Liabiliti, Prinsip Catatan Bergu dan Prinsip Perakaunan Istibdal.

Dari segi perakaunan, MPPW menetapkan kaedah perakaunan wakaf yang diadaptasi dari kaedah-kaedah perakaunan konvensional sedia ada dengan penambahbaikan bagi memenuhi kehendak Syarak. Manual ini menyentuh mengenai penilaian harta wakaf yang perlu diamalkan dalam merekodkan penerimaan, perolehan dan proses Istibdal harta wakaf. Asas penilaian harta wakaf yang dicadangkan dalam Manual ini adalah asas nilai semasa.

Selain itu, Manual ini juga menetapkan tentang Format Penyata Kewangan yang menggunakan format Penyata Kewangan Badan Berkanun dalam persempahan Penyata Kewangan Wakaf yang disediakan seperti yang termaktub dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing kerana Majlis merupakan badan berkanun negeri. Seterusnya juga ditetapkan dalam Manual ini, Penyata Kewangan Wakaf yang mengandungi penyata Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perubahan Kumpulan Wang wakaf hendaklah diaudit dan dibentangkan.

7.4.6 Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (*Private Entities Reporting Standards – PERS/ Malaysian Private Entities Reporting Standards - MPERS*)

Pada masa kajian ini dijalankan, PERS (mulai 2016 MPERS telah digunakan) adalah piawaian perakaunan yang digunakan oleh Institusi WZB dalam memperakaunkan aset termasuklah aset wakaf dan aset baitulmal di bawah kategori aset harta tanah logi dan peralatan, aset harta tanah pelaburan, aset inventori, aset tak ketara, aset pajakan, aset pertanian, zakat dan sumber baitulmal. Piawaian Perakaunan ini secara umum menetapkan penyata kewangan yang perlu disediakan oleh entiti yang menggunakan piawaian ini serta objektif setiap penyata berkenaan, layanan perakaunan dan pendedahan.

7.4.7 Batasan Perundangan Berkaitan Akaun dan Laporan Kewangan

Boleh dirumuskan bahawa perundangan sivil utama iaitu Perlembagaan Persekutuan dan Akta Tatacara Kewangan 1957 tidak mengikat Institusi WZB dari segi kewangan dan perakaunan berkaitan wakaf, zakat dan sumber baitulmal. Ini adalah kerana mengikut perundangan sivil utama ini penerimaan berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal bukan merupakan wang awam.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 didapati jelas mengikat badan berkanun persekutuan. Walau bagaimanapun terdapat juga Majlis bagi sebahagian negeri, mengikut Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing yang menggunakan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 dalam mengakaunkan wakaf, zakat dan sumber baitulmal mereka. Walau bagaimanapun bagi Negeri Selangor melalui Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) 2003 pindaan 2011 dan Negeri Sembilan melalui Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 yang tidak menerima pakai Akta Badan Berkanun, tidak menyatakan secara eksplisit perundangan yang diterima pakai untuk akaun dan laporan kewangan.

Dari segi aset, Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240) tidak menjelaskan tentang tatacara perakaunan dan pendedahan bagi aset. Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan dalam Akta 240 ini tentang pemakaian prinsip-prinsip perakaunan yang diakui umum dan pemakaian garispanduan mengenai prinsip perakaunan yang diakui umum dan polisi perakaunan seperti yang ditetapkan Menteri. Ini bermakna pemakaian Piawaian Perakaunan (pada masa ini MPERS), Garispanduan Amalan Terbaik dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf tidak boleh dipertikaikan.

Walau bagaimanapun, batasan yang boleh dirumuskan daripadanya ialah PERS/MPERS adalah piawaian perakaunan konvensional dan piawaian perakaunan ini juga yang dirujuk oleh Garispanduan Amalan Terbaik termasuk tatacara perakaunan dan pendedahan aset wakaf dan baitulmal. Berdasarkan piawaian perakaunan konvensional, kaedah pengukuran nilai semasa yang melibatkan aliran tunai masa depan yang tidak boleh dipastikan dan kadar diskau adalah tidak selari dengan Prinsip Syariah. Begitu juga dengan wakaf yang menjadi amanah kepada institusi untuk mengurus dan mengakaun harta wakaf sebaik mungkin untuk manfaat wakif atau pemberi wakaf serta waris mereka. Pendedahan aset wakaf bersekali dengan aset-aset Hartanah Loji dan Peralatan yang lain tidak menggambarkan ciri aset tersebut sebagai aset amanah dan Institusi WZB sebagai pemegang amanah. Selain itu, jelas menunjukkan bahawa Garispanduan ini memfokuskan hanya kepada pendedahan maklumat kewangan sedangkan bagi tujuan akauntabiliti mengikut kerangka kerja konseptual perakaunan Islam, maklumat yang didedahkan termasuk maklumat berkaitan aset amanah seperti aset wakaf perlu komprehensif termasuk maklumat kewangan dan bukan kewangan.

Sebagai panduan khusus untuk tatacara perakaunan wakaf, Majlis telah disediakan dengan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf oleh JAWHAR. Antaranya, manual ini memperuntukkan pendedahan bagi Kumpulan Wang Wakaf yang perlu diasingkan kepada Wakaf Am dan Wakaf Khas, prinsip perakaunan wakaf serta kaedah perakaunannya, di samping garispanduan format bagi setiap penyata kewangan. Walaupun agak terperinci, masih terdapat tatacara perakaunan yang tidak menetapi keperluan syariah seperti baki kumpulan wang wakaf yang diakaun dan didedahkan sebagai ekuti yang tidak menunjukkan amanah institusi mentadbir kepada pewakaf dan warisnya. Dari segi penilaian aset wakaf, walaupun manual ini mencadangkan asas nilai semasa digunakan tetapi ia tidak menyatakan kaedah pengukuran nilai semasa yang patuh syariah yang perlu diguna pakai. Selain itu, sepertimana Garispanduan Amalan Terbaik, Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf juga hanya memfokuskan kepada pendedahan maklumat kewangan yang tidak mencukupi bagi mencapai tujuan pelaporan dalam perakaunan Islam iaitu tujuan akauntabiliti secara holistik kepada Allah dan kepada masyarakat keseluruhannya.

Selain daripada itu, perlu juga ditekankan bahawa kedua-dua Garispanduan Amalan Terbaik dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf ini tidak bersifat mengikat Majlis dan entiti di bawahnya memandangkan kedua-duanya tidak digubal oleh Parlimen atau pun Dewan Undangan Negeri. Sebaliknya, Jabatan Audit Negara (yang merangka garispanduan Amalan Terbaik) dan JAWHAR (yang menyediakan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf) merupakan institusi kerajaan di bawah cabang eksekutif yang sepatutnya melaksanakan undang-undang yang telah digubal oleh Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

Walau bagaimanapun, kedua-dua Garispanduan dan Manual berkenaan boleh dikatakan bersifat sebagai perundangan subsidiari¹² kerana jika rujukan dibuat kepada Item 7 (f), Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, Jabatan Audit Negara dan JAWHAR yang merupakan agensi Kerajaan Persekutuan mempunyai bidang kuasa untuk menggubal undang-undang berkaitan tatacara perakaunan seperti Amalan Terbaik dan Manual tersebut. Yang pentingnya, sesebuah undang-undang subsidiari perlu selari dengan keperluan Akta Parlimen atau Enakmen Negeri.¹³ Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa selagi mana kedua-duanya tidak bercanggah dengan peruntukan mananya Akta atau Enakmen, garispanduan Amalan Terbaik dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf boleh mengikat Majlis. Walau bagaimanapun, dari segi amalan perakaunan dan pelaporan Majlis pada masa kini, walaupun terdapat garispanduan Amalan Terbaik, sesetengah negeri mengeluarkan garispanduan pengurusan kewangan Majlis negeri masing-masing seperti Johor dan Negeri Sembilan. Implikasinya, wujud ketidakseragaman dari segi perakaunan dan pendedahan dalam penyata kewangan (termasuk perakaunan dan pendedahan aset amanah seperti aset wakaf) antara satu Majlis dengan Majlis yang lain. Situasi sebegini menjadi suatu batasan terhadap perundangan sivil berkaitan akaun dan pelaporan kewangan Institusi WZB.

7.5 Kesimpulan

Bab ini telah melapor dan membincangkan dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian berkaitan batasan perundangan dalam mengaplikasikan Piawaian Perakaunan Islam bagi Insitusi WZB.

¹² Menurut seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 & 1967 (Akta 388) yang terpakai bagi mentafsirkan Perlembagaan Persekutuan, “perundangan subsidiari” bermaksud apa-apa Perintah dalam Majlis Mesyurat, proklamasi, kaedah, peraturan, perintah, pemberitahuan, undang-undang kecil (*by-law*) atau surat cara lain yang dibuat di bawah mana-mana Ordinan, Enakmen atau kuasa sah yang lain dan mempunyai kuat kuasa perundangan (*legislative effect*).

¹³ Seksyen 23(1) dan Seksyen 87(d) Akta Tafsiran 1948 & 1967 (Akta 388).

Bab ini melaporkan hasil semakan kepada perundangan sivil utama mahupun perundangan syariah yang berkaitan dengan aset Institusi WZB dan semakan terhadap perundangan yang berkaitan dengan akaun dan laporan kewangan. Batasan dalam perundangan-perundangan tersebut telah dilaporkan dan implikasi perakaunan daripada batasan tersebut telah dibincangkan. Justeru, adalah menjadi satu keperluan yang mendesak agar piawaian perakaunan khusus untuk Institusi WZB digubal dalam memperakaun dan melaporkan hal ehwal kewangan berkaitan wakaf, zakat dan baitulmal. Selain itu untuk memudahkan pemakaian Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB berkenaan, Manual Perakaunan dan Pelaporan Kewangan yang memenuhi Prinsip Syariah sepenuhnya perlu dikeluarkan.

BAB LAPAN

CADANGAN PEMBANGUNAN PIAWAIAN

PERAKAUNAN

8.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan cadangan kepada pembangunan piawaian bagi memenuhi objektif kajian yang keempat iaitu mencadangkan maklumat sebagai asas pembangunan piawaian perakaunan Islam (mengkhusus kepada aspek aset sahaja) bagi Institusi WZB.

Cadangan yang diutarakan menyentuh tentang bentuk piawaian serta kandungan piawaian. Cadangan kandungan piawaian mengambil kira dapatan objektif pertama hingga ketiga dan dengan berpandukan Senarai Item Pendedahan Patuh Syariah yang telah dibangunkan dalam Fasa Pertama.

8.2 Bentuk Piawaian Perakaunan

Laporan penyelidikan Fasa Pertama mencadangkan agar satu set piawaian khusus dibangunkan untuk memenuhi keperluan institusi yang mentadbir Wakaf, Zakat dan Baitulmal, yang selari dengan bentuk MPERS. Sehubungan itu cadangan untuk Fasa Kedua ini merupakan sambungan kepada cadangan yang telah dikemukakan dalam Fasa Pertama.

Jadual 8.1 memaparkan contoh kandungan Piawaian Perakaunan Islam Bagi Institusi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal. Seperti yang dapat dilihat di dalam Jadual 8.1, Seksyen 1-12 adalah cadangan dari Fasa Pertama dan cadangan dari Fasa Kedua adalah liputan bagi seksyen 14, 16, 17, 18, 19, 20 dan 21 manakala seksyen 22 dan seterusnya ialah untuk isu yang dikaji dalam Fasa Ketiga dan Keempat.

Selain dari itu dicadangkan agar satu bahagian apendiks baru ditambah iaitu Lampiran 2 yang dikhkususkan untuk takrifan terma. Dengan adanya bahagian Takrifan Terma ini maka semua definisi terma yang sebelum ini dimasukkan di bahagian Definisi di dalam setiap piawaian khusus, diletakkan di bahagian takrifan terma bagi memudahkan rujukan dibuat. Pendekatan

ini digunakan dalam MPERS dan turut digunakan dalam piawaian MFRS 16 *Leases* yang diterbitkan bagi menggantikan MFRS 117.

Jadual 8.1: Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi

| Seksyen | Butiran | Asas Rujukan | Tindakan |
|-------------------|---|---------------|------------|
| 1 | Entiti pelapor | | Fasa 1 |
| 2 | Objektif Pelaporan | | |
| 3 | Konsep dan Prinsip yang Mendasari Pelaporan | | |
| 4 | Komponen Pelaporan <ul style="list-style-type: none"> • Persembahan Maklumat Bukan Kewangan • Persembahan Maklumat Kewangan | | |
| 5 | Persembahan Maklumat Bukan Kewangan | | |
| 6 | Penyata Kedudukan Kewangan | | |
| 7 | Penyata Prestasi Kewangan | | |
| 8 | Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti | | |
| 9 | Penyata Alir Tunai | | |
| 10 | Nota Kepada Akaun | | |
| 11 | Penyata Kewangan Disatukan dan Penyata Kewangan Berasingan | | |
| 12 | Polisi Perakaunan, Anggaran Perakaunan dan Kesilapan | | |
| 13 | Instrumen kewangan | | Fasa 3 & 4 |
| 14 | Inventori | MPSAS 12 | Fasa 2 |
| 15 | Pelaburan dalam syarikat bersekutu, usaha sama dan pengaturan bersama | | Fasa 3 & 4 |
| 16 | Hartanah pelaburan | MPSAS 16 | Fasa 2 |
| 17 | Hartanah, loji dan peralatan | MPSAS 17 | |
| 18 | Aset tak ketara | MPSAS 31 | |
| 19 | Pajakan | MPSAS 13 | |
| 20 | Pertanian | MPSAS 27 | |
| 21 | Rosot nilai aset | MPSAS 21 & 26 | |
| 22 dan seterusnya | | | Fasa 3 & 4 |
| Lampiran 1 | Tarikh kuat kuasa & peruntukan transisi | | |
| Lampiran 2 | Takrifan terma | | |

8.3 Cadangan Kandungan Piawaian

Kajian dalam Fasa Kedua memberi tumpuan kepada isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi inventori, harta tanah pelaburan, harta tanah, loji dan peralatan, aset tak ketara, pajakan, rosot nilai dan pertanian. Cabaran untuk isu yang dikaji dalam Fasa Kedua, ialah untuk memasukkan perbincangan dan contoh yang bersesuaian dengan aktiviti serta urus niaga yang dilibatkan oleh Institusi WZB bagi memastikan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan adalah selaras dengan keperluan syariah.

Ketetapan berikut telah digunakan dalam mencadangkan kandungan piawaian:

- a) Keperluan MPSAS yang tidak bercanggah dengan keperluan syariah akan **dikekalkan** dan dibuat pindaan di mana perlu;
- b) Keperluan syariah yang tidak terdapat dalam MPSAS akan **ditambah**;
- c) Keperluan MPSAS yang bercanggah/tidak selari dengan keperluan syariah akan **dipinda** atau **dikeluarkan**; dan
- d) Keperluan MPSAS yang tidak relevan dengan aktiviti Institusi WZB akan **dikeluarkan**.

8.3.1 Skop Seksyen

Piawaian yang dicadangkan ialah satu set piawaian khusus yang dibangunkan untuk memenuhi keperluan institusi yang mentadbir Wakaf, Zakat dan Baitulmal dengan liputan bagi setiap tajuk khusus dibincangkan mengikut seksyen. Contohnya Seksyen 16 menyentuh tentang perakaunan dan pelaporan bagi Hartanah Pelaburan manakala Seksyen 17 menyentuh tentang perakaunan dan pelaporan bagi harta tanah, loji dan peralatan. Sehubungan itu dicadangkan agar skop bagi seksyen diperkenalkan. Skop Seksyen bertujuan untuk menjelaskan liputan bagi seksyen berkenaan dan apa yang berada di luar skop. Jadual 8.2 memberikan contoh liputan seksyen dan skop seksyen.

Jadual 8.2 Contoh Liputan Seksyen dan Skop Seksyen

| SEKSYEN 17 | |
|---------------------------------------|--|
| HARTANAH, LOJI & PERALATAN | |
| Skop seksyen | |
| 17.1 | Seksyen ini terpakai untuk perakaunan bagi harta tanah, loji dan peralatan umum dan harta tanah, loji dan peralatan amanah. |
| 17.2 | Hartanah, loji dan peralatan ialah item ketara yang <ul style="list-style-type: none"> (a) dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau pembekalan barang atau perkhidmatan, untuk sewaan kepada pihak lain, atau untuk tujuan pentadbiran; dan (b) dijangka digunakan melebihi satu tempoh pelaporan. |
| 17.3 | Hartanah, loji dan peralatan tidak termasuk: <ul style="list-style-type: none"> (a) Aset biologi yang berkaitan dengan aktiviti pertanian; atau (b) Hak mineral dan rizab mineral seperti minyak, gas asli dan sumber bukan penjanaan semula yang serupa |
| Pengiktirafan | |
| Pengukuran | |
| Pendedahan | |

8.3.2 Cadangan Liputan Piawaian

Cadangan liputan piawaian bagi isu yang dikaji dipaparkan dalam Jadual 8.3 hingga Jadual 8.10. Perenggan MPSAS yang sedia ada dijadikan sebagai asas untuk membuat cadangan. Merujuk kepada Jadual 8.3, lajur pertama menyenaraikan kandungan mengikut isu (contohnya pengiktirafan, pengukuran, penyahiktirafan dan pendedahan), lajur kedua memberikan perenggan yang membincangkan isu berkenaan (contohnya bagi MPSAS 16 Hartanah Pelaburan, perenggan 20-25 membincangkan tentang pengiktirafan dan perenggan 26-65 membincangkan tentang pengukuran), lajur ketiga (Kesesuaian MPSAS) mencadangkan kesesuaian perenggan berkenaan iaitu sama ada perlu dikekalkan, dipinda, ditambah atau dikeluarkan, lajur keempat (Huraian) memberikan huraian tentang pengubahsuaian (pinda, tambah atau keluar) dan lajur terakhir menyenaraikan sumber yang dijadikan rujukan.

Jadual 8.3: Seksyen 14 Inventori

| Kandungan | CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 12 | | | SUMBER |
|-----------|-------------------------------|------------------------|--|------------------|
| | Perenggan MPSAS 12 | Kesesuaian MPSAS 12 | Huraian | |
| Objektif | 1 | | Dinyatakan dalam Seksyen 1 | |
| Skop | 2-8 | Pinda | | |
| | 2-3 | | <p>Skop Seksyen</p> <p>14.1 Seksyen ini menetapkan prinsip bagi mengiktiraf dan mengukur inventori dan inventori amanah.</p> <p>14.2 Inventori adalah aset:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) dalam bentuk bahan atau bekalan yang akan digunakan dalam proses pengeluaran; b) dalam bentuk bahan atau bekalan yang akan digunakan ataupun diagihkan semasa menyediakan perkhidmatan; c) dipegang untuk jualan atau pengagihan semasa menjalankan operasi biasa; atau d) dalam proses pengeluaran untuk jualan atau pengagihan. <p>14.3 Inventori amanah ialah inventori di bawah KWW dan KWZ.</p> | MPERS & MPSAS 12 |

| | | | | |
|---------------------------|----------|-----------|--|--|
| | | | <p>14.4 Seksyen ini terpakai kepada semua inventori kecuali:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) kerja dalam kemajuan bagi kontrak pembinaan termasuk kontrak perkhidmatan yang mempunyai perkaitan langsung; b) instrumen kewangan; c) aset biologi yang berkait dengan aktiviti pertanian dan keluaran pertanian pada titik tuaian; dan d) Kerja dalam proses bagi perkhidmatan yang akan disediakan tanpa atau dengan pertimbangan nominal sebagai balasan terus daripada penerima. | |
| | 4 | Keluarkan | Dinyatakan dalam Seksyen 1 | |
| | 5, 6 & 8 | Keluarkan | Tidak relevan | |
| | 7 | Kekal | | |
| Definisi/Takrif | 9 | Pinda | <ul style="list-style-type: none"> • Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma • Tambah takrif inventori amanah: Inventori amanah ialah inventori di bawah KWW dan KWZ. | |
| Nilai boleh realis bersih | 10 | Kekal | | |
| Inventori | 11 | Tambah | <p>Huraian tentang contoh inventori amanah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tanah dan harta tanah yang dipegang untuk dijual tidak sesuai sebagai inventori Institusi WZB. | |

| | | | | |
|----------------------|---------|----------------|---|--|
| | | | <ul style="list-style-type: none"> Inventori yang dipegang oleh Institusi WZB adalah bertujuan untuk pemberian perkhidmatan dari untuk jualan semula. Ini termasuk bahan atau bekalan yang dipegang untuk tujuan pemberian perkhidmatan seperti buku, ubat-ubatan (bagi pusat dialisis), bekalan (bagi pusat perlindungan wanita) dan bahan & bekalan yang diperolehi di bawah KWZ tetapi belum diagihkan kepada kumpulan asnaf yang telah dikenalpasti. | |
| | 12 | Pinda / Tambah | <ul style="list-style-type: none"> Inventori dan inventori amanah bagi Institusi WZB boleh merangkumi: Keluarkan 12 (a), (e), (f), (g) & (i) kerana tidak relevan dengan aktiviti WZB dan kekalkan yang lain. Tambah – bahan dan bekalan yang telah dibeli menggunakan KWZ tetapi belum diagihkan kepada kumpulan asnaf yang telah dikenal pasti. | |
| | 13 & 14 | Keluarkan | Tidak relevan dengan aktiviti WZB | |
| Pengukuran inventori | 15 | Pinda | Inventori hendaklah diukur pada nilai boleh realis bersih. Sekiranya nilai boleh realis bersih tidak | Pengukuran berdasarkan kos semasa lebih diutamakan (MASB SOP). Walau bagaimanapun, |

| | | | | |
|---------------|-------|-------|---|---|
| | | | dapat diukur dengan munasabah maka kos boleh digunakan. | asas ukuran kos sejarah adalah tidak menyalahi syarak (Ustaz Engku Fadzil), dan dengan itu masih boleh dijadikan asas ukuran dalam kes tertentu. |
| | 16 | Kekal | | |
| | 17 | Pinda | Inventori hendaklah diukur pada kos penggantian semasa. Sekiranya kos penggantian semasa tidak dapat diukur dengan munasabah maka kos boleh digunakan. | Pengukuran berdasarkan kos semasa lebih diutamakan (MASB SOP). Walau bagaimanapun, asas ukuran kos sejarah adalah tidak menyalahi syarak (Ustaz Engku Fadzil), dan dengan itu masih boleh dijadikan asas ukuran dalam kes tertentu. |
| Kos inventori | 18-25 | Kekal | | |
| | 26 | Pinda | Kos pinjaman/pembayaran yang diambil kira sebagai sebahagian dari kos inventori hanya mengambil kira kos pembayaran yang patuh syariah. | Surah Al-Baqarah ayat 275 – dalil pengharaman riba |
| | 27 | Pinda | Pembelian inventori mengikut terma penyelesaian tertunda yang melibatkan elemen pembayaran maka pembayaran hendaklah dibuat dalam kontrak yang patuh syariah dan tidak melibatkan riba. | Surah Al-Baqarah ayat 275 – dalil pengharaman riba |
| | 28 | Kekal | | |
| | 29 | Kekal | | |

| | | | | |
|---|-------|--------|--|---|
| | | Tambah | Inventori hasil pertanian dari aset pertanian wakaf hendaklah dikelaskan sebagai inventori amanah yang diiktiraf dalam KWW dan didedah secara berasingan. | Prinsip pembentangan dan pendedahan mengikut kerangka syariah (Bab 6) |
| Formula kos | 30-37 | Kekal | | |
| Nilai realisasi bersih | 38-42 | Gugur | Tidak relevan dengan aktiviti WZB | |
| | | Tambah | Amalan mengukur inventori pada nilai realisasi bersih lebih menggambarkan nilai sebenar atau nilai semasa aset yang selari dengan keperluan syariah yang memberi keutamaan kepada ukuran yang berasaskan nilai semasa. | Pengukuran kos semasa lebih diutamakan (MASB SOP). |
| | | Tambah | Apabila berlaku kerosakan bagi inventori amanah dan berlaku penurunan nilai realisasi bersih, penurunan nilai tersebut diktiraf sebagai belanja dalam kumpulan wang yang berkaitan (Contoh KWW bagi penurunan nilai inventori wakaf) | |
| Pengagihan barang tanpa caj atau dengan caj nominal | 43 | Kekal | | |
| Pengiktirafan sebagai belanja | 44-46 | Kekal | | |
| Pendedahan | 47-50 | Kekal | | |
| | | Tambah | <ul style="list-style-type: none"> • Pendedahan inventori mengikut kumpulan wang • Pengasingan pendedahan inventori umum & inventori amanah | Prinsip pembentangan dan pendedahan mengikut kerangka syariah (Bab 6) |

Jadual 8.4: Seksyen 16 Hartanah Pelaburan

| Kandungan | CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 16 | | | SUMBER RUJUKAN |
|-----------|-------------------------------|------------------------|--|----------------|
| | Perenggan MPSAS 16 | Kesesuaian MPSAS 16 | Huraian | |
| Objektif | | Keluarkan | Dinyatakan dalam Seksyen 1 | MPERS |
| Skop | 2 - 6 | Pinda | <p>Skop seksyen</p> <p>Seksyen ini terpakai untuk perakaunan bagi pelaburan dalam tanah atau bangunan yang memenuhi definisi hartaanah pelaburan atau hartaanah pelaburan amanah serta hartaanah yang dipegang oleh pemajak di bawah pajakan operasi yang diakaunkan seperti hartaanah pelaburan.</p> <p>Hartaanah pelaburan ialah hartaanah (tanah atau bangunan atau sebahagian bangunan atau kedua-duanya) yang dipegang untuk menjana hasil sewa atau untuk peningkatan modal, atau kedua-duanya dan bukan untuk digunakan</p> <p>a) dalam pengeluaran atau pembekalan barang atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran; atau</p> <p>b) untuk dijual dalam operasi biasa</p> | MPERS |
| Definisi | 7 | Pinda | <ul style="list-style-type: none"> Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma | |

| | | | | |
|---|--------|--------|---|---|
| | | | <ul style="list-style-type: none"> • Tambah - Definisi harta tanah pelaburan amanah Harta tanah pelaburan amanah ialah harta tanah pelaburan di bawah KWW dan KWZ | |
| Harta yang dipegang oleh pemajak di bawah pajakan operasi | 8 | Kekal | | |
| Harta tanah pelaburan | 9 - 19 | Pinda | <ul style="list-style-type: none"> • Guna contoh bersesuaian dengan aset wakaf, zakat dan baitulmal. Contoh: Tanah atau bangunan wakaf atau bangunan baitulmal yang disewakan untuk tujuan komersial bagi menjana pendapatan seperti tanah wakaf yang disewakan kepada pihak ketiga untuk menjalankan aktiviti pertanian atau untuk dibangunkan menara telekomunikasi oleh syarikat telekomunikasi; bangunan pejabat atau bangunan rumah kedai yang disewakan dan papan tanda iklan yang dibangunkan di atas tanah wakaf untuk disewakan. • Perenggan 12 (a) perlu dipinda - Tanah wakaf tidak boleh dijual, hanya boleh ditukar ganti melalui proses Istibdal. | |
| | | Tambah | <ul style="list-style-type: none"> • Aset tanah dan bangunan KWW (Wakaf Am) dan KWB yang dipegang semata-mata untuk | <ul style="list-style-type: none"> • Nabi bersabda; "دَيْنُ صَدَقَةٍ لِهَا وَسَبَقَتْهَا" yang bermaksud, tahanlah asalnya |

| | | | | |
|----------------------------------|---------|-------|---|--|
| | | | <p>disewakan diiktiraf sebagai harta tanah pelaburan. Kontrak yang terlibat mesti memenuhi syarak.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan mengenai pengekalan ain bagi aset wakaf. • Pegangan untuk tujuan tambah nilai modal (<i>capital appreciation</i>) tertakluk kepada konsep pengekalan ain yang dipegang oleh MAIN bagi aset KWW. • Aset harta tanah Wakaf am yang belum ditentukan tujuan penggunaannya, perlu diakaunkan sebagai harta tanah pelaburan selaras dengan piawaian ini. | <p>dan jadikan hasilnya sedekah untuk fisabilillah (Kisah Saidina Umar mendapat tanah wakaf untuk diuruskan).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bermaksud, ain asal sesuatu harta wakaf mesti dikekalkan, namun manfaatnya boleh digunakan untuk kebaikan. |
| Pengiktirafan | 20 - 25 | Kekal | | |
| Pengukuran semasa pengiktirafan | 26 - 38 | Kekal | | |
| Pengukuran selepas pengiktirafan | 39 - 65 | Pinda | <p>Selepas pengiktirafan awal, harta tanah pelaburan diakaunkan berdasarkan model nilai saksama. Sekiranya nilai saksama aset tidak dapat diukur dengan munasabah maka model kos boleh digunakan.</p> | <p>Pengukuran berdasarkan kos semasa lebih diutamakan (MASB SOP). Walau bagaimana pun, ukuran berdasarkan kos sejarah adalah tidak menyalahi syarak (Ustaz Engku Fadzil), dan dengan itu masih boleh dijadikan asas ukuran dalam kes tertentu.</p> |

| | | | | |
|---------------------|---------|-------|---|---|
| Polisi perakaunan | 39-41 | Pinda | Keutamaan perlu diberikan kepada polisi yang selari dengan keperluan untuk menilai aset berdasarkan nilai semasa | Pengukuran berdasarkan kos semasa lebih diutamakan (MASB SOP). |
| Model nilai saksama | 42 - 64 | Kekal | | |
| Model kos | 65 | Kekal | | |
| Pindahan | 66 - 76 | Pinda | <ul style="list-style-type: none"> • Pindahan dari Hartanah Pelaburan kepada Inventori dan sebaliknya tidak bersesuaian untuk aset KWW • Guna contoh bersesuaian dengan aset wakaf, zakat dan baitulmal. Contoh: Bangunan wakaf yang sebelum ini disewakan untuk tujuan komersial dijadikan pusat perlindungan wanita (pertukaran dari hartanah pelaburan kepada HLP) atau bangunan wakaf yang sebelum ini digunakan untuk tujuan pentadbiran disewakan untuk tujuan komersial (pertukaran dari HLP kepada hartanah pelaburan). | Tidak boleh berlaku kontrak pertukaran atau kontrak jual beli bagi aset KWW (Bab 6) |
| Pelupusan | 77 - 84 | Kekal | | |
| Pendedahan | 85 - 90 | Pinda | <ul style="list-style-type: none"> • Pendedahan aset perlu dilakukan mengikut kumpulan wang • Asingkan hartaanah pelaburan umum dan hartaanah pelaburan amanah • Pendedahan berkaitan pindahan dari Hartanah Pelaburan kepada Inventori dan sebaliknya tidak bersesuaian untuk aset KWW | Prinsip pembentangan dan pendedahan mengikut kerangka syariah (Bab 6). |

Jadual 8.5: Seksyen 17 Hartanah, Loji dan Peralatan

| Kandungan | CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 17 | | | SUMBER RUJUKAN |
|-----------|-------------------------------|------------------------|---|----------------|
| | Perenggan MPSAS 17 | Kesesuaian MPSAS 17 | Huraian | |
| Objektif | 1 | Keluarkan | Dinyatakan dalam Seksyen 1 | MPERS |
| Skop | 2-8 | Pinda | <p>Skop seksyen</p> <p>Contoh:</p> <p>Seksyen ini terpakai untuk perakaunan bagi hartanah, loji dan peralatan umum dan hartanah, loji dan peralatan amanah.</p> <p>Hartanah, loji dan peralatan ialah item ketara yang</p> <ul style="list-style-type: none"> (c) Dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau pembekalan barang atau perkhidmatan, untuk sewaan kepada pihak lain, atau untuk tujuan pentadbiran; dan (d) Dijangka digunakan melebihi satu tempoh pelaporan. <p>Hartanah, loji dan peralatan amanah ialah HLP di bawah KWW dan KWZ</p> <p>Hartanah, loji dan peralatan tidak termasuk:</p> | MPERS |

| | | | | |
|---------------|-------|--------|---|-------|
| | | | <p>(a) Aset biologi yang berkaitan dengan aktiviti pertanian; atau</p> <p>(b) Hak mineral dan rizab mineral seperti minyak, gas asli dan sumber bukan penjanaan semula yang serupa</p> | |
| Aset Warisan | 9-12 | Kekal | | |
| Definisi | 13 | Pinda | <ul style="list-style-type: none"> • Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma • Tambah - Definisi aset hartanah, loji dan peralatan amanah. Hartanah, loji dan peralatan amanah ialah HLP di bawah KWW dan KWZ | MPERS |
| Pengiktirafan | 14-41 | | | |
| | 14 | Pinda | Kos hartanah, loji dan peralatan (kecuali wakaf khas untuk tujuan kebajikan) perlu diiktiraf sebagai aset jika dan hanya jika: | |
| | | Tambah | <ul style="list-style-type: none"> • Aset HLP yang dipegang sebagai amanah perlu diasingkan dari HLP umum entiti • Perbincangan tentang pengiktirafan dan pengukuran aset wakaf khas dan wakaf am • Aset hartanah Wakaf am yang belum ditentukan tujuan penggunaannya, perlu | |

| | | | | |
|--|--|--------|--|--|
| | | | diakaunkan sebagai hartaanah pelaburan selaras dengan Seksyen 16. | |
| | | Tambah | <ul style="list-style-type: none"> • Titik pengiktirafan mengikut syariah bagi aset yang diterima sebagai wakaf • Aset wakaf boleh diiktiraf sama ada pada tarikh penerimaan Hujah Wakaf atau pada tarikh perletakhakan berkanun (<i>statutory vesting</i>). • Penerimaan hujah wakaf- titik di mana harta dipindahkan kepada MAIN. (Nota: Hujah Wakaf perlu diperkasakan agar boleh diterima sebagai dokumen bukti) • Tarikh perletakhakan (<i>statutory vesting</i>) – dokumen Perletakhakan diterima sebagai dokumen bukti. | <ul style="list-style-type: none"> • Keperluan syariah: Berdasarkan kaedah “إلا عادة محددة كمنة” (kebiasaan praktis kumpulan berikan kesan kepada hukum/ mengambil uruf sebagai sumber hukum) • Wakaf secara lisan– Pewakaf berniat yang dilafazkan – sudah memadai mengikut syarak tetapi tiada bukti bertulis • Penerimaan hujah wakaf – bukti bertulis harta diserahkan kepada MAIN (perlu ada hujah wakaf demi menjaga kemaslahatan ummah agar tidak timbul pertikaian) • Geran atas nama MAIN – dokumen yang sah dari segi undang-undang sebagai bukti |

| | | | | |
|--|--|---------------------------------------|---|---|
| | | | | <p>pindah milik (torrent system) – bukti yang terbaik</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perletakhakan berkanun (<i>statutory vesting</i>) S416C Kanun Tanah Negara – dokumen perletakhakan berkanun yang menamakan MAIN sebagai pemegang amanah kepada harta yang diserahkan untuk tujuan wakaf |
| | | Tambah (perenggan perbincangan) | <ul style="list-style-type: none"> • Titik pengiktirafan mengikut syariah bagi aset bahagian faraid bagi baitulmal. • Aset bahagian faraid yang diterima diiktiraf sama ada pada tarikh penerimaan perintah mahkamah atau pada tarikh perpindahan hak berdasarkan geran atas nama MAIN. • Perintah mahkamah - titik di mana bahagian harta yang menjadi hak Baitulmal ditetapkan - boleh diterima sebagai dokumen bukti • Geran atas nama MAIN - diterima sebagai dokumen bukti | <ul style="list-style-type: none"> • Keperluan syariah: Berdasarkan kaedah "العادة المحمدة" (kebiasaan praktis kumpulan beri kesan kepada hukum/ mengambil uruf sebagai sumber hukum) • Perintah mahkamah - sudah menepati syariah dan boleh dikira sebagai bukti • Geran atas nama MAIN - dokumen yang sah dari segi undang-undang sebagai bukti pindah milik (torrent system) - bukti yang terbaik |

| | | | | |
|--|--|--------|---|---|
| | | Tambah | Bangunan KWW atau KWB yang dibina di atas tanah kumpulan wang yang lain (Contoh: bangunan KKB dibina atas tanah KWW) atau di atas tanah yang bukan milik MAIN (Contoh: bangunan KWW dibina di atas tanah milik Kerajaan Negeri) diiktiraf sebagai bangunan kumpulan wang berkenaan, selaras dengan ketetapan Fatwa. | Pendapat pakar syariah: Bangunan KWW atau KWB boleh dibina di atas tanah kumpulan wang lain atau tanah yang bukan milik MAIN |
| | | Tambah | Aset HLP yang diperolehi menggunakan KWZ diiktiraf sebagai aset HLP di bawah KWW atau KWZ atau KWB, selaras dengan ketetapan Fatwa. | Pendapat pakar syariah: Pembelian aset menggunakan dana KWZ: <ul style="list-style-type: none">• perlu diangkat kepada Majlis Fatwa - jika ada keperluan dibolehkan.• Pembelian aset atau pelaburan dibenarkan jika wang zakat 'berlebihan' .• Pembelian aset menggunakan dana KWZ untuk kegunaan asnaf adalah asas kepada penjagaan asnaf (elak mudarat jika serah tunai semata-mata) |

| | | | | |
|---------------------------------|---------|-------|--|---|
| | | | | <p>Untuk iktiraf sebagai PPE di bawah KWW, KWZ atau KWB:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlu ada mekanisma di mana MAIN menyerahkan kepada asnaf & kemudian asnaf menyerahkan semula di bawah kontrak hibah • Dilaporkan sebagai aset amanah |
| Kos awal | 22 | Kekal | | |
| Kos susulan | 23-25 | Kekal | | |
| Pengukuran semasa pengiktirafan | 26 - 29 | | | |
| | 28 | Pinda | <ul style="list-style-type: none"> • Guna contoh bersesuaian dengan aset wakaf, zakat & baitulmal seperti aset yang diterima melalui serahan oleh pewakif sebagai wakaf, aset wakaf yang diterima melalui proses istibdal, aset anugerah kerajaan untuk kegunaan MAIN dan tanah bahagian faraid. • Aset HLP amanah perlu diasingkan dari aset HLP umum entiti. Contoh tanah yang | |

| | | | | |
|----------------------------------|---------|-------|--|--|
| | | | <p>dianugerahkan oleh kerajaan negeri sebagai wakaf (HLP amanah) perlu diasingkan dari tanah yang anugerahkan oleh kerajaan negeri untuk kegunaan MAIN (HLP umum).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Aset HLP yang diterima melalui Istibdal diukur pada nilai saksama pada tarikh Istibdal. | |
| Elemen kos | 30 - 36 | Kekal | | |
| Pengukuran kos | 37 - 41 | Kekal | | |
| Pengukuran selepas pengiktirafan | 42 | Pinda | <p>Selepas pengiktirafan sebagai aset, harta tanah, loji & peralatan diakaunkan berdasarkan model penilaian semula. Sekiranya nilai saksama aset tidak dapat diukur dengan munasabah maka model kos boleh digunakan.</p> | <p>Pengukuran berasaskan kos semasa lebih diutamakan (MASB SOP). Walau bagaimana pun, ukuran berasaskan kos sejarah adalah tidak menyalahi syarak (Ustaz Engku Fadzil), dan dengan itu masih boleh dijadikan asas ukuran dalam kes tertentu.</p> |
| Model kos | 43 | Kekal | | |
| Model penilaian semula | 44 - 58 | Kekal | | |
| Susutnilai | 59 - 78 | Kekal | | |
| Rosotnilai | 79 | Kekal | | |
| Pampasan bagi rosotnilai | 80 - 81 | Kekal | | |

| | | | | |
|-----------------|---------|--------|---|---|
| Penyahiktirafan | 82 - 87 | | | |
| | 84 | Tambah | Aset wakaf yang dinyahiktiraf disebabkan proses istibdal. | |
| Pendedahan | 88 - 94 | | | |
| | 88 | Tambah | <ul style="list-style-type: none"> • Istibdal • Pendedahan aset perlu dilakukan mengikut kumpulan wang • Asingkan HLP umum & HLP amanah • Aset wakaf khas – pendedahan maklumat di buat dalam nota secara terperinci (jenis wakaf, bilangan & keluasan) atau secara agregat. Jika entiti membuat pendedahan secara agregat dalam nota, maklumat terperinci masih perlu didedahkan di tempat lain (contoh melalui laman sesawang, brosur atau laporan berkala kepada pihak yang berkepentingan) dan rujukan berkenaan perlu dinyatakan dalam nota. | Prinsip persembahan dan pendedahan mengikut kerangka syariah (Bab 6). |

Jadual 8.6: Seksyen 18 Aset tak ketara

| Kandungan | CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 31 | | | SUMBER |
|-----------|-------------------------------|------------------------|--|--------|
| | Perenggan MPSAS 31 | Kesesuaian MPSAS 31 | Huraian | |
| Objektif | 1 | Keluarkan | Dinyatakan dalam Seksyen 1 | |
| Skop | 1-3 | Pinda | <p>Skop seksyen</p> <p>Contoh:</p> <p>18.1 Seksyen ini terpakai untuk perakaunan bagi aset tak ketara dan aset tak ketara yang dipegang sebagai amanah selain dari muhibah dan aset tak ketara yang dipegang untuk dijual dalam operasi biasa perniagaan.</p> <p>18.2 Aset tak ketara ialah aset bukan kewangan yang boleh dikenal pasti yang tidak mempunyai bentuk fizikal. Aset dianggap boleh dikenal pasti apabila:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) boleh diasingkan, iaitu boleh diasingkan atau dipisahkan dari entiti dan dijual, dipindahkan, dilesenkan, disewakan atau ditukar ganti atau b) wujud dari hak kontrak atau hak perundangan, tidak kira sama ada hak tersebut boleh dipindahkan atau diasingkan dari entiti atau dari hak atau obligasi lain | |

| | | | | |
|------------------------------|-------|-----------|---|--|
| | | | 18.3 Aset tak ketara tidak termasuk: a) aset kewangan, atau b) hak ke atas bahan galian atau rizab galian seperti minyak, gas asli dan lain-lain rizab sumber semula jadi yang seumpamanya. | |
| | 4 | Keluarkan | Telah dinyatakan dalam Seksyen 1 | |
| | 5-10 | Kekal | | |
| Aset warisan tak ketara | 11-15 | Kekal | | |
| | | Tambah | Aset tak ketara yang dipegang sebagai amanah | |
| Definisi | 16 | Pinda | Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma Tambah definisi aset tak ketara amanah. Aset tak ketara amanah ialah aset tak ketara di bawah KWW dan KWZ. | |
| | 17-25 | Kekal | | |
| Pengiktirafan dan pengukuran | 26-27 | Kekal | | |
| | 28-30 | Pinda | Pindaan dengan menambah huraian ukuran yang digunakan mestilah selari dengan keperluan syariah. | |
| | 31-38 | Kekal | | |
| | 39 | Pinda | Perolehan aset tak ketara mengikut terma penyelesaian tertunda yang melibatkan elemen pembiayaan hendaklah dibuat dalam kontrak yang patuh syariah dan tidak melibatkan riba. | Surah Al-Baqarah ayat 275 – dalil pengharaman riba |

| | | | | |
|---|--------|--------|---|---|
| | 40-44 | Kekal | | |
| | 45 | Pinda | Tambah huraian ukuran yang digunakan mestilah selari dengan keperluan syariah. | |
| | 46-70 | Kekal | | |
| | 71 | Kekal | | |
| | | Tambah | Selepas pengiktirafan sebagai aset, Aset tak ketara yang dipegang sebagai amanah diakaunkan berdasarkan model penilaian semula. Sekiranya nilai saksama aset tidak dapat diukur dengan munasabah maka model kos boleh digunakan. | Pengukuran berdasarkan kos semasa lebih diutamakan (MASB SOP). Walau bagaimana pun, ukuran berdasarkan kos sejarah adalah tidak menyalahi syarak (Ustaz Engku Fadzil), dan dengan itu masih boleh dijadikan asas ukuran dalam kes tertentu. |
| | 72-83 | Kekal | | |
| | 84-86 | Kekal | | |
| | | Tambah | Pengiktirafan peningkatan amaun dalam penilaian semula aset tak ketara yang dipegang sebagai amanah perlu diiktiraf dalam kumpulan wang yang berkaitan (contoh diiktiraf dalam KWW sebagai peningkatan amaun aset wakaf tak ketara) | |
| Usiaguna | 87-95 | Kekal | | |
| Aset tak ketara dengan usia guna terhad | 96-105 | Kekal | | |

| | | | | |
|---|---------|--------|--|--|
| Aset tak ketara dengan usia guna tidak terhad | 106-109 | Kekal | | |
| Pemulihan amaun dibawa – kerugian rosot nilai | 110 | Kekal | | |
| Persaraan & pelupusan | 111-116 | Kekal | | |
| Pendedahan | 117-127 | Kekal | | |
| | | Tambah | <ul style="list-style-type: none"> • Pendedahan aset tak ketara mengikut kumpulan wang • Pengasingan pendedahan aset tak ketara yang umum & aset tak ketara amanah | Prinsip pembentangan dan pendedahan mengikut kerangka syariah (Bab 6). |

Jadual 8.7: Seksyen 19 Pajakan

| Kandungan | CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 13 | | | SUMBER |
|-----------|-------------------------------|------------------------|--|--|
| | Perenggan MPSAS 13 | Kesesuaian MPSAS 13 | Huraian | |
| Objektif | | Keluarkan | Dinyatakan dalam Seksyen 1 | |
| Skop | | Pinda | <p>Skop bagi seksyen</p> <p>Seksyen ini terpakai untuk perakaunan bagi semua jenis pajakan</p> | |
| | | | <p>Cadangan: Guna MFRS 16 sebagai asas untuk membangunkan piawaian bagi pajakan.</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perakaunan untuk penerima pajak (<i>lessee</i>) – satu model sahaja (tiada pajakan operasi atau pajakan kewangan) di mana aset pajakan diiktiraf sebagai sebagai Aset Dengan Hak Penggunaan (<i>Rights of Use</i>) dan liabiliti pajakan juga diiktiraf. 2. Perakaunan untuk pemberi pajak (<i>lessor</i>) – dikekalkan seperti sekarang (pajakan operasi atau pajakan kewangan) <p>Nota:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Berdasarkan amalan semasa: <ul style="list-style-type: none"> (i) urus niaga pajakan dijangka melibatkan pajakan tanah & bangunan KWW & KWB kepada pihak ketiga di mana MAIN adalah pemberi pajak (<i>Lessor</i>). | <p>MFRS 16</p> <p>Pengiktirafan aset pajakan diiktiraf sebagai sebagai Aset Dengan Hak Penggunaan (<i>Rights of Use</i>) dan liabiliti pajakan memberi gambaran yang lebih jelas tentang hak entiti ke atas aset dan lebih bersesuaian dengan prinsip syariah.</p> |

| | | | |
|--|--|--|--|
| | | <p>(ii) urus niaga pajakan sebagai penerima pajak (<i>lessee</i>) dijangka berlaku di peringkat anak syarikat sahaja.</p> <p>b) Lembaga IPSAS sedang dalam proses memperkenalkan IPSAS baru untuk Pajakan yang akan menggantikan IPSAS 13 (MPSAS 13) yang dijangka lebih mirip kepada IFRS 16 (MFRS 16). Draf Pendedahan (ED) dijangka diterbitkan pada penghujung 2017.</p> | |
|--|--|--|--|

Jadual 8.8: Seksyen 20 Pertanian

| Kandungan | CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 27 (MEMENUHI TUNTUTAN SHARIAH DAN PERUNDANGAN NEGERI) | | | SUMBER |
|------------------------------|--|------------------------|--|--------|
| | Perenggan MPSAS 27 | Kesesuaian MPSAS 27 | Huraian | |
| Objektif | 1 | Keluarkan | Dinyatakan dalam Seksyen 1 | |
| Skop | 2 - 8 | Pinda | <p>Skop bagi seksyen</p> <p>Contoh:</p> <p>Seksyen ini terpakai untuk aktiviti pertanian yang melibatkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Aset biologi dan b) Keluaran pertanian pada titik tuaian | |
| Definisi | 9 - 12 | Pinda | Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma | |
| Pengiktirafan dan pengukuran | 13 - 37 | Kekal | | |
| Pendedahan | 38-54 | Kekal | | |

Jadual 8.9: Seksyen 21 Rosotnilai Aset yang tidak Menjana Tunai

| Kandungan | CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 21 (MEMENUHI TUNTUTAN SHARIAH DAN PERUNDANGAN NEGERI) | | | SUMBER |
|-----------|---|------------------------|---|--------|
| | Perenggan MPSAS 21 | Kesesuaian MPSAS 21 | Huraian | |
| Objektif | 1 | Keluarkan | Dinyatakan dalam Seksyen 1 | |
| Skop | 2-13 | Pinda | <p>Skop seksyen</p> <p>Seksyen ini terpakai untuk perakaunan bagi rosot nilai semua aset</p> | MPERS |
| Definisi | 14 - 23 | Pinda | <ul style="list-style-type: none"> • Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma • Gunakan contoh yang bersesuaian dengan aktiviti Institusi WZB • Perenggan 15: Contoh - bangunan wakaf atau bangunan baitulmal yang disewakan untuk tujuan komersial. Tanah wakaf yang disewakan kepada pihak ketiga yang menjalankan aktiviti pertanian. • Perenggan 16: Contoh - pusat dialisis yang disediakan untuk asnaf tetapi turut disewakan kepada pihak lain dengan dikenakan bayaran. | MPERS |

| | | | | |
|--|---------|-------|--|--|
| Mengenal pasti aset yang mengalami rosot nilai | 24 - 34 | Pinda | Petunjuk - petunjuk yang jelas Sumber luar - guna 27(a) Sumber dalam - guna 25(c), (e) dan (f) | Kaedah bersifat ramalan (<i>predictive</i>) yang melibatkan ketidakpastian yang terlampaui - sepatutnya dijauhi atau dijadikan pilihan terakhir (Ustaz Engku Fadzil dan Ustaz Dr. Luqman). |
| Mengukur amaun perkhidmatan boleh pulih | 35 - 40 | Pinda | Keutamaan kepada kaedah Nilai Saksama Tolak Kos Jualan (<i>fair value less cost to sell</i>). Untuk kaedah Nilai Sedang Digunakan (<i>Value in Use</i>) – guna kaedah kos gantian disusutnilai (<i>Depreciated Replacement Cost</i>). Kaedah Kos Restorasi (<i>Restoration Cost</i>) dan kaedah Unit Perkhidmatan (<i>Service Units</i>) melibatkan anggaran dan mempunyai ketidakpastian yang tinggi. | <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah bersifat ramalan (<i>predictive</i>) yang melibatkan ketidakpastian yang terlampaui - sepatutnya dijauhi atau dijadikan pilihan terakhir. • Boleh dijadikan pilihan terakhir apabila urusan menjadi sempit dan ada keperluan. • Dalil: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya... (Al-baqarah: 286), Apabila Allah perintahkan, lakukan sesuatu yang termampu. (Ustaz Engku Fadzil dan Ustaz Dr. Luqman) |

| | | | | |
|---|----------|-------|---|--|
| Mengiktiraf dan mengukur kerugian rosot nilai | 51 - 57 | Kekal | | |
| Pembalikan kerugian rosot nilai | 58 - 70 | Pinda | Petunjuk – petunjuk yang jelas Sumber luar - guna 60(a) Sumber dalam – guna 60(d) dan (e) | Kaedah bersifat ramalan (<i>predictive</i>) yang melibatkan ketidakpastian yang terlampaui - sepatutnya dijauhi atau dijadikan pilihan terakhir (Ustaz Engku Fadzil dan Ustaz Dr. Luqman). |
| Pengkelasan semula aset | 71 - 72 | Kekal | | |
| Pendedahan | 72A - 92 | Kekal | | |

Jadual 8.10: Seksyen 21 Rosotnilai Aset yang Menjana Tunai

| Kandungan | CADANGAN BERDASARKAN MPSAS 26 (MEMENUHI TUNTUTAN SHARIAH DAN PERUNDANGAN NEGERI) | | | SUMBER |
|-------------------------|---|------------------------|---|--------|
| | Perenggan MPSAS 26 | Kesesuaian MPSAS 26 | Huraian | |
| Objektif | 1 | Keluarkan | Dinyatakan dalam Seksyen 1 | |
| Skop | 2-12 | | | |
| Definisi | 13 | Pinda | Definisi dimasukkan dalam Takrifan Terma | |
| Aset yang menjana tunai | 14 - 18 | Pinda | <ul style="list-style-type: none"> • Gunakan contoh yang bersesuaian dengan aktiviti Institusi WZB • Perenggan 15: Contoh - bangunan wakaf atau bangunan baitulmal yang disewakan untuk tujuan komersial. Tanah wakaf yang disewakan kepada pihak ketiga yang menjalankan aktiviti pertanian. • Perenggan 16: Contoh - pusat dialisis yang disediakan untuk asnaf tetapi turut disewakan kepada pihak lain dengan dikenakan bayaran. • Perenggan 17 yang memberikan contoh aset yang dibangunkan untuk tujuan komersial tetapi turut diguna sama untuk tujuan | |

| | | | | |
|---|---------|-------|--|---|
| | | | <p>kebajikan sosial tidak ditemui kerana matlamat utama entiti WZB ialah untuk menjaga kebajian sosial ummah. Oleh yang demikian, tumpuan diberikan kepada aktiviti kebajian sosial manakala aktiviti komersial dilaksanakan bagi memperoleh dana untuk menampung aktiviti kebajikan sosial.</p> | |
| Susut nilai | 19 | Kekal | | |
| Rosot nilai | 20 | Kekal | | |
| Mengenal pasti aset yang mengalami rosot nilai | 21 - 30 | Pinda | <p>Petunjuk - petunjuk yang jelas Sumber luar - guna 25(a) Sumber dalam - guna 25(dA) dan (e)</p> | <p>Kaedah bersifat ramalan (<i>predictive</i>) yang melibatkan ketidakpastian yang terlampaui - sepatutnya dijauhi atau dijadikan pilihan terakhir (Ustaz Engku Fadzil dan Ustaz Dr. Luqman).</p> |
| Mengukur amaun boleh pulih | 31- 36 | Pinda | <p>Keutamaan kepada kaedah Nilai Saksama Tolak Kos Jualan (<i>fair value less cost to sell</i>). Kaedah Nilai Sedang Digunakan (<i>Value in use</i>) – kurang sesuai kerana melibatkan anggaran alir tunai bersih dan penggunaan kadar diskauan dan mempunyai ketidakpastian tinggi.</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah bersifat ramalan (<i>predictive</i>) yang melibatkan ketidakpastian yang terlampaui - sepatutnya dijauhi atau dijadikan pilihan terakhir. • Boleh dijadikan pilihan terakhir apabila urusan menjadi sempit dan ada keperluan. |

| | | | | |
|---|-----------|-------|--|---|
| | | | | <ul style="list-style-type: none"> • Dalil: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya... (Al-baqarah: 286), Apabila Allah perintahkan, lakukan sesuatu yang termampu (Ustaz Engku Fadzil dan Ustaz Dr. Luqman). |
| Mengiktiraf dan mengukur kerugian rosot nilai aset individu | 71 - 75 | Kekal | | |
| Unit Penjanaan Tunai | 76 - 97 | Kekal | | |
| Pembalikan kerugian rosot nilai | 98 - 111 | Pinda | Petunjuk – petunjuk yang jelas Sumber luar - guna 100(a) Sumber dalam - guna 100(dA) dan (e) | Kaedah bersifat ramalan (<i>predictive</i>) yang melibatkan ketidakpastian yang terlampaui - sepatutnya dijauhi atau dijadikan pilihan terakhir (Ustaz Engku Fadzil dan Ustaz Dr. Luqman). |
| Pengkelasan semula aset | 112 - 113 | Kekal | | |
| Pendedahan | 114 - 125 | Kekal | | |

8.4 Kesimpulan

Kajian dalam Fasa Kedua memberi tumpuan kepada isu pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan bagi inventori, harta tanah pelaburan, harta tanah, loji dan peralatan, aset tak ketara, pajakan, rosot nilai dan pertanian. Cadangan yang dikemukakan merupakan sambungan kepada cadangan yang telah dikemukakan dalam Fasa Pertama.

Secara umumnya kriteria pengiktirafan, asas pengukuran dan keperluan pendedahan yang sedia ada sesuai digunakan untuk mengakaun dan melapor urus niaga khusus yang melibatkan WZB. Cabaran untuk isu yang dikaji dalam Fasa Kedua, ialah untuk memasukkan perbincangan dan contoh yang bersesuaian dengan aktiviti serta urus niaga yang dilibatkan oleh Institusi WZB bagi memastikan amalan perakaunan dan pelaporan kewangan adalah selaras dengan keperluan syariah.

Perkara yang memerlukan perhatian termasuk keperluan untuk menentukan titik pengiktirafan berasaskan syariah bagi aset serahan, pengiktirafan aset yang dibeli atau dibina menggunakan sumber antara kumpulan wang, pengiktirafan dan pengukuran aset yang diterima sebagai wakaf khas, masalah pengiktirafan bagi tanah dengan status tertentu, kaedah pengukuran yang bersesuaian bagi asas kos semasa yang merupakan asas pengukuran yang diutamakan serta persempahan dan pendedahan maklumat yang lebih berinformasi selaras dengan prinsip pembentangan dan pendedahan syariah.

Berdasarkan cadangan yang dikemukakan, pindaan yang signifikan melibatkan piawaian untuk inventori, harta tanah pelaburan, harta tanah loji dan peralatan, aset tak ketara dan pajakan. Secara perbandingan, pindaan yang dicadangkan ke atas piawaian untuk pertanian dan rosot nilai adalah minimum. Rujukan yang disertakan sebagai asas adalah lebih bersifat umum kerana tiada rujukan yang khusus terutama bagi cadangan yang bersifat teknikal. Cadangan yang bersifat teknikal adalah berdasarkan kepada ‘*technical know-how*’ kumpulan penyelidik dengan berpandukan kepada pandangan kumpulan pakar yang ditemui bual termasuk dapatan dari Fasa Pertama.

BAB SEMBILAN

RUMUSAN, LIMITASI DAN HALA TUJU KAJIAN

9.1 Pengenalan

Bab-bab sebelum ini telah melaporkan tentang dapatan kajian yang dimulai dengan amalan perakaunan berkaitan aset Institusi WZB yang meliputi aset hartanah, loji dan peralatan, hartanah pelaburan, inventori, aset tak ketara, pajakan, pertanian serta rosotnilai aset. Seterusnya adalah laporan tentang kerangka kerja konseptual pelaporan kewangan menurut keperluan syariah dari aspek pengoperasian perakaunan aset iaitu elemen penyata kewangan yang menjadi fokus dalam kajian Fasa Kedua ini. Turut dilaporkan dalam bab sebelum ini adalah berkaitan batasan perundangan yang relevan dengan kajian, meliputi perundangan sivil dan syariah termasuk enakmen Kerajaan Negeri yang berkaitan. Dapatan utama kajian telah dikemukakan dalam bab seterusnya iaitu cadangan kepada piawaian perakaunan Islam bagi Institusi WZB khususnya piawaian berkaitan aset hartanah, loji dan peralatan, hartanah pelaburan, inventori, aset tak ketara, pajakan, pertanian serta rosotnilai aset (bagi aset menjana tunai dan aset tidak menjana tunai). Sebagai penutup laporan, Bab Kesembilan ini akan memberikan rumusan dan menjelaskan limitasi serta halatuju kajian bagi meneruskan usaha pembangunan piawaian perakaunan Islam bagi Institusi WZB di Malaysia.

9.2 Rumusan

Secara keseluruhan, beberapa rumusan boleh dibuat hasil daripada kajian pada Fasa Kedua ini. Rumusan tersebut adalah seperti berikut:

Pertama, berdasarkan amalan perakaunan aset di Institusi WZB dalam Zon 1, dari segi pengiktirafan, secara amnya dapat disimpulkan bahawa sebahagian aset diiktiraf oleh Institusi WZB dalam penyata kewangan dan sebahagian yang lain tidak diiktiraf. Kesemua aset tanah wakaf yang dikhaskan tujuannya untuk kebajikan seperti untuk pembinaan masjid, sekolah agama/pusat tahniz dan tanah perkuburan tidak diiktiraf dalam Penyata Kewangan sebaliknya hanya direkodkan dalam daftar aset wakaf. Bagi aset tanah wakaf am iaitu yang tidak dikhaskan tujuan pewakafannya, sebahagian Institusi WZB mengiktirafnya pada nilai nominal RM1 atau pada nilai saksama. Manakala sebahagian yang lain tidak mengiktirafnya, hanya merekodkan sahaja dalam daftar aset.

Aset tanah wakaf juga boleh terdiri daripada tanah anugerah kerajaan iaitu apabila pihak kerajaan menganugerahkan tanah kepada Institusi WZB bagi tujuan kebajikan seperti pembinaan masjid atau tanah perkuburan. Wakaf ini dinamakan wakaf *Irsod* dan amalan di semua Institusi WZB yang dikaji, tanah wakaf yang dianugerahkan oleh kerajaan ini juga tidak diiktiraf dalam penyata kewangan. Sebaliknya, tanah anugerah kerajaan untuk digunakan bagi tujuan pembangunan diiktiraf pada nilai nominal. Selain aset tanah wakaf dan tanah anugerah kerajaan, aset tanah Institusi WZB juga terdiri daripada tanah faraid bahagian baitulmal iaitu apabila tanah orang perseorangan yang meninggal dunai tetapi tidak mempunyai waris untuk dibahagikan secara faraid. Tanah ini menjadi milik Institusi WZB sebagai aset baitulmal dan diiktiraf pada nilai nominal RM1 atau pada nilai yang ditetapkan mahkamah. Kajian mendapati sebab utama mengapa semua kategori aset tanah yang tidak diiktiraf adalah kerana kos untuk menilai aset berkenaan pada nilai semasa adalah tinggi walaupun jika dinilai oleh Jabatan Penilaian Harta. Kajian juga mendapati, walaupun kebanyakan aset tanah wakaf am tersebut tidak dinilai tetapi jika aset tersebut hendak dimaju atau dibangunkan atau apabila berlakunya istibdal, penilaian akan dibuat ke atas aset berkenaan.

Dari segi pengukuran susulan untuk aset tanah yang diktiraf, model kos atau nilai nominal diamalkan oleh Institusi WZB yang dikaji. Dari segi pendedahan, bagi aset tanah yang diiktiraf dalam muka penyata kewangan, pendedahan dibuat dalam nota kepada akaun mengikut keperluan minimum piawaian yang digunakan. Hanya sebahagian kecil Institusi WZB yang dikaji mempunyai pendedahan dalam nota kepada akaun yang agak terperinci. Bagi aset tanah wakaf yang tidak diiktiraf, tidak didedahkan dalam nota kepada akaun. Walau bagaimanapun, terdapat Institusi WZB yang mendedahkan perincian aset wakaf tersebut termasuk saiz keluasan, lokasi dan tujuan aset dalam nota kepada akaun, walaupun ia tidak diiktiraf. Sungguhpun tidak didedahkan dalam nota kepada akaun, kajian mendapati mereka membuat pendedahan atau pemakluman tentang aset-aset wakaf yang didaftarkan dalam medium selain daripada laporan kewangan seperti dalam Ringkasan Ekesutif tahunan atau dalam Buletin Institusi yang diterbitkan secara berkala. Ini disebabkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri yang terlibat mengkehendaki semua aset wakaf diwartakan untuk pengetahuan umum.

Bagi aset bangunan, secara umum amalan Institusi WZB yang dikaji, kesemua aset bangunan samada bangunan wakaf yang dibina atau dibeli daripada kutipan tunai saham wakaf diiktiraf dalam penyata kewangan. Selain itu bangunan yang dibina atau dibeli daripada Kumpulan Wang Baitulmal dan bangunan anugerah kerajaan untuk tujuan operasi perkhidmatan juga

diiktiraf. Kesemua aset bangunan diiktiraf pada kos kecuali bangunan wakaf diterima daripada kerajaan diiktiraf pada nilai nominal RM1. Bagi pengukuran susulan, aset bangunan diukur samada menggunakan model kos atau pada nilai nominal (jika pengiktirafan awal pada nilai nominal).

Secara umum dari segi pendedahan, aset bangunan didedahkan dalam nota kepada akaun mengikut keperluan minimum piawaian yang diguna pakai. Terdapat Institusi WZB yang mendedahkan secara berasingan aset bangunan mengikut kumpulan wang dan terdapat juga Institusi WZB yang mendedahkan aset bangunan bersekali dengan aset tanah.

Bagi hartanah pelaburan, kajian mendapati mulai tahun 2016 selaras dengan keperluan MPERS, hartaanah biasanya bangunan yang menjanakan tunai contohnya daripada penyewaan, atau hartaanah yang dipegang bagi tujuan penambahan modal telah diakaun dan didedahkan secara berasingan sebagai hartaanah pelaburan. Sebelum tahun 2016 yang mengunakan PERS, tiada pengklasifikasi kepada hartaanah pelaburan. Semua aset yang berkenaan diakaunkan sebagai hartaanah, loji dan peralatan.

Selain tanah, bangunan dan hartaanah pelaburan, aset utama lain yang turut diakaunkan di Institusi WZB adalah aset inventori. Aset inventori yang dilaporkan dalam penyata kewangan adalah inventori anak syarikat iaitu inventori yang dipegang bagi tujuan untuk dijual. Bekalan yang digunakan dalam operasi harian dan untuk tujuan perkhidmatan tidak diakaunkan sebagai inventori sebaliknya diakaunkan sebagai belanja operasi. Pengiktirafan awal inventori yang diamalkan adalah pada kos dan pengukuran pada akhir tempoh perakaunan adalah pada nilai di antara kos dan nilai boleh realis bersih dan kaedah purata berwajaran diamalkan. Pendedahan item inventori di kalangan Institusi WZB di Zon 1 ini adalah pada tahap terhad hingga sederhana.

Bagi aset tak ketara dan aset pertanian, setakat tahun perakaunan yang dikaji, tiada pelaporan tentang aset tak ketara dan aset pertanian. Walaupun perisian komputer menurut MPERS boleh diiktiraf sebagai aset tak ketara, tetapi dari segi amalan ia tidak dilakukan. Sebaliknya perisian komputer diakaunkan sekali dengan peralatan komputer di bawah kategori aset hartaanah, loji dan peralatan. Bagi aset pertanian, ia tidak diakaunkan kerana dalam tahun yang dikaji tiada Institusi WZB yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pertanian. Walau bagaimanapun, terdapat Institusi WZB yang mempunyai perancangan untuk membangunkan tanah samada tanah baitulmal atau tanah wakaf dengan menjalankan aktiviti pertanian. Sekiranya ia berlaku seperti dirancangkan, pada masa hadapan terdapat potensi untuk mengakaunkan aset pertanian.

Dari segi urusniaga pajakan, tidak semua Institusi WZB dalam Zon 1 melibatkan urusniaga berkenaan. Urusniaga pajakan yang terlibat adalah pajakan operasi yang mana MAIN yang terlibat hanya bertindak sebagai pemberi pajak. Urus niaga pajakan kewangan hanya berlaku di peringkat anak syarikat MAIN sahaja. Pendedahan tentang pajakan adalah amat terhad yang mana hanya polisi perakaunan untuk pajakan sahaja yang didedahkan, perincian lain tentang urusniaga pajakan yang terlibat tidak dilaporkan.

Perkara penting yang berkaitan dengan aset yang juga menjadi fokus dalam kajian Fasa Kedua ini adalah rosotnilai iaitu rosotnilai bagi aset yang menjana tunai dan rosotnilai bagi aset yang tidak menjana tunai. Setakat tahun yang dikaji pada Fasa ini, tiada Institusi WZB yang mengakaunkan rosotnilai walaupun semasa kerja lapangan dijalankan terdapat Institusi WZB yang memaklumkan tentang bencana alam seperti kejadian tanah runtuhan yang boleh menjelaskan nilai harta tanah tetapi penjejasan ini tidak dinilai atau diuji bagi menentukan olahan perakaunan yang sepatutnya mengikut piawaian perakaunan.

Kedua, seperti yang telah ditekankan dalam kajian pada Fasa Pertama sebelum ini, terdapat keperluan kepada pembangunan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan patuh syariah bagi membantu pembangunan piawaian perakaunan Islam. Pada Fasa 1 yang lepas, kajian telah membangunkan Kerangka Kerja Konseptual pelaporan kewangan patuh syariah bagi Institusi WZB dengan mengambil kira asas utama dalam agama Islam iaitu prinsip tauhid kepada Allah SWT. Prinsip tauhid ini ditunjangi kepada amalan akauntabiliti kepada Allah SWT (*Habrum min Allah*) dan kepada manusia (*Habrum Min Annas*) yang berlandaskan kepada maqasid syariah. Pada Fasa Kedua ini, kajian telah mengemukakan cadangan untuk membantu mengukuh dan melengkapkan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan dari perspektif Islam. Secara khusus, cadangan yang dikemukakan adalah pada peringkat pengoperasian perakaunan yang melibatkan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan aset. Selain itu, cadangan kepada Kerangka Kerja Konseptual juga turut melibatkan tafsiran dan kategori aset yang dipertanggungjawabkan kepada Institusi WZB sebagai pemilik atau sebagai pemegang amanah aset berkenaan.

Ketiga, sebelum cadangan kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB dikemukakan, kajian Fasa Kedua ini telah membuat semakan perundangan sivil dan syariah berkaitan yang melibatkan perundangan persekutuan dan enakmen Kerajaan negeri. Secara khusus, perundangan Persekutuan yang disemak adalah Perlembagaan Persekutuan, Kanun Tanah Negara, Akta Pengambilan Tanah manakala perundangan Negeri yang disemak adalah Ordinan Tanah Sabah, Ordinan Pengambilan Tanah Sabah, Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri yang terlibat dalam Zon 1 kajian serta enakmen-enakmen negeri

yang khusus berkaitan WZB. Batasan perundangan yang dibincangkan adalah berkaitan pendaftaran dan perletakhakan, pemberian milikan tanah pegangan pajakan serta pengambilan tanah yang didapati boleh memberi implikasi perakaunan terutama dari segi kekurangan perincian tentang prosedur pendaftaran dan perletakhakan dalam enakmen kerajaan negeri dan pengambilan balik tanah oleh Kerajaan. Sekiranya batasan perundangan berkaitan perkara ini tidak diberi perhatian, ia boleh menganggu kelancaran proses perakaunan seperti pengiktirafan dan penilaian aset yang terlibat.

Perundangan berkaitan akaun dan pelaporan kewangan iaitu Akta Tatacara Kewangan, Akta Badan Berkanun, Enakmen kerajaan negeri yang mempunyai kaitan dengan akaun, Garispanduan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf turut juga disemak. Semakan ini penting untuk mengenalpasti peruntukan mana dalam perundangan tersebut yang mengikat Institusi WZB dan perlu diambilkira untuk memastikan kelancaran pemakaian piawaian perakaunan Islam yang akan diguna pakai pada masa hadapan. Selain itu semakan perundangan tersebut juga penting untuk mengenalpasti peruntukan mana dalam perundangan tersebut yang memberi ruang atau keluwesan untuk memastikan pemakaian piawaian perakaunan Islam yang dicadangkan berjalan lancar.

Keempat, cadangan kepada pembangunan Piawaian Perakaunan Islam bagi memperakaunkan aset khususnya aset hartanah, loji dan peralatan, harta tanah pelaburan, inventori, aset tak ketara, pajakan dan pertanian serta rosot nilai aset adalah melibatkan bentuk dan kandungan. Dari aspek bentuk piawaian, keperluan khusus serta keunikan peranan dan aktiviti Institusi WZB diambilkira. Dari aspek kandungan, MPSAS berkaitan (MPSAS 12,13,16,17,21,26, 27 dan 31) dijadikan asas utama untuk mencadangkan samada peruntukan MPSAS berkenaan bersesuaian dan boleh dikekalkan atau memerlukan pindaan, penambahan atau pengguguran dengan mengambilkira prinsip dan keperluan syariah. Selain MPSAS sebagai asas utama, peruntukan lain seperti SORP, AAOFI, SOPi (MASB) dan Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf turut serta dijadikan panduan dalam mengemukakan cadangan kepada pembangunan piawaian perakaunan berkaitan. Secara khusus, pindaan yang dibuat kepada kandungan lapan MPSAS berkenaan melibatkan penambahan terutama bagi item-item patuh syariah yang tidak diliputi dalam MPSAS tersebut dan pengguguran sekiranya keperluan MPSAS berkenaan bertentangan dengan tuntutan syariah. Keperluan MPSAS sedia ada dikekalkan jika tidak bercanggah dengan syariah dan/atau selari dengan aktiviti Institusi WZB.

9.3 Limitasi Kajian

Terdapat beberapa limitasi kajian yang perlu diambilkira dalam meneliti dapatan kajian ini. Limitasi kajian tersebut adalah seperti berikut:

Pertama, cadangan kepada piawaian perakaunan Islam yang dikemukakan dalam kajian ini adalah khusus untuk Institusi WZB yang mentadbir WZB termasuk MAIN dan agensi berkaitan di bawahnya seperti Lembaga Zakat, Perbadanan Wakaf dan Perbadanan Baitulmal. Entiti lain yang diberi mandat atau kuasa oleh MAIN sebagai pentadbir (mutawalli), agen atau wakil wakaf yang kebanyakannya terdiri dari universiti awam seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) tidak diambilkira amalan perakaunannya.

Kedua, dalam usaha memahami amalan perakaunan aset yang menjadi fokus kajian Fasa Kedua ini, laporan kewangan terkini Institusi WZB yang dianalisa adalah laporan kewangan tahun 2015 yang menggunakan piawaian perakaunan PERS. Ini disebabkan pada masa kajian lapangan dilakukan, penyata kewangan semasa tahun 2016 yang menggunakan piawaian perakaunan MPERS masih atau baru selesai diaudit. Walaupun semasa temubual atau perbincangan kumpulan fokus dijalankan bersama akauntan dan pihak pengurusan Institusi WZB turut menyentuh amalan perakaunan tahun 2016, perkara yang disentuh atau yang diterangkan berkemungkinan tidak menyeluruh sepertimana yang dibentangkan dalam penyata kewangan.

Ketiga, dapatan yang dilaporkan dari segi batasan perundangan hanya mengambilkira Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan enakmen khusus berkaitan WZB (bagi negeri yang mempunyai enakmen tersebut). Enakmen dan peraturan-peraturan syariah lain bagi negeri-negeri yang terlibat yang berkemungkinan turut menyentuh perkara-perkara berkaitan WZB tidak diambilkira. Selain itu, semakan perundangan hanya melibatkan enakmen kerajaan negeri untuk lima negeri sahaja iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Sabah. Peruntukan perundangan kerajaan negeri-negeri lain di Malaysia mungkin berbeza dan perlu diambilkira dalam pembangunan keseluruhan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB.

Keempat, pandangan pakar dari segi keperluan syariah berkaitan perakaunan aset adalah terhad kepada pakar-pakar yang terlibat dalam kajian ini sahaja dan terhad mengikut pandangan mazhab Shafi'e. Amalan tiga mazhab lain dalam sesetengah perkara khususnya yang melibatkan perkara-perkara fiqh muamalat sekiranya diambilkira berkemungkinan memberi dapatan dan kesimpulan yang berbeza.

9.4 Hala Tuju Kajian

Kajian dalam Fasa Kedua ini hanya memfokuskan kepada elemen aset sahaja khususnya berkaitan aset hartanah, loji dan peralatan, hartanah pelaburan, inventori, aset tak ketara, pajakan, pertanian serta rosotnilai aset. Usaha untuk membangunkan Piawaian Perakaunan Islam bagi Institusi WZB akan diteruskan pada masa akan datang yang akan melibatkan elemen-elemen lain penyata kewangan seperti aset kewangan, liabiliti, hasil dan belanja. Bagi membantu usaha pembangunan piawaian perakaunan tersebut pada masa akan datang, perkara-perkara berikut boleh diambilkira dalam kajian akan datang.

Pertama, usaha untuk membangunkan Kerangka Kerja Konseptual Pelaporan Kewangan patuh syariah bagi Institusi WZB perlu diteruskan kepada pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan elemen-elemen lain penyata kewangan iaitu aset kewangan, liabiliti, ekuiti, hasil dan belanja serta perkara-perkara lain berkaitan pendedahan dan pelaporan. Keperluan ini adalah penting untuk membangunkan keseluruhan piawaian perakaunan Islam yang berkaitan yang boleh digunakan khususnya oleh Institusi WZB.

Kedua, terdapat kecenderungan bahawa penemuan itu lebih menumpukan kepada satu kumpulan berkepentingan sahaja, iaitu MAIN dan entiti yang berkaitan yang diberikuasa oleh MAIN seperti Lembaga zakat dan Perbadanan Wakaf. Walaupun mereka adalah entiti penting dalam hal ini, amalan perakaunan pihak lain yang menjadi *mutawali* atau wakil MAIN khususnya dalam perkara berkaitan wakaf dan zakat adalah juga perlu dikaji dan diambilkira pada masa akan datang. Ini penting untuk memahami amalan perakaunan secara keseluruhan yang akan menjadi input berguna dalam pembangunan keseluruhan piawaian perakaunan Islam berkenaan yang boleh digunakan oleh keseluruhan institusi yang mentadbir WZB, bukan terhad kepada MAIN dan entiti di bawahnya sahaja.

Ketiga, untuk menentukan keperluan syariah bagi elemen-elemen lain penyata kewangan pada masa akan datang, penglibatan lebih banyak pakar-pakar perakaunan Islam dan fiqh muamalat di dalam dan luar negara adalah diperlukan untuk mendapatkan input yang lebih menyeluruh meliputi pandangan mazhab selain mazhab Shafi'e tetapi masih berpegang kepada amalan *sunnah wal jamaah*. Pandangan berkaitan keperluan syariah dari segi perakaunan yang lebih menyeluruh ini adalah penting kerana banyak perkara melibatkan pengoperasian perakaunan seperti pengiktirafan dan pengukuran tidak dinyatakan secara khusus dalam Al-Quran mahupun hadis. Justeru, pandangan daripada lebih ramai pakar perakaunan Islam dan fiqh muamalat dapat dijadikan input yang sangat berguna bagi mendapatkan satu *consensus* atau *ijtihad* berkaitan keperluan syariah bagi perkara-perkara

yang melibatkan pengoperasian perakaunan yang akan diputuskan oleh Jawatankuasa Syariah dalam proses penggubalan Piawaian Perakaunan Islam berkenaan.

SENARAI RUJUKAN

- Abdul Majid, M.Z 1999, 'Kefahaman konsep dan amalan wakaf di Malaysia hari ini. Dalam Nik Mustapha Nik Hassan (penyt.) Konsep dan Perlaksanaan Wakaf di Malaysia', Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Rahman, A.R., Daud, M & Yusuf, I 1999, 'Current practices and administration of waqf in Malaysia: a preliminary study', Awqaf Report-Malaysia.
- Abdul Rahman, A.R 2017, 'Perakaunan, pelaporan dan tadbir urus akaun kumpulan & tabung amanah majlis agama islam', Nota pembentangan INTAC Series 2017, IIUM.
- Abdul Rahman, A.R 2010, 'An Introduction to islamic accounting theory and practice cert', Publications Kuala Lumpur.
- Ahmad, Y & Ibrahim, I.A 2006, 'Konsep harta menurut perspektif undang-undang islam dan undang-undang sivil: satu tinjauan MALIM', Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara, vol. 7, pp. 123-138. ISSN 1511-8393.
- Ahmed, A.A 2012, 'Accounting in Islamic perspective: a timely opportunity a timely challenge', ASA University Review, vol. 6, no. 2, pp.11-31.
- Al-Attas 1978, 'Islam and Secularism', International Institute of Islamic Thought and Civilization (INSTAC), Kuala Lumpur.
- Al-Bakri, Z.M 2010, Halal dan haram dalam Islam, Terjemahan dari kitab al-Halal wa al-Haram Fi al-Islam Dr. Yusuf al-Qaradhawi, Terbitan Darul Syakir Enterprise Al-Quran dan terjemahannya.
- Al-Sayuti, Jalal a-Din Abd al-Rahman 1959, 'Al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' Fiqhi al-Syafi'iya', Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Auladih.
- Ariffin, M, Yahya, M.Z, & Sahi, A 2015, Syariah Islamiah, Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka, ISBN: 9789836273314.
- Asmak A.R. 2009, 'Peranan wakaf dalam pembanguna ekonomi umat islam dan aplikasinya di Malaysia', Jurnal Syariah, vol.17 no.1 113-152.
- Askary, S. & Clarke, F. 1997, 'Accounting in the Koranic Verses', Proceedings of International Conference, the vehicle for Exploring and Implementing Shari'ah Islami'ah in Accounting, Commerce and Finance, University of Western Sydney, Australia.
- Azmi, A.C. & Hanifa, M.H 2015, 'The sharia-compliance of financial reporting practices: a case study on waqf, Journal of Islamic Accounting and Business Research, vol. 6, no. 1, pp. 55-72.
- Bunasir, M.A, & Wahid, H 2017, 'Pembangunan harta aqar zakat1: kajian terhadap model pembangunan harta aqar2 Majlis Agama Islam Negeri Johor', Prosiding PERKEM 12 2017 (pp.211 – 220).
- Conceptual Framework for general purpose financial reporting by public sector entities 2014, IPSASB.
- Creswell, J.W 2007, Qualitative Inquiry and research design: choosing among five approaches, 2nd Ed., Thousand Oaks, CA: Sage.

Crofts, K 2013, Perceptions of accountability by managers of faith-based social service not-for-profit organisations and forms and methods of reporting used by these organisations to discharge accountability obligations to stakeholders, PhD dissertation, Charles Stuart University, New south Wales.

Faruqi 1982, Islamization of knowledge: general principles and workplan, (Herndon: iilt, 1982), (pp.13 & 48).

Gray, R., Owen, D., & K. Maunder 1987, Corporate social reporting: accounting and accountability, Prentice-Hall International, UK.

Haniffa, R., Hudaib, M., & Mirza, A.M 2004, Accounting policy choice within the Syariah Islamiah framework, Discussion Papers in Accountancy and Finance, SOBE, University of Exeter, vol. 2, pp. 4-19.

Haneef, MAM 1997, Islam, Islamic Worldview, and Islamic Economics, IIUM Journal of Economics Management. No.5, Vol.1.

Hasan Basri and A.K. Siti Nabiha 2010, Towards good accountability: the role of accounting in islamic religious organisation, The International Conference on Business, Economics and Finance, World, Academy of Science, Engineering and Technology, Paris, France.

Hashim, R., & Rossidy, I 2000, 'Islamization of knowledge: a comparative analysis of the conceptions of Al-Attas and Al-Faruqi', Intellectual Discourse, vol.8, no.1, pp. 19-44.

Hisyam, Y 2006, Waqf accounting in Malaysian State Islamic Religious Institution (SIRC): The case of Federal Territory SIRC, Unpublished Master's Dissertation, International Islamic University Malaysia, Gombak, Selangor, Malaysia

Ihsan, H. & Ibrahim, S.H 2011, 'Waqf accounting and management in Indonesian waqf institutions the cases of two waqf foundations', Humanomics, Vol. 27, no.4, pp.252-269

Ismail, A.M 2005, Kaedah-kaedah fiqh: suatu pengenalan ringkas, kajian syariah dan undang-undang, Siri 2, Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.

Ismail, S 2014, Perbahasan Usul Fiqh: Satu Pengenalan Awal, Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.

Jabatan Wakaf, Zakat dn Haji (JAWHAR) 2010, Manual Pengurusan Peletakhakan Tanah Wakaf. Putrajaya: JAWHAR.

Jasmi, K. A 2012, Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif in kursus penyelidikan kualitatif, Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka.

Kamus Dewan edisi Keempat,
<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kamus%20online>

Kasim, M.U 2005, Zakat teori, kutipan dan agihan, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Majid, J., Haliding, S 2014, 'The need for the islamization of knowledge in accounting Al-Iqtishad', Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah, North America.

Malaysian Accounting Standard Board (MASB) 2014, Research Paper: Waqf

Malaysian Accounting Standard Board (MASB) statement of principles i-1 financial reporting from an Islamic Perspective (MASB SOPi) 2017.

Md Hussain M.N., Naiimi, N. & Mohd Shuib, M.S 2013, 'Mengurus harta menurut iqh muamalat. Sintok: UUM Press.

Mirza 2012, The concept of corporate reporting from an islamic perspective: an overview, Paper Presented at The International Islamic Accounting and Finance Conference 2012 (IIAFC2012), Organized by Accounting Research Institute (ARI), the Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA, Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia (pp.19-21). [Peer Reviewed Paper].

Mujaini Tarimin 2005, Golongan penerima zakat: Agihan dana zakat secara lebih berkesan, Penerbit UiTM.

Muji Tahir, H 2016, Gagasan kesyumulan fiqh muamalat dalam sistem kewangan islam Bangi, Penerbit UKM.

Muji Tahir, H 2007, Institusi baitulmal dalam pembangunan negara, Penerbit UKM Bangi.

Muji Tahir, H & Ahmad, S 2009, Aplikasi fiqh muamalat dalam sistem kewangan Islam, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) UiTM, Selangor.

Mustaffha, N & Zainal, M, F 2016, Waqf and accounting treatment: pursuing the transparency and accountability – A case study, Proceeding of the 3rd International Conference on Masjid, Zakat & Waqf (IMAF).

Nahar, H.S 2011, 'Accountability in the sacred context: the case of management, accounting, and reporting of A Malaysian cash awqaf institution, Journal of Islamic Accounting and Business Research, pp.87-113.

Naim, A.M 2008, Maqasid Syariah dan pemikiran pengurusan Islam, Penerbit UUM, Sintok.

Omar, H.H, Abu Bakar, A, Shuib, M. S & Jusoh, M.K.A. J 2016, Penggunaan kaedah b. o. t dalam usaha membangunkan tanah wakaf majoodsaw pulau pinang, pembiayaan & pembangunan wakaf dalam melestarikan ekonomi ummah: cabaran dan prospek masa hadapan, Penerbit USIM.

Qardawi, Yusuf 2000, Fiqhuz Zakah, Dirasatu Muqaranati li Ahkamiha wa Falsafatiha fi Dhau'il Qur'an was Sunnah. Vol. 2. Ed. Ke-24. Bairut. Al-Resalah Publisher.

Salleh, M.F.M, Basnan, N., Ahmad, A., Harun, A., Naim, M.A, & Wahid, H 2016, 'Cadangan item pendedahan bagi pelaporan institusi wakaf, zakat dan baitulmal', IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management, Vol. 6, pp.23-44.

Shahul Hameed, M 2000, The need for islamic accounting: perceptions of malaysian muslims accountants and academics on the objectives and characteristics of islamic accounting, Unpublished PhD Thesis, University of Dundee, U.K.

Siti Rokyah, M.Z 2005, Determinants of financial reporting practices on waqf by state islamic religious council in Malaysia, Unpublished Master's Dissertation, International Islamic University Malaysia, Gombak, Selangor.

Sulaiman, M 2003, 'The influence of riba and zakat on islamic accounting', Indonesian Management and Accounting Review, pp.149-167.

Sulaiman, M 2005, Islamic corporate reporting: between the desirable and the desired research centre, IIUM, Kula Lumpur.

Syed Hussein, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

The Law Dictionary. <https://thelawdictionary.org/trust-property/>

Wahbah al-Zuhaili 1999, Fiqh dan Perundangan Islam. Jilid V. Ahmad Shahbari Salamon et. al (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wahbah al-Zuhaili 2005, Fiqh dan Perundangan Islam. Jilid IV. Md Akhir Hj Yaacob et. al (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wahbah az-Zuhaili 2011, Fiqh Islam Wa Adillatuhu. Jilid 3. Abdul Hayyie al-Kattani (terj.). Jakarta: Gema Insani.

Wahbah az-Zuhaili 2011, Fiqh Islam Wa Adillatuhu. Jilid 10. Abdul Hayyie al-Kattani (terj.). Jakarta: Gema Insani.

W Syawal, K.2009, 'Prinsip Akauntabiliti Dalam Institusi Zakat, Seminar Zakat Kebangsaan 2009. Kuala Lumpur.

Yaacob, H, Petra, S., & Sumardi, 2015, Accountability through accounting and reporting lenses lessons from an awqaf institution in a Southeast Asia Country, Humanomics, vol 31, no.1, pp. 299-31.

GLOSARI

Adat bermaksud peraturan yang sudah diamalkan turun temurun (sejak dahulu kala) dalam sesuatu masyarakat (sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi).

Al-falah bermaksud kejayaan di dunia dan di akhirat.

Al-ihtikar bermaksud kegiatan memonopoli suatu barang untuk dijual semula dengan harga yang lebih tinggi.

Fund accounting bermaksud kaedah perakaunan dan pelaporan berdasarkan kumpulan wang.

Fuqaha bermaksud orang-orang yang mentafsirkan makna-makna al-Quran dan hadis

Gharar bermaksud ketidaktentuan dan ketidakjelasan sesuatu transaksi.

Harta aqar bermaksud harta tak alih seperti bangunan, tapak tanah dan rumah, iaitu harta yang tidak mungkin dapat dipindahkan dari tempatnya. Tambahan menurut mazhab Maliki, termasuk juga sesuatu yang jika boleh dipindahkan, pasti berlaku perubahan terhadap fizikalnya.

Hujjah wakaf bermaksud suratan-suratan, perjanjian berkaitan wakaf.

Islamisasi ilmu pengetahuan merujuk kepada proses adaptasi dan penyesuaian semula disiplin ilmu mengikut acuan Islam.

Istibdal bermaksud menggantikan suatu harta wakaf (bagi tujuan pengekalan ‘ain) dengan harta lain atau wang yang sama atau lebih tinggi nilainya sama ada melalui gantian, belian, jualan atau apa-apa cara lain yang sah menurut hukum syarak.

Mal bermaksud harta.

Mardhatilah bermaksud tujuan hidup sebagai orang mukmin adalah mencapai keridhaan Allah S.W.T.

Maukuf merujuk kepada harta yang diwakafkan yang merupakan salah satu rukun wakaf.

Mukallaf bermaksud orang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan dan perintah untuk menjalankan hukum tuntutan agama Islam serta menjauhi laranganNya atas dasar orang tersebut sudah mencapai usia dewasa dan mempunyai akal (akil baligh) serta telah sampai seruan agama (syariat Islam) kepadanya.

Mutawalli bermaksud pihak yang diamanahkan untuk mengurus dan mentadbir wakaf.

Sighah bermaksud lafaz akad yang merupakan salah satu rukun yang mesti wujud pada sesuatu kontrak.

Syumul bermaksud lengkap dan bersifat sejagat.

LAMPIRAN 1

JADUAL PERINCIAN KERJA LAPANGAN YANG TELAH DILAKSANAKAN

Jadual A: Kutipan Data di MAIN Zon 1

| Tarikh | Tujuan | Lokasi | Jumlah jam kutipan data |
|-----------------------------|-------------------------|--------|-------------------------|
| 4 April hingga 6 April 2017 | Kutipan data objektif 1 | MAINJ | 16 jam |
| 12 April 2017 | Kutipan data objektif 1 | MAINS | 5 jam |
| 27 April 2017 | Kutipan data objektif 1 | MAIS | 6 jam |
| 3 Mei hingga 5 Mei 2017 | Kutipan data objektif 1 | MUIS | 16 jam |
| 11 Mei 2017 | Kutipan data objektif 1 | MAIM | 8 jam |
| 23 Mei 2017 | Kutipan data objektif 1 | MAIS | 6 jam |
| Jumlah jam | | | 57 jam |

Jadual B: Kutipan Data Bersama Panel Pakar

| Tarikh | Tujuan | Lokasi | Jumlah jam kutipan data |
|-------------------|---|--|-------------------------|
| 15 Mei 2017 | Kutipan data objektif 3 & 4 Pakar piawaian: Dato' Mohammad Faiz Azmi | Pejabat PWC KL Sentral | 2 jam |
| 4 Julai 2017 | Kutipan data objektif 2&3 Pakar shariah: Ustaz Engku Fadzil | IKSIM, Putrajaya | 4 jam |
| 5 Julai 2017 | Kutipan data objektif 2&3 Pakar shariah: Dr. Luqman | FEP, UKM | 4 jam |
| 17 Julai 2017 | Kutipan data objektif 2&3 Pakar shariah: Dato' Dr. Hailani Muji Tahir | Kediaman panel pakar di Sungai Ramal, Kajang | 2 jam |
| 8 Ogos 2017 | Kutipan data objektif 3 Pakar undang-undang: Prof. Dr. Ismail Bin Omar | Pan Pacific Hotel, Kuala Lumpur | 3 jam |
| Jumlah jam | | | 15 jam |

LAMPIRAN 2

PROFIL PAKAR SHARIAH DAN PAKAR UNDANG-UNDANG/PIAWAIAN YANG DIRUJUK:

1. DATO' DR. HAILANI MUJI TAHIR

Pendidikan

- Sarjanamuda Syariah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (1974)
- Sarjana Ekonomi UKM (1980)
- PhD Ekonomi Islam Aberdeen University, Scotland (1984)

Kerjaya

- Professor di UKM (2011 – bersara)
- Panel Perunding Syariah antaranya Affin Islamic Bank Berhad (1995 -2009); PAB Unit Trust Management Berhad (1995- 2010), Permata Merchant Bank Berhad (1995 – 2009).
- Pengurus Jawatankuasa Zakat Dan Maitul Mal MAIS pada tahun 1988 hingga 1999.
- Ahli Jawatankuasa Pengurusan Waqaf Zakat MAIS pada tahun 2002 hingga 2008.
- Ahli Lembaga Pengarah MAIS Zakat Sdn. Bhd. pada tahun 2005.
- Ahli Jawatankuasa Operasi Agihan Zakat LZS, MAIS.

2. DATO' MOHAMMAD FAIZ AZMI

Pendidikan

- BA, Durham University, 1984; Council for Legal Education, 1985
- Keahlian professional Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW), Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA), Malaysian Institute of Accountants (MIA), Association of Chartered Islamic Financial Professionals (ACIFP)

Kerjaya

- Pengurus Eksekutif PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia
- Pengurus Islamic Finance Consultative Group of the International Accounting Standards Board (IASB)
- Felo ICAEW
- Council member MICPA
- Mantan Pengerusi Asian-Oceanian Standard Setters Group (AOSSG) 2009/2010
- Mantan Presiden Malaysian Institute of Accountant (MIA)
- Mantan Pengerusi Malaysian Accounting Standard Board (MASB)
- Ahli AAOIFI (Middle East Islamic Standards Setter) Accounting and Auditing Standards Board (AASB)
- Ahli Lembaga Penasihat Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, UM
- Ahli Jawatan Kuasa Hala Tuju Bidang Perakaunan 3

3. USTAZ ENGKU AHMAD FADZIL ENGKU ALI

Pendidikan

- Masters Degree in Islamic Judiciary, Jordan University 2000
- Bachelor Degree in Shariah Law with First Class Honors IIUM 1994
- Bachelor Degree in Laws (Second Class Honors Upper) IIUM 1993
- Malay College Kuala Kangsar 1986

Kerjaya

- Felo Kanan Institut Kajian Strategik Islam Malaysia (IKSIM)
- Member of Shariah Committee Bank Muamalat
- Member of Shariah Committee Agro Bank
- Advocate and Solicitor of the High Court of Malaya 1995
- Mantan Pensyarah IIUM

4. USTAZ DR. LUQMAN HAJI ABDULLAH**Pendidikan**

- PhD, Edinburgh University, UK, 2005
- Bachelor Syariah (Hons), UM 1993

Kerjaya

- Center For Development of Pondok Studies Ltd (Kelantan), Board Member, 2010,
- Fakulti Pengurusan Muamalat Kolej Islam Antarabangsa Selangor, Advisory Committee, 2010 to 2010
- MAA Takaful, Member Of Shariah Committee, 2010 to 2014
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Panel Pakar Syariah, 2013 to 2016,
- Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Member, 2013 to 2014
- Jabatan Syariah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Academic Advisor, 2014 to 2016
- Journal of Arts Science and Commerce, Editorial Board Member, 2014,
- Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan, Member For Syariah Advisory Council, 2015 to 2016
- Jurnal Fiqh, Editorial Board, UM 2016
- JAKIM, Committee Of Experts, 2016 to 2018
- Amanah Raya Berhad, Advisory Advisory Council Syariah, 2016 to 2019,
- Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Syariah Committee / Fatwa State, 2016 to 2017
- Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ Malaysia, Member of Shariah Committee, 2017 to 2017
- Council of Scholars/Fatwa for Kelantan Islamic Religious Council, Committee, 2017 to 2017
- Suruhanja Sekuriti Malaysia, Registered Syariah Advisor, 2017 to 2020

5. PROF. DR. ISMAIL OMAR**Pendidikan**

- PhD (Ekonomi Tanah), University of Aberdeen UK, 1999
- Sarjana Property, University of South Australia, 1992
- Sarjana Muda Pengurusan Estate, Heriot-Watt University, 1986
- Diploma Penilaian, UTM, 1983

Kerjaya

- Profesor, Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, UTHM
- Felo Penyelidik Institut Transformasi Sosial Wilayah (TRANSFORM), UTHM
- Ketua penyelidik wakaf pengajian tinggi negara di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi.

- Presiden, Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (PERTAMA)
- Mantan Associate Profesor, Department of Real Estate, UTM

Berikut pula adalah profil pakar undang-undang yang dirujuk secara tidak langsung (melalui perjumpaan semasa menyertai seminar Akta Wakaf Negara pada 9 Oktober 2017 di Kelab Tasik Putrajaya, dan Bengkel Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171): Potensi Penjanaan Hasil Melalui Endowmen atau Wakaf pada 19 Oktober 2017 di Hotel Dorsett, Putrajaya):

1. PROF. DATO SALLEH BUANG

Pendidikan

- A Barrister-at-law from Lincoln's Inn, England
- Trained under a post graduate UN fellowship at the International Court of Justice at The Hague Netherlands

Kerjaya

- Profesor, Universiti Teknologi Malaysia (kampus kedah)
- Board of Syariah Advisors, As-Salihin Trustee Berhad
- Mantan Peguam Negara
- Konsultasi Undang-Undang Bebas
- Kolumnis Berita Harian, Utusan Malaysia dan NST

2. PROF. MADYA DR. SITI MASHITO AHAMMOOD

Pendidikan

- PhD, Birmingham University, UK
- Msyariah, University of Malaya
- BsyA(Hons), University of Malaya

Kerjaya

- Panel Guaman dan Perundingan Syariah, Syarie Lawyers and Law Consultancy, 2005
- Syariah Court, Kuala Lumpur, Sharie Lawyer, 2005 to 2016
- As-Salihin Trustee Bhd, Member of Shariah Committee, 2005 to 2017,
- Majlis Agama Islam Selangor, Member of Law Committee, 2012 to 2017,
- Yayasan Waqaf Malaysia, Advisory Board, 2012 to 2015
- Perbadanan Wakaf Selangor- Chairman to Waqf Management Committee, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bersama Dana Wakaf Ilmu KUIS & Perbadanan Wakaf Selangor., Chairman, 2016
- Ahli Panel Pakar Muamalat JAKIM, Panel Member, 2016 to 2018

LAMPIRAN 3

SENARAI KERANGKA PERUNDANGAN/PIAWAIAN YANG DIRUJUK

| Bil. | Akta/undang-undang | Undang-undang Persekutuan/Negeri |
|------|--|----------------------------------|
| 1. | Perlembagaan Persekutuan | Persekutuan |
| 2. | Kanun Tanah Negara 1965 | Persekutuan |
| 3. | Akta Pengambilan Tanah 1960 | Persekutuan |
| 4. | Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan 1980) | Persekutuan |
| 5. | Akta Tatacara Kewangan 1957 | Persekutuan |
| 6. | Akta Audit 1957 | Persekutuan |
| 7. | Akta Tatacara Kewangan 1957 | Persekutuan |
| 8. | Akta Audit 1957 | Persekutuan |
| 9. | Akta Kerajaan Tempatan 1976 | PBT |
| 10. | Oridinan Tanah Sabah | Negeri |
| 11. | Oridinan Pengambilan Tanah Sabah | Negeri |
| 12. | Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 | Negeri |
| 13. | Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 | Negeri |
| 14. | Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 | Negeri |
| 15. | Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 | Negeri |
| 16. | Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004 | Negeri |
| 17. | Enakmen Perbadanan Baitulmal 1998 | Negeri |
| 18. | Enakmen Zakat dan Fitrah 1993 | Negeri |
| 19. | Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 | Negeri |
| 20. | Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 | Negeri |
| 21. | Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 | Negeri |
| 22. | Peraturan-Peraturan Zakat Dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012 | Negeri |
| 23. | Peraturan-Peraturan Pungutan Zakat Dan Fitrah, Urusan Wakaf Dan Baitulmal Negeri Melaka 1982 | Negeri |
| 24. | Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri | Negeri |
| 25. | Manual Pengurusan Peletakhakan Tanah Wakaf 2010 | Manual JAWHAR |
| 26. | Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf 2007 (2009) | Manual JAWHAR |
| 27. | Manual Pengurusan Istibdal Wakaf 2010 | Manual JAWHAR |
| 28. | Manual Pengurusan Tanah Wakaf 2006 | Manual JAWHAR |
| 29. | Manual Pengurusan Wakaf Tunai 2009 (2017) | Manual JAWHAR |
| 30. | Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS) | JANM |
| 31. | Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) | MASB |
| 32. | Private Entities Reporting Standard (PERS) | MASB |
| 33. | Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) | MASB |
| 34. | MASB Statement of Principles i-1 Financial Reporting from an Islamic Perspective (MASB SOP) | MASB |
| 35. | Conceptual Framework for General Purpose Financial Reporting by Public Sector Entities 2014 | IPSASB |
| 36. | Statement of Recommended Practice (SORP) (revised 2005 & 2015) | Accounting Standards Board, UK |
| 37. | Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) | AAOIFI, Bahrain |